

*Naskhah belum disemak*

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 21**

**Rabu**

**15 Disember 2010**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman 1)
<b>MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2011	(Halaman 31)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 15 Disember 2010**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit
- Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit dan Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong di atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara yang baru.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat adalah dianggap orang-orang yang sangat bertuah dan bernasib baik kerana dilantik daripada berpuluh juta warganegara Malaysia untuk menganggotai Ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia yang boleh menampung hanya maksimum 70 orang sahaja.

Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan termasuk saya sendiri di suatu ketika dahulu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, ingin saya mengingatkan agar kita semua hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita langgar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita semua lafazkan. Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Yang Berhormat membaca, memahami dan mempraktikkan dengan bijak dua perkara iaitu Perlembagaan Negara dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Setelah memahami, menghayati dan dapat mempraktikkannya dengan cara yang baik semasa berucap atau berbahas, tentu sekali akan memberi keyakinan dan seterusnya melambangkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berwibawa serta dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengingatkan diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar marilah kita semua berazam dan memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara yang mulia ini sebagai satu Dewan Negara yang bermaruah, berkualiti, berkredibiliti dan berintegriti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah sudah Majlis Mengangkat Sumpah kita pada hari ini.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:-

- (a) bagaimanakah pihak Kementerian membantu golongan wanita yang terjejas dari segi kedudukan ekonomi yang disebabkan oleh krisis ekonomi global; dan
- (b) langkah-langkah bagi meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam "tenaga kerja" negara.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kedua-dua Senator yang baru, seorang wanita dan seorang lelaki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau wanita akan sokong sahajalah.

**Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit dan Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong. Saya percaya, kedua-dua mereka mampu untuk menunaikan kewajipan sebagai Ahli Dewan Negara dengan cemerlangnya.

Saya juga mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengalu-alukan – agak ramai daripada ahli keluarga dan juga sahabat handai daripada Ahli Yang Berhormat yang kedua ini. Pertama, saya lihat bahawa ramai daripada wanita dari Wilayah yang hadir khususnya dari kawasan Parlimen Bukit Bintang. Saya hendak mengucapkan selamat datang ke Dewan yang mulia ini. Juga, kepada delegasi yang saya difahamkan datang untuk memberi sokongan dan semangat kepada Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong yang diketuai oleh Datuk Azman Ujang. Selamat datang ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, kesan krisis ekonomi global adalah lebih besar ke atas golongan wanita berbanding lelaki kerana mereka ini lebih mudah terdedah kepada risiko krisis tersebut. Laporan *International Labor Organization* dengan izin, *Women in labor markets: Measuring progress and identifying challenges* menunjukkan bahawa kadar pengangguran wanita di peringkat global meningkat daripada 6% pada tahun 2007 kepada

7% pada tahun 2009, iaitu lebih tinggi berbanding lelaki daripada 5.5% menjadi 6.3% bagi tahun-tahun tersebut. Fenomena ini juga berlaku di Malaysia di mana seramai 36,420 orang pekerja tempatan telah berhenti kerja bagi tempoh bulan Oktober 2008 hingga bulan April 2010. Daripada jumlah ini, 47% atau 17,126 orang daripada mereka adalah pekerja wanita.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan pengupayaan ekonomi golongan wanita yang terjejas akibat krisis ekonomi yang di antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan latihan kemahiran bagi membolehkan wanita menjana pendapatan melalui program seperti Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, Jejari Bestari dan Inkubator Keusahawanan Wanita di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Program ini difokuskan kepada golongan wanita dalam kalangan isi rumah 40% terendah, masyarakat Orang Asli dan etnik minoriti di Sabah dan Sarawak;
- (ii) menggalakkan golongan wanita menceburi program keusahawanan. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya melatih dan membangunkan seramai 4,550 orang usahawan wanita yang baru di bawah inisiatif NKRA kementerian. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,629 orang daripada mereka telah mampu untuk mendapat pendapatan melebihi RM3,500 sebulan;
- (iii) pihak kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan bantuan mikro kredit bagi menggalakkan wanita menceburi bidang perniagaan. Antaranya, Skim Pembangunan Francais Wanita di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang memberi bantuan pembiayaan sehingga RM500,000 dan Skim Bantuan Khas Untuk Usahawan Wanita di bawah SME Corp. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang memberikan pinjaman mudah sehingga RM1 juta bagi membiayai sesuatu perniagaan;
- (iv) kerajaan menggalakkan golongan wanita untuk menceburi kegiatan ekonomi bukan tradisi seperti penyediaan perkhidmatan mengasuh kanak-kanak di rumah; dan
- (v) mengadakan pelbagai latihan dan kursus kemahiran kepada golongan wanita bagi membolehkan mereka mempelajari kemahiran baru melalui agensi seperti Kementerian Sumber Manusia khususnya bagi wanita-wanita yang diberhentikan daripada kerja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga amat prihatin terhadap isu penyertaan wanita dalam tenaga buruh negara. Maka dengan itu, di bawah RMKe-10, kerajaan mensasarkan peningkatan

kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh daripada 46.4% kepada 55% pada tahun 2015. Bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan.

Antaranya ialah penggubalan peraturan kerja separa masa (*part time regulation*) dengan izin, bagi menarik wanita dan mereka yang berminat untuk bekerja separa masa. Selain itu, memudahkan proses mencari peluang pekerjaan melalui portal Jobs Malaysia. Juga, menggiatkan usaha mewujudkan keseimbangan antara kerja dan kerjaya dengan izin, *work life balance* melalui pelaksanaan waktu kerja anjal (*flexi hours*) dan bekerja dari rumah ataupun *home working*. Melalui kaedah *home working* ini misalnya, Jabatan Tenaga Kerja melaporkan sehingga September 2010, seramai 2,823 wanita telah mendapat pekerjaan dengan 159 buah syarikat swasta.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bidang Petunjuk Utama Ekonomi Negara pula, program *internship* atau latihan praktikal akan dilaksanakan di mana bakal graduan wanita disangkutkan di syarikat-syarikat swasta bagi melengkapkan mereka dengan kelayakan yang diperlukan oleh sektor swasta. Terima kasih.

**Puan Usha Nandhini a/p S.Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah faktor-faktor penyumbang yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian sebagai punca berlakunya kadar peratusan tenaga kerja wanita lebih ramai yang diberhentikan kerja berbanding golongan lelaki? Bagaimanakah sambutan pihak majikan terhadap konsep bekerja dari rumah ataupun *home office* yang telah diperkenalkan oleh pihak kementerian sejak 2004 yang sudah tentunya akan dapat menggalakkan lebih ramai wanita menyumbang ke arah perkembangan ekonomi negara? Terima kasih.

**Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perhitungan kementerian, kita kurang berpuas hati dengan tahap atau prestasi wanita-wanita yang bekerja di rumah. Ini kerana, kita berpendapat bahawa lebih ramai wanita patut digilap potensi dan bakat mereka untuk bekerja dari rumah. Tambah pula, iklim yang ada pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat ramai wanita yang mempunyai kelulusan yang tinggi tetapi apabila mereka terpaksa memilih di antara kerjaya dan juga rumah, secara umumnya wanita akan memilih untuk menjaga keluarga daripada keluar bekerja.

Maka dengan itu Yang Berhormat, saya harap bahawa semua pihaklah – bukan hanya kementerian, tetapi pemimpin-pemimpin terutamanya daripada pihak akar umbi akan mempromosikan konsep dengan izin, *home working* mahupun *flexi hours*. Kita bersama-sama harus *sensitize* majikan-majikan yang ada supaya mereka tahu bahawa sebenarnya walaupun wanita – mahupun wanita ataupun seorang lelaki bekerja di rumah, jika bersesuaian dengan pekerjaan itu, itu tidak bermakna bahawa kualiti pekerjaan ataupun komitmen kepada pekerjaan akan jatuh prestasi atau kualiti mereka.

Keduanya, bagi menjawab soalan Yang Berhormat kenapa kalau ada dengan izin, *retrenchment* ataupun pilihan – memang di seluruh dunia secara umumnya boleh saya katakan,

bahawa iklim ataupun *environment* tempat kerjanya adalah lebih mesra kaum bapa. Ini mengikut budaya tradisi yang ada. Namun begitu, *environment* ini kian berubah. Akan tetapi apabila ada pilihan, selalunya – kalau terpaksa dipilih antara lelaki dan wanita, majikan akan pilih yang pertama iaitu mereka yang boleh memperuntukkan masa yang lebih lama dengan izin, *dedicate more hours* di tempat kerja. Akan tetapi, anggapan itu pada hari ini kian berubah.

Ini kerana, wanita di Malaysia menunjukkan kualiti perkhidmatan yang begitu baik. Rata-rata, mana-mana pun kalau kita bercakap dengan majikan, mereka memberi pujian bahawa wanita yang ada di tempat kerja pada hari ini menunjukkan prestasi, komitmen dan dedikasi dan juga kepakaran yang begitu baik. Saya percaya bahawa kalau satu ketika dahulu kalau ada *choice retrenchment*, wanitalah yang akan menjadi mangsanya.

#### ■1020

Akan tetapi percayalah Yang Berhormat, pada masa sekarang dan akan datang, itu tidak akan berlaku lagi. Apa yang akan berlaku adalah sesiapa yang menjadi pekerja yang berkualiti yang mampu untuk memberi sumbangan kepada syarikat itu, mereka itulah yang akan dihargai.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, tahniah kepada Kementerian Yang Berhormat Menteri kerana telah banyak menyuntik kejayaan untuk kaum wanita terutama apabila diukur dengan MDG. Cuma, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada dua perkara. Saya setuju wanita selalu jadi mangsa – apabila berlaku krisis, dibuang, dan dalam masa yang sama juga wanita disuruh bekerja untuk menampung kekurangan pendapatan keluarga.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, ada dua. Satu, mungkin *to give due recognition* dengan izin, kepada sumbangan wanita, mungkin kita kena tengok semula definisi *labor force participation rate* dan juga apa yang dikatakan dalam *labor force* dan luar *labor forces*, kerana kita kena menghargai apa yang dikatakan *disguise an employment* dan *under employment* supaya dilihat semula definisinya. Adakah Kementerian untuk berlaku adil kepada wanita dan juga yang lain, meminta *to hoist that Department of Statistic* supaya melihat semula definisi ini. Itu satu.

Kedua, ekoran daripada kejayaan Kementerian Yang Berhormat Menteri membangunkan wanita dan mengambil kira trend sekarang orang lelaki semakin kurang berada di universiti, maka sesuai atau tidak sekarang nama Kementerian Yang Berhormat Menteri diubah kepada Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat supaya ia nampak seimbang perhatian – bukan untuk wanita sahaja. Juga, merangka satu dasar jangka panjang bagaimana hendak menangani trend akan datang bahawa nampaknya lebih banyak *househusband* daripada *housewife*. Terima kasih.

**Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bukan dikhaskan hanya untuk wanita. Apabila kita bercakap tentang pembangunan keluarga dan pembangunan masyarakat, sudah semestinya

ia termasuk sekali kaum bapa. Cuma oleh kerana apabila kementerian in ditubuhkan, ada perlunya perhatian spesifik diberi kepada pembangunan wanita kerana di dalam pembangunan negara – kalau satu ketika dahulu Yang Berhormat Senator, kita bercakap tentang hal ehwal wanita, ia agak remeh sedikit. Dekad selepas itu kita bercakap tentang wanita dalam pembangunan.

Maknanya, ada pembangunan negara dan wanita hanya memainkan peranan beberapa peratus sahaja. Akan tetapi hari ini, hasil daripada perjuangan kerajaan Barisan Nasional, kita cakap tentang wanita dan pembangunan. Maknanya, tidak ada wanita, tidak adalah pembangunan. Jadi, ada kelainan dari satu dekad ke satu dekad yang lain. Itu kerana kita memberi perhatian secara kolektif kepada pembangunan wanita. Akan tetapi pada masa yang sama, itu tidak bererti bahawa pembangunan kaum bapa diabaikan.

Hari ini kalau kita tengok sumbangan wanita secara formal di bidang tenaga kerja, kaum bapa lebih banyak daripada kaum wanita. Jadi saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat Senator bahawa jangan kkuatir. Melalui kementerian, kita sentiasa prihatin tentang isu-isu kaum bapa terutama peranan yang mereka tunaikan sebagai bapa dalam keluarga dan juga sebagai pemimpin di dalam masyarakat.

Jadi saya rasa buat masa ini belum ada perlu lagi kita hendak buang nama wanita itu dan hanya guna pembangunan keluarga dan masyarakat, tetapi saya rasa bahawa dengan hujah Yang Berhormat itu, *it is compliment* kepada bukan hanya kepada kementerian tetapi kepada kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini bahawa kerajaan mengambil berat tentang wanita yang ada di Malaysia.

Keduanya, saya memang rasa tertarik dengan isu Yang Berhormat bawa tadi tentang dengan izin, *disguise an employment or unemployment* dengan *labor force participation rate* dengan izin. Sebenarnya, di Malaysia ini tidak ada seorang wanita yang tidak bekerja. Kalau kita lihat, bahawa setiap wanita di Malaysia pada hari ini menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan juga negara. Cuma, mereka ada dalam pasaran kerja secara formal ataupun tidak formal – ada di rumah menjadi suri rumah.

Hari ini saya tidak bawa angka yang terperinci bahawa kalau kita hitung sumbangan suri rumah misal kata – walaupun dia punya *figure* tidak ada dalam formal *labor force* punya perangkaan, tetapi sumbangan suri rumah itu memang terlalu tinggi untuk dinilai. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Pendekatan yang baru kita perlu lihat dan pihak di kementerian kita sudah mula memberi pengiktirafan kepada sumbangan suri rumah kepada pembangunan negara. Terima kasih.

2. **Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini dalam usaha pembangunan kembali kawasan Kampung Baru, Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada elemen penting dalam pembangunan Kampung Baru ialah penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru di bawah satu akta Parlimen. Berdasarkan kepada perbincangan bersama dengan para pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru, pihak kementerian telah mendapat maklum balas bahawa majoriti ataupun kebanyakan penduduk bersetuju supaya Kampung Baru dibangunkan oleh kerajaan.

Satu Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru telah pun dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 14 Disember 2010 – semalam. Selain itu, kementerian sedang dalam proses menjalankan dua kajian iaitu penilaian hartanah Kampung Baru dan kajian sosial bagi penduduk Kampung Baru terhadap cadangan pembangunan semula dan inventori guna tanah Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, penilaian hartanah Kampung Baru akan dijalankan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan dan firma penilai swasta yang dilantik. Manakala kajian sosial bagi penduduk Kampung baru terhadap cadangan pembangunan semula dan inventori guna tanah Kampung Baru Kuala Lumpur pula akan dijalankan oleh universiti tempatan yang dilantik.

Apabila penilaian hartanah siap kelak, maka nilai sebenar hartanah di Kampung Baru akan dapat diketahui. Manakala hasil kajian sosial bagi penduduk Kampung Baru terhadap cadangan pembangunan semula dan inventori guna tanah Kampung Baru Kuala Lumpur pula akan memberi gambaran mengenai kehendak sebenar pemilik-pemilik tanah di Kampung Baru. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya alu-alukan dengan ura-ura pembentukan Perbadanan Kampung Baru tetapi satu yang agak tercicir dalam jawapan Menteri tadi ialah usaha-usaha untuk memastikan bahawa aspek-aspek sejarah dan budaya Kampung Baru itu dikekalkan.

Saya tidak pasti sama ada pihak yang berkenaan menyedari atau tidak. Di Kampung Barulah bermulanya kerjasama politik antara UMNO dan MCA yang dipelopori oleh Syeikh Ahmad – tetangga saya yang tidak jauh dari masjid pada masa itu. Walaupun sudah ada ura-ura untuk mengadakan kajian sosial, tetapi saya tidak dengar Timbalan Menteri menyebut – ini kerana kajian sosial Tuan Yang di-Pertua, lebih banyak tertumpu kepada hal ehwal semasa. Yang tidak kurang pentingnya ialah untuk kita memastikan bahawa nilai-nilai sejarah, nilai-nilai budaya yang ada pada Kampung Baru itu dikekalkan. Untuk itu, saya mencadangkan – saya sedar bahawa beberapa pertemuan telah diadakan antara pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Soalan saya, supaya diadakan juga atau adakan ura-ura untuk mengadakan pertemuan dengan golongan budayawan dan sejarawan untuk memastikan bahawa pembangunan Kampung Baru itu tidak hanya tertumpu kepada aspek-aspek komersial sahaja tetapi juga tertumpu kepada aspek sejarah, budaya dan politik. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya dilahirkan, dididik dan dibesarkan di kawasan Kampung Baru – di Jalan Raja Muda. Maka, saya kenal Kampung Baru lebih daripada ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Pada asalnya, ia merupakan tanah rizab pertanian yang dikenali sebagai tanah rizab *Malay Agricultural Settlement (MAS)* pada 12 Januari 1900. Pada 11 Januari 1994, tanah rizab pertanian ini mula dibeli oleh Kerajaan Negeri Selangor dan sehingga kini hampir keseluruhan kawasan MAS telah dimiliki. Tanah yang diberi hak milik ini adalah di bawah kategori penggunaan tanah bangunan yang mana majoriti syarat nyata tanah tersebut adalah kediaman.

■1030

Tanah di Kampung Baru bukannya tanah rizab Melayu seperti yang dikatakan oleh orang ramai. Walau bagaimanapun kesemua tanah ini mempunyai sekatan kepentingan yang hampir sama dengan tanah rizab Melayu yang berbunyi, “Tanah yang diberi hak milik ini tidak boleh diduduki atau dipindah milik kepada bukan Melayu.” Ini mengikut sejarah.

Walaupun bagaimanapun, apabila kita merancang untuk pembangunan Kampung Baru saya bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa semua ciri-ciri tradisi masyarakat Melayu ataupun bumiputera akan dikekalkan dan kerajaan akan pastikan mereka yang berpengalaman atau mengetahui sejarah dalam pembangunan Kampung Baru ataupun sejarah Kampung Baru akan diberi peluang untuk menganggotai sebagai anggota perbadanan. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kampung Baru telah sebelum ini ditubuhkan satu jawatankuasa yang bernama MAS pada tahun 1901. Pertanyaan saya apabila Akta Perbadanan Kampung Baru ini diwujudkan, apakah fungsi MAS itu sendiri yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tugas utama dia masih berfungsi ataupun tidak dan bagaimanakah mekanismenya untuk penjelasan supaya tenaga ataupun jawatankuasa yang mewakili MAS ini dapat diserapkan melalui lembaga ini. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil kira pembangunan sekitar di seluruh Kuala Lumpur khususnya jika kita bandingkan dengan kedudukan nilai hartanah di antara *golden triangle* ataupun Kampung Baru di mana terletak tidak jauh daripada satu kilometer. Nilai hartanah di *golden triangle* hampir RM2,000 satu kaki persegi,

tetapi kita lihat nilai hartanah di Kampung Baru cukup jauh berbeza. Maka kerajaan telah membuat keputusan untuk membangunkan – ini salah satu langkah kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan kaum bumiputera ataupun kaum Melayu tidak terpinggir daripada arus pembangunan. Maka dalam proses pembangunan ini kerajaan telah mengambil kira atau Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengambil kira pandangan dan cadangan semua pihak, dan dari sejak kita merancang sehingga kita menyiapkan projek ini semua lapisan masyarakat termasuk MAS akan diberi peluang untuk menganggotai dan mengambil bahagian supaya kita sama-sama menjayakan pembangunan Kampung Baru dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**3. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian bercadang memperluaskan Program Bumi Hijau membabitkan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di kawasan perumahan di bandar dan pinggir bandar seluruh negara bagi membantu ekonomi keluarga dan mengurangkan beban kenaikan harga barang.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Tuan Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Golongan sasaran bagi Program Bumi Hijau adalah penduduk kawasan perumahan di bandar dan pinggir bandar untuk bercucuk tanam bagi mengeluarkan sendiri bahan makanan segar yang berkhasiat dan selamat dimakan serta meringankan beban kewangan pengguna akibat kesan kenaikan harga barangan makanan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya bercadang memperluaskan Program Bumi Hijau. *What's your answer to that?*

**Tuan Chua Tee Yong:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa ini ia merupakan untuk penduduk kawasan perumahan di bandar dan pinggir bandar termasuklah kawasan perumahan. Maka memang adalah inisiatif kita pada masa ini dan bukan cadangan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja jawapan? Terima kasih. Seterusnya teruskan Yang Berhormat soalan tambahan.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Kempen Bumi Hijau sebagai amalan bercucuk tanam telah dirasmikan di peringkat kebangsaan semenjak 2006 lagi dengan menekankan konsep pengeluaran makanan untuk kegunaan sendiri, tapi apakah langkah kerajaan bagi memastikan kejayaan Kempen Bumi Hijau terutamanya di kalangan penduduk-penduduk taman perumahan di bandar dan pinggir bandar termasuk Putrajaya dan juga walaupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerima peruntukan RM3.3 bilion bagi belanja mengurus dan pembangunan dalam Bajet 2011, saya dapati tiada peruntukan khas bagi Program Bumi Hijau ini. Jadi bagaimanakah kerajaan boleh memastikan bekalan makanan adalah selamat, mencukupi dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan khususnya melalui Program Bumi Hijau. Terima kasih.

**Tuan Chua Tee Yong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Penilaian telah juga dibuat atas Program Bumi Hijau dan memang secara puratanya setiap peserta Program Bumi Hijau dapat menjimatkan belanja dapur sebanyak RM30 seminggu atau RM120 sebulan bagi tanaman. Bagi peserta-peserta yang terlibat dalam Program Bumi Hijau menurut kajian kita dia terdiri daripada dua golongan iaitu peserta individu dan juga peserta komuniti. Untuk peserta individu kebanyakannya mengusahakan di rumah mereka dan peserta komuniti di kawasan perumahan, di mana mereka bergotong-royong untuk mengusahakan satu tapak yang tertinggal atau tanah yang diberikan.

Maka kita mendapat kajian bahawa dari segi peserta komuniti di antara 60% hingga 70% adalah berterusan dan untuk peserta individu adalah hanya 40%. Kementerian kita beranggapan bahawa untuk menggalakkan bidang pertanian atau perumahan terlibat dalam pertanian ini bukan sahaja memerlukan inisiatif kerajaan, tetapi juga memerlukan komitmen peserta-peserta untuk meneruskan program ini, dan menurut kajian kita seramai 91% individu dan 89% peserta komuniti menyatakan mereka akan meneruskan Program Bumi Hijau walaupun bantuan atau insentif tidak diberi.

Dari segi peruntukan yang diberi untuk RM3.3 bilion yang kita dapati untuk mengurus, kebanyakan wang dan dana ini peruntukannya segelintir besar adalah untuk subsidi padi dan pengeluaran padi. Pada tahun 2011 kementerian akan mengadakan kempen dan langkah lagi untuk menggalakkan Program Bumi Hijau, tetapi sama ada input atau insentif seperti baja dan selainnya akan diberi masih dalam tahap perancangan, kerana pada masa ini kita perlu faham bahawa pada permulaannya Program Bumi Hijau adalah kerana untuk menyayangi atau menyelesaikan dan meringankan beban rakyat semasa harga sayur-sayuran dan harga bahan makanan meningkat tinggi pada tahun 2008. Maka pada masa ini sama ada ia akan diteruskan masih dalam tahap perbincangan. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tadi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang peratusan yang terlibat antara individu dan komuniti. Yang saya ingin tanyakan adalah, berapakah jumlah individu yang terlibat sebagai peserta bumi hijau di peringkat individu dan komuniti dan adakah pihak kementerian mendapat kerjasama daripada agensi sama ada dalam kementerian ataupun dari kementerian yang lain untuk memastikan Program Bumi Hijau ini mendapat kejayaan.

**Tuan Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya bagi sebagai contoh untuk 2010 peruntukan yang kita dapat untuk bumi hijau adalah sebanyak RM3 juta, tapi pada tahun 2010 untuk peserta individu yang menyertai Program Bumi Hijau adalah sebanyak 68,000 dan untuk peserta komuniti adalah sebanyak 31,000. Jumlah hasil pengeluaran adalah sebanyak 1.84 juta metrik tan dengan nilai pengeluaran RM3.68 juta. Memang dari segi inisiatif dan komitmen kerajaan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kebanyakan agensi kita memang bekerjasama dan melihat untuk sentiasa mempromosikan bidang pertanian ini kepada

penduduk dan juga rakyat Malaysia, tetapi sama ada peserta ini ingin meneruskan usaha mereka bergantung juga kepada komitmen mereka untuk menghasilkan bahan-bahan makanan ini. Sekian, terima kasih.

■1040

4. **Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan ketika ini, majoriti pembantu rumah asing yang bekerja di Malaysia adalah warga Indonesia. Adakah kerajaan bercadang untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah dari negara Asia yang lain.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Datuk Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Lee Cheam Choon bertarikh 22 Disember 2010, soalan No. 44 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setuju.

**Datuk Lee Chee Leong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini negara sumber yang dibenarkan untuk pengambilan pembantu rumah asing atau PRA di Malaysia adalah Indonesia, Thailand, Cambodia, Filipina, Sri Lanka, India, Laos dan Vietnam. Kerajaan tidak bercadang untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah dari negara Asia yang lain termasuk daripada negara China kerana merasakan bilangan negara sumber yang sedia ada sudah mencukupi untuk menampung keperluan domestik. Dalam hal ini kerajaan memahami kesulitan yang dialami oleh rakyat dalam mendapatkan khidmat PRA terutamanya selepas penghantaran PRA dari Indonesia. Justeru permohonan PRA daripada negara bukan sumber boleh dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri berdasarkan *case to case basic*, dengan izin untuk mendapatkan pertimbangan dan keputusan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam:** Terima kasih soalan tambahan saya ialah oleh kerana kes-kes penderaan pekerja Indonesia, Kerajaan Indonesia telah mengambil satu tindakan begitu keras dan tegas dengan membekukan penghantaran pekerja atau rakyat Indonesia ke negara kita untuk bekerja sebagai pembantu rumah.

Apakah status terkini antara yang - mengenai MoU yang telah ditandatangani negara kita dengan Indonesia untuk menyelesaikan isu penghantaran pekerja Indonesia di negara kita.

**Datuk Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, memang satu perjanjian MoU atau surat niat yang telah ditandatangani oleh dua negara. Yang mana ditandatangani pada 18 Mei tahun ini di Putrajaya bagi memuktamadkan perkara-perkara mengenai pemegangan pasport oleh pembantu rumah asing Indonesia, cuti sehari dalam seminggu, kadar upah dan struktur kos. Mesyuarat ke 6 Jawatankuasa Kerja Malaysia Indonesia mengenai pengambilan dan penempatan pembantu rumah Indonesia telah diadakan pada 23 Ogos 2010 di Jakarta, Indonesia bagi membincangkan lebih lanjut kandungan surat niat atau MoU.

Secara prinsipnya, Malaysia bersetuju dengan perkara-perkara yang terkandung di dalam surat niat tersebut, ini termasuk kadar upah yang berasaskan kehendak pasaran dan kadar tempatan atau dengan izin, *market forces* dan *locality rates* dan bukannya berasaskan gaji minimum seperti yang diminta oleh pihak Kerajaan Indonesia. Walau bagaimanapun Malaysia berpendapat situasi menang-menang haruslah dicapai sebelum perjanjian persefahaman dimuktamadkan.

Justeru Malaysia telah mengemukakan cadangan balas untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Indonesia sewaktu mesyuarat tersebut. Cadangan balas ini lebih menjurus kepada aspek melindungi kepentingan majikan tempatan untuk diimbangi dengan aspek kebajikan PRA Indonesia yang diperjuangkan oleh pihak Indonesia. Ini adalah penting kerana sebarang perjanjian yang dilihat berat sebelah oleh rakyat Malaysia akan memberikan implikasi yang negatif kepada Kerajaan. Kerajaan memang berharap cadangan balas ini dapat diterima baik oleh pihak Indonesia yang sekali gus akan memuktamadkan perjanjian persefahaman ini dalam waktu terdekat demi kebaikan kedua-dua pihak. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah pembantu rumah Indonesia sering lari dari rumah majikan walaupun dilayan dengan baik? Lari bekerja di tempat lain dengan nama lain. Kadangkala kebas barang berharga di rumah majikan atau lari balik ke Indonesia dan datang balik ke Malaysia dengan nama lain, guna pas lawatan sosial. Bagaimanakah pula Kementerian Dalam Negeri mengesan mereka ini? Terima kasih.

**Datuk Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedang merancang untuk mengaplikasikan satu sistem yang dipanggil biometrik, yang mana pekerja asing masuk ke dalam negara, cap jari mereka akan diambil, semasa balik walaupun di pasport yang lain digunakan sekali lagi, so ini akan dikesan. Jadi dia akan disenaraihitamkan. Terima kasih.

**10. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawli** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan bagaimana kerajaan memastikan harga alat ganti kenderaan persendirian dijual pada harga berpatutan dengan mutu kerana jumlah pengguna kenderaan atas jalan melebihi 3 juta buah di negara kita dan adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan harganya dalam barang kawalan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua pada masa ini kementerian belum bercadang untuk meletakkan alat ganti kenderaan sebagai barangan kawalan. Walau bagaimanapun beberapa mekanisme kawalan telah dilaksanakan untuk membantu pengguna mendapatkan alat ganti kenderaan pada harga yang munasabah dan berkualiti.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) penguatkuasaan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002, mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan ini melakukan satu kesalahan, penalti yang dikenakan di bawah seksyen 145 (APP 1999), di mana jumlah denda yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM50,000 atau 3 tahun atau kedua-duanya. Dari Januari 2010 hingga Oktober 2010 jumlah kes yang diambil di bawah kesalahan Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002 adalah sebanyak 18 kes;
- (ii) mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dipamerkan untuk jualan runcit di bawah perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993. Dalam konteks ini pengguna boleh membuat pilihan dan perbandingan harga sebelum membuat pembelian;
- (iii) bekerjasama dengan pihak Cap Dagang berdaftar, *trademark owners*, dengan izin dan pemegang Perintah Perihal Dagangan (Trade Description Orders), dengan izin bagi mengambil tindakan bersama membanteras aktiviti pengedaran dan penjualan barang tiruan yang berkaitan alat ganti tiruan. Sepanjang tahun 2010 sebanyak 3 kes barang tiruan berkaitan alat ganti kenderaan telah dihasilkan yang melibatkan rampasan bernilai RM10,124;
- (iv) bekerjasama dengan jabatan atau agensi kerajaan lain seperti Jabatan Standard, Suruhanjaya Tenaga dan SIRIM untuk melaksanakan operasi bersama bagi memastikan produk-produk yang ada di pasaran menepati standard yang ditetapkan. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah setakat ini pihak kerajaan mempunyai maklumat berapakah jumlah jualan urus niaga melibatkan alat ganti kenderaan persendirian yang telah digunakan pada tahun lepas, dan adakah kita mengenal pasti berapa buah syarikat tempatan yang boleh mengeluarkan alat ganti untuk kereta tempatan dan juga kereta asing yang berada dalam negara?

■1050

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Disebabkan soalnya spesifik, saya tidak ada jawapannya. Mungkin saya akan beri secara bertulis. Terima kasih.

**6. Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan terhadap satu badan atau pertubuhan tertentu mengeluarkan gelaran seperti Dato' atau Tan Sri dari luar negara seperti Indonesia dan Filipina dan apakah ia mendapat pengiktirafan Kerajaan Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani atas soalan ini. Mengikut peraturan yang ada sekarang, penganugerahan darjah-darjah kebesaran oleh kerajaan asing kepada rakyat Malaysia hendaklah mendapat kelulusan Kerajaan Malaysia terlebih dahulu sebelum ditawarkan kepada penerimanya. Tawaran penganugerahan oleh kerajaan asing hendaklah dikemukakan melalui saluran diplomatik rasmi iaitu Kementerian Luar Negeri. Penganugerahan daripada Kesultanan Mindanao dan Kesultanan Solo, kalau untuk Surakarta Hadiningrat tidak mempunyai sebarang kapasiti rasmi dalam pemberian anugerah yang diiktiraf oleh Kerajaan Filipina dan juga Kerajaan Indonesia kepada mana-mana pihak.

Penganugerahan ini bukanlah satu penganugerahan daripada ketua sesebuah negara yang berdaulat ataupun *sovereign state*. Sesungguhnya itu, gelaran yang diterima oleh individu tersebut tidak boleh digunakan dalam urusan rasmi di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah kenapakah kerajaan tidak mengenakan denda ataupun adakan satu akta tertentu untuk menyekat orang-orang perseorangan ataupun agensi yang memperdagangkan gelaran-gelaran tersebut? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini memang tidak ada badan pemantauan mengenai orang-orang yang menerima penganugerahan daripada kesultanan yang saya sebutkan tadi, tetapi walau bagaimanapun, Bahagian Istiadat dan juga Urus Setia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan pautan senarai penerima anugerah persekutuan seperti yang terdapat di dalam laman web [www.istiadat.gov.my](http://www.istiadat.gov.my).

Jadi, manakala sesiapa yang ingin mendapat tahu sama ada seseorang individu telah menerima anugerah itu boleh melawat laman web tersebut. Akan tetapi kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ramai orang dan individu yang mendapat gelaran daripada kesultanan yang saya sebutkan tadi tidak memaklumkan kepada pihak penguat kuasa mengenai anugerah yang mereka terima itu. Jadi, itulah yang menjadi satu kesulitan yang dialami oleh pihak kami untuk memantau mereka yang telah pun menerima anugerah daripada pihak-pihak yang tidak mengadakan hubungan berdaulat ataupun *sovereign state* dengan kerajaan kita ini. Itu sahaja. Sekian.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak pihak kerajaan selaraskan antara Kerajaan Persekutuan, Bahagian Istiadat dengan kerajaan negeri-negeri sebab kita tengok Datuk-Datuk klon ini cukup banyak. Jadi, kalau boleh kita selaraskan

dengan kerajaan negeri supaya masuk dalam *website* ini dan juga keluarkan satu pekeliling kepada orang-orang... Sekian, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Sememangnya senarai penerima anugerah darjah kebesaran negeri yang membawa gelaran bagi tahun 1985 sehingga 2009 juga turut dimuat naik ke laman web yang saya sebutkan tadi. Ini berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkaitan. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak-pihak tertentu inginkan penjelasan lanjut, bolehlah berhubung terus dengan Bahagian Istiadat dan juga Urus Setia Persidangan Antarabangsa untuk anugerah persekutuan dan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk anugerah di peringkat negeri. Sekian, itu sahaja.

**7. Tuan Ahmad bin Hussin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi pengurusan sampah yang lebih baik dan apakah kerajaan bercadang untuk memberi tong sampah percuma bagi setiap rumah bagi menggalakkan kitaran semula.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ahmad bin Hussin yang telah pun mengemukakan soalan pada pagi ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mewujudkan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, *cost effective*, mampan dan diterima masyarakat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mewujudkan satu dasar pengurusan sisa pepejal negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 2006 yang lalu. Dasar ini menggariskan enam teras utama yang perlu dicapai bagi memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal.

Di antaranya ialah mengurangkan penajaan sisa pepejal melalui aktiviti 3R iaitu *reduce, reuse and recycle*, dengan izin, dan menswastakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Selain daripada dasar berkenaan, kerajaan juga telah pun meluluskan Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal yang menggariskan dengan lebih terperinci akan pelan tindakan yang akan diambil untuk memastikan proses rawatan dan pelupusan sisa pepejal dilaksanakan dengan berkesan, cekap, *cost effective* dan diterima masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan agar dasar dan pelan strategik ini dilaksanakan secara berkesan pula, kerajaan telah punewartakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ataupun dikenali sebagai Akta 672. Apabila Akta 672 ini dikuatkuasakan kelak, ianya akan antara lain memberi kuasa dalam mengawal selia semua aspek pelaksanaan pengurusan sisa pepejal. Ini termasuklah untuk mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal diasingkan di punca dan melaksanakan sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit. Di samping itu, kerajaan telah pun mewujudkan dua institusi yang dipertanggungjawabkan ke atas pengurusan sisa pepejal iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal

Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi memastikan dasar dan akta dilaksanakan dengan sempurna dan baik.

Seterusnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui penswastaaan penuh pengurusan kutipan sisa pepejal pula, isi rumah akan diminta mengasingkan sisa pepejal organik ataupun sisa makanan daripada bahan yang boleh ditukar semula. Setiap isi rumah tidak termasuk rumah bertingkat akan disediakan satu tong sampah. Namun penggunaan tong sampah ini hanyalah untuk sisa pepejal organik ataupun sisa makanan sahaja.

Bagi menggalakkan kitar semula, kerajaan bercadang untuk menetapkan sistem kutipan sisa pepejal secara berjadual iaitu 2 + 1, di mana dua kali dalam seminggu pihak konsesi akan mengutip sisa organik dan satu hari dalam seminggu untuk kutipan sisa yang boleh dikitar semula, sisa taman dan sisa pukal. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan cepu emas sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam akhbar, mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pun susah hati sebab sampah. Macam mana hendak maju, Tuan Yang di-Pertua, sampah banyak, tidak ada kemajuan, tidak ada pembangunan. Itu satu, kerana kebersihan melambangkan kemajuan, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, akta banyak. Saya tengok dari 2005, 2007, akta demi akta, demi akta. Yang penting sekarang macam mana kita hendak ubah sikap masyarakat. Itu yang penting. Hendak ajar dia. Hendak tunjuk teladan, jangan buang sampah. Tuan Yang di-Pertua, di bank, kalau hari Jumaat, Sabtu, Ahad cuti, hari Isnin..

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Soalan tambahan, penuh di bank - kotor dibuang. Sikap, bukan akta.

■1100

Tidak guna akta banyak-banyak. Kementerian cari jalan bagaimana hendak ajar masyarakat supaya tiap-tiap individu menjaga kebersihan masing-masing. Tidak perlu akta banyak-banyak.

Soalan lagi - tong sampah percuma ini. Saya sudah tanya sebab tong sampah di Kedah dan Perlis sudah habis air bawa sampai Langkawi. Habis, banjir - dengan tong sampah sekali. Jadi tong sampah percuma ini kena jawab, hendak bagi atau tidak? Sarungnya sekali, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup.

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin. Mengenai pengurusan sisa pepejal telah pun menjadi satu masalah bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia. Setiap negara pun menghadapi masalah ini sebab sampah sarap kian bertambah. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu kita haruslah

mengubah sikap rakyat kita. Bukan kata jangan buang sampah - sampah kena buang juga. Sampah dibuang dengan cara yang baik.

Maka saya setuju dan kerajaan telah pun membelanjakan begitu banyak kos melalui kempen-kempen, buat kempen di sekolah, buat di merata tempat supaya kita dapat mengubah sikap rakyat kita. Namun malangnya setakat ini, sikap rakyat kita masih belum dapat diubah dengan cara mendadak. Maka saya akan cuba lagi. Walaupun kita menjalankan kempen, mengadakan pendidikan tetapi akta masih juga harus dilaksanakan oleh kerajaan.

Pada tahun hadapan, Akta Pengurusan Sisa Pepejal akan dikuatkuasakan. Maka pada masa itu dari segi penguatkuasaan, dari segi kempen. Kempen memanglah sentiasa berjalan tidak berhenti-henti. Penguatkuasaan akan diperhebat lagi. Tong sampah akan disediakan oleh tiga buah syarikat yang telah pun diberikan perkhidmatan untuk menguruskan sisa pepejal di seluruh negara. Tahun hadapan, dikuatkuasakan. Kita mulakan dengan itu. Tong sampah akan diberikan secara percuma kepada semua premis kediaman di seluruh negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat - tadi *you* bangun, bukan? Yang Berhormat Ir. Haji Zamri. Kita tengok apa soalan Yang Berhormat.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bagi laluan tadi tetapi tidak mengapa. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, isu sampah ini harus dilihat dari mana ia bermula dan bagaimana ia dikendalikan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Bab sampah ini bagi kebanyakan orang tetapi bagi sebahagian yang lain ia merupakan rezeki.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah tahap kajian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini untuk memperkenalkan teknologi baru dalam urusan memproses sampah ini agar mampu diambil manfaat daripada – sampah ini bukan sekadar sebagai orang proses untuk dibuang sahaja. Yang kedua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat penilaian ke atas syarikat-syarikat khususnya E-idaman di Kedah yang telah diberikan kontrak setahun ini. Apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpuas hati dengan prestasi mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Ir. Haji Zamri. Pertama sekali, dari segi cara-cara untuk menguruskan sisa pepejal. Setakat ini kita masih menggunakan cara *land field*. *Land field* maksudnya Malaysia ini mempunyai keluasan tanah yang begitu besar. Maka kita masih menggunakan cara *land field*, iaitu kita mengorek lubang yang besar di tempat-tempat yang sesuai yang telah pun diluluskan oleh *economic impact assessment* (EIA), dan selepas itu kita akan buang sampah sarap organik dalam *land field*. Setakat ini kita mempunyai 178 *land field* yang sedang digunakan di merata tempat di seluruh negara.

Pada masa yang sama juga, mengikut peredaran masa kita juga akan melihat macam mana kita boleh menggunakan cara-cara yang lebih canggih iaitu melalui cara *incinerator* ataupun melalui cara grafifikasi untuk membantu supaya *land field* ini tidak cepat sangat dipenuhi oleh sampah sarap. Memang melalui strategi yang berbagai-bagai cara, kita harus dapat menguruskan sisa pepejal dengan baik. Selain daripada *land field*, kita juga mungkin akan membina *incinerator*. Kita sudah setuju supaya lima *incinerator* dibina di lima pulau - Pulau Tioman, Pulau Langkawi, dan juga Cameron Highlands. Ini di mana susah bagi syarikat menguruskan sisa pepejal, hendak sampai ke tempat-tempat. Kita akan membina *incinerator* sebagai langkah pertama untuk melihat macam mana berkesannya *incinerator* boleh menguruskan sisa pepejal.

Dari segi penilaian yang dibuat terhadap syarikat e-Idaman. Setakat ini kita tidak dapat memberikan markah apa-apa terhadap ketiga-tiga buah syarikat ini - E-idaman, Alam Flora dan juga *SWM Management*. Oleh kerana kontrak yang dijalankan, yang diberikan kepada ketiga-tiga buah syarikat ini adalah interim sahaja. Maksudnya pada setiap tahun, *agreement* itu akan disambung-sambung. Tidak ada satu pengekalan. Kalau tidak kekal, maksudnya syarikat yang menjalankan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal juga susah hendak dapat pinjaman, hendak dapat sumber kewangan untuk membeli kenderaan dan alat-alat yang lebih canggih.

Apabila sampai tahun hadapan, masa kita menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal, ketiga-tiga buah syarikat yang telah pun diberikan kontrak ini akan melaksanakan pengurusan sisa pepejal di bawah piawaian KPI yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan. Pada masa itulah kita boleh melihat sama ada ketiga-tiga buah syarikat ini mempunyai prestasi yang tinggi atau tidak. Kalau mereka gagal dari semua aspek, dalam *agreement* surat perjanjian itu, mereka ini boleh dipecat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apabila sebut Langkawi tadi - saya baru empat hari lepas Exco Pelancongan Kedah minta saya kemukakan masalah ini kerana sampah di Langkawi sekarang dalam keadaan yang cukup kritikal. Sekarang ini musim cuti sekolah. Pelancong begitu banyak termasuk pelancong-pelancong asing. Saya takut akan ditenggelami dengan sampah kerana khidmat E-idaman amat mendukacitakan. Jadi saya hendak minta perhatian khusus Yang Berhormat Menteri. Tolong bagi perhatian khusus kepada Pulau Langkawi yang mana kedatangan pelancong semakin bertambah sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Wira Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof. Memanglah Pulau Langkawi salah sebuah pulau yang harus kita memberi perhatian yang lebih serius. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembinaan *incinerator* di Pulau Langkawi telah pun dilakukan dan pembinaan ini hampir siap 100% dan sedang diuji dari segi perjalanan *incinerator* itu.

Walaupun kita tahu Pulau Langkawi mempunyai *land field*. *Land field* maksudnya sampah sarap yang disimpan dalam *land field* itu sudah hampir penuh. Kita mintalah supaya rakyat di Pulau Langkawi bersabarlah sedikit. Bila kita habis siap dengan *commissioning* dengan *incinerator* itu, kita akan jalan dengan lancar. Semasa itu masalah sampah sarap di Pulau Langkawi, kita amat mengharapkan supaya ia menjadi satu masalah yang kian kurang. Sekian, terima kasih.

**8. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah doktor-doktor yang telah meletak jawatan dari perkhidmatan kerajaan dari 2007 hingga sekarang dan apakah sebab utama mereka ini berhenti dari perkhidmatan Kerajaan.

**Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi tempoh 2007 hingga bulan September 2010, seramai 884 orang pegawai perubatan telah meletakkan jawatan.

■1110

Terdapat dua kategori peletakan jawatan iaitu peletakan jawatan dan pelepasan dengan izin. Pelepasan dengan izin diberikan bagi tujuan untuk berkhidmat dengan agensi kerajaan yang lain seperti universiti, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Daripada jumlah 884 orang pegawai yang meletak jawatan, seramai 757 orang pegawai perubatan meletak jawatan untuk tidak lagi berkhidmat dengan mana-mana agensi kerajaan, iaitu ia pergi ke swasta ataupun berehat. Manakala bagi 176 orang pegawai perubatan mendapat pelepasan dengan izin untuk berkhidmat dengan agensi kerajaan yang lain dan seperti universiti serta pihak berkuasa tempatan.

Pada tahun 2007, seramai 167 orang pegawai perubatan telah meletak jawatan manakala bagi tahun 2008 adalah seramai 303 orang. Walau bagaimanapun, bilangan pegawai perubatan yang meletak jawatan menunjukkan penurunan mulai tahun 2009 di mana pada tahun 2009, jumlah pegawai perubatan yang meletakkan jawatan adalah seramai 217 orang dan bagi tahun 2010 sehingga bulan September adalah seramai 197 orang pegawai perubatan yang meletak jawatan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, terdapat berbagai-bagai faktor yang menyebabkan pegawai perubatan meletakkan jawatan dalam perkhidmatan kerajaan. Antara faktor-faktor tersebut ialah menerima tawaran sebagai tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi swasta, mengikut pasangan ke luar negara, menerima tawaran pekerjaan yang lain, masalah kesihatan dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan kepada soalan saya. Soalan tambahan saya, pada masa ini apakah demografi doktor yang meninggalkan perkhidmatan awam mengikut JUSA, pengalaman dan senioriti mereka? Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat. Kebanyakan pegawai perubatan yang meninggalkan perkhidmatan awam adalah pegawai-pegawai yang junior. Tidak ramai yang senior - ramai senior yang masih lagi bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan. Ada yang bekerja selepas *houseman*, ia perlu berkhidmat dengan kerajaan selama dua atau tiga tahun. Selepas itu mereka meninggalkan perkhidmatan kerajaan. Akan tetapi buat masa ini kita nampak *trend* ini berkurangan kerana kerajaan telah memberi insentif dan juga kenaikan pangkat yang lebih kepada pegawai-pegawai perubatan dalam negara kita.

Lebih-lebih lagi pada tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan *time-based promotion* untuk semua doktor. Bagi doktor yang berkhidmat 12 tahun dalam kerajaan boleh terus naik pangkat kepada UD54 - paling tinggi. Doktor pakar, sembilan tahun automatik UD54. *So*, ini satu cara yang paling baik untuk memastikan kita dapat mengekalkan pegawai perubatan dalam perkhidmatan kerajaan.

**Tuan Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat berita bahawa kualiti *houseman* ataupun *graduate* baru daripada universiti tertentu, kualiti mereka tidak memuaskan. Jadi apakah langkah yang dapat diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng. Saya hendak jelaskan di sini bahawa itu satu gambaran yang tidak benar bahawa kualiti *houseman* kita tidak begitu tinggi. Kita mengeluarkan kualiti *houseman* yang baik dan tinggi kerana semua *houseman* perlu melalui latihan dan perlu lulus *viva*. Ia ada selepas latihan dua tahun ada *viva* dan perlu lulus semua enam bidang utama dalam perkhidmatan perubatan.

Kita kalau dahulu sebelum tahun 2008, *houseman* latihannya hanya satu tahun. Selepas tahun 2008, *houseman* perlu dua tahun. Oleh sebab itu sekarang kita nampak, *houseman* kita oleh sebab ada *batch* pertindihan, bilangan *houseman* dalam hospital bertambah. Kalau dahulu hanya 3,000 orang *houseman*, sekarang ada 6,000 orang *houseman* dan ada kebimbangan bahawa *houseman* tidak mempunyai peluang pendedahan yang cukup dalam memberi latihan kepada mereka.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kementerian Kesihatan peka terhadap isu ini dan kita pastikan bahawa semua *houseman* akan diberi latihan yang secukupnya dan kita akan menambahkan lagi bilangan *specialist* dalam hospital-hospital berkenaan dan kita juga akan menambahkan lagi hospital-hospital latihan dalam hospital kerajaan. Terima kasih.

**9. Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mengawal harga barang terutama dalam kawalan harga gula, sama ada kementerian sedar atau tidak bahawa ramai pengusaha restoran cepat menaikkan harga jika terdapat kenaikan harga gula khususnya, tetapi gagal menurunkan harga jika pengguna membuat pesanan pada barang makanan yang tidak melibatkan penggunaan gula seperti teh, kopi dan sebagainya.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga barang di seluruh negara, sama ada secara berkala atau mengejut dan berdasarkan aduan pengguna. Pungutan harga berkala dilakukan oleh pegawai pemantau harga ke atas harga barang keperluan dibuat di pasar awam, kedai runcit, pasar raya dan *hypermarket*. Manakala pungutan makanan sedia masak juga dilaksanakan di kedai makan, restoran dan medan selera untuk memantau *trend* perubahan harga.

Pemantauan harga dan pemeriksaan turut dipertingkatkan ke atas premis-premis menjual makanan dan minuman apabila harga gula dinaikkan berikutan dengan Program Rasionalisasi Subsidi Barang-barang Kawalan. Kementerian memang tidak menafikan bahawa terdapat segelintir pengusaha restoran atau kedai makan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga ekoran daripada kenaikan harga gula. Walau bagaimanapun, kejadian yang dikesan adalah tidak banyak dan pada masa yang sama pemeriksaan dan pemantauan yang berterusan oleh pegawai penguat kuasa akan menyebabkan pengusaha restoran dan kedai makanan sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga sebelum menaikkan harga.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa apabila berlaku setiap kenaikan, sama ada kenaikan harga gula ataupun petrol atau diesel, pihak kementerian sentiasa memanggil pengusaha-pengusaha restoran untuk berbincang dengan mereka dan mendapat jaminan daripada mereka untuk tidak menaikkan harga barang-barang atau produk-produk makanan, minuman dan sebagainya. Begitu juga dengan pengusaha-pengusaha, pengilang-pengilang yang mengeluarkan produk makanan dan minuman juga, kita berbincang dengan mereka dan mereka juga bersetuju untuk tidak menaikkan sebarang harga makanan dan minuman.

Walaupun bagaimanapun seperti yang saya sebutkan tadi, terdapatlah sedikit-sedikit di kalangan pengusaha atau peniaga yang ingkar. Di dalam soal ini, pengguna sebenarnya patut memainkan peranan untuk melindungi kepentingan mereka dengan menolak ataupun meninggalkan kedai-kedai atau restoran yang sengaja menaikkan harga. Ini kerana banyak lagi pilihan mereka di kedai-kedai lain yang tidak menaikkan harga apabila berlaku kenaikan harga sama ada gula ataupun minyak. Terima kasih.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Malaysia adalah satu-satunya negara yang memberikan subsidi gula kepada rakyat. RM720 juta bagi tahun 2008, RM108 bilion bagi tahun 2009. Persoalannya, wajar atau tidak kerajaan terus memberikan subsidi gula memandangkan FOMCA bertegas dengan pendirian supaya kerajaan menghapuskan subsidi gula. Ini kerana peniaga dan pengusaha perniagaan sahaja mendapat manfaat terbanyak sedangkan pengguna awam hanya menggunakan gula kurang daripada 30%. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau semua berpandangan seperti Yang Berhormat, mudah kerja saya.

■1120

Sebenarnya memang apabila makmal rasionalisasi subsidi membentangkan cadangan mereka mengenai rasionalisasi subsidi, memang cadangan mereka adalah untuk mengurangkan subsidi gula secara berperingkat-peringkat sehinggalah subsidi itu dihapuskan.

Seperti yang kita sedia maklum, setakat hari ini telah pun dua kali subsidi gula dikurangkan iaitu pada bulan Julai sebanyak 25 sen dan baru-baru ini sebanyak 20 sen. Walau bagaimanapun, kita masih menanggung subsidi gula sebanyak 25 sen setakat hari ini. Walau bagaimanapun seperti Yang Berhormat maklum, orang ramai masih tidak boleh menerima secara terbuka apabila subsidi gula dikurangkan. Jadi sebab itulah pihak kerajaan juga mengambil kira pandangan dari rakyat dan sebagainya sebelum sesuatu keputusan yang besar seperti ini kita lakukan. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat saya amat berterima kasih sekali lagi. Terima kasih.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua;

*Berkata berjanji memang baik,*

*Hai Dato' Ismail Menteri bujangga,*

*Janjinya minyak RON95 tidak akan naik,*

*Tiba-tiba harganya naik juga.*

Saya mohon penjelasan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab dengan pantun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya pantun sahaja saya tidak berapa pandai.

*[Ketawa]* Kalau ia bersyair tadi saya boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat, saya memang membaca di dalam blog dan sebagainya yang mengatakan bahawa ada jaminan dari kerajaan iaitu daripada saya bahawa RON95 tidak akan dinaikkan sebelum hujung tahun. Izinkan saya Yang Berhormat untuk membaca kenyataan sebenar saya. Memang dari segi tajuk akhbar mengatakan harga RON95 tidak naik. Itu tajuk, tetapi kalau saya baca dua *paragraph* yang pertama. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Membaca petikan]*

*"Kuala Lumpur – 3 Disember. Harga minyak RON95 dijangka tidak akan dinaikkan pada tahun ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob bagaimanapun menegaskan ia adalah jangkaan dan bukannya jaminan. Ini*

*kerana segala pengumuman mengenai kenaikan harga bahan bakar itu akan ditentukan oleh Kabinet”*

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada tiga keadaan bagaimana cerita tentang jaminan saya dikeluarkan dalam blog dan sebagainya. Pertama, orang yang membaca hanya baca tajuk tetapi tidak baca isi. Kedua, baca tajuk dan isi tetapi tidak faham. [Ketawa] Ketiga, memang sengaja untuk memanipulasi untuk membohongi rakyat mengenai apa yang diperkatakan oleh saya.

Jadi apa yang saya katakan adalah jangkaan. Ini kerana di dalam surat khabar yang lain bertarikh 4 Disember saya mengatakan waktu itu tidak ada perbincangan di dalam Kabinet mengenai sebarang kenaikan. Jadi sebab itulah saya kata pada waktu itu - saya boleh sebutkan. Boleh saya baca lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat telah jelas.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sudah jelas?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jelas. Jadi bermakna bukanlah satu jaminan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ia hanyalah jangkaan. Jadi saya harap perkara ini dapat memberi penjelasan kepada pihak yang saya rasa tidak bertanggungjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Harapnya semua faham Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Perdana Menteri menyatakan status tindakan dan pendakwaan ke atas 20 kertas siasatan yang telah disiapkan oleh SPRM berhubung Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, begitu juga dengan 3 pegawai yang telah dicalaj semasa siasatan, serta 4 pegawai kanan yang dicadangkan tindakan disiplin berhubung penyelewengan yang dilaporkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf atas soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, status kes adalah seperti berikut. Tiga orang yang dituduh itu masih lagi dalam perbicaraan dan bagi empat kes itu telah pun dirujuk kepada Ketua Jabatan untuk tindakan tatatertib. Tiga kes yang lain masih lagi dalam prosiding Ketua Jabatan manakala satu kes lagi telah pun dibebaskan. Manakala yang lain-lain pula telah pun dibuka kertas pemeriksaan dan perundingan untuk mengkaji kelemahan-kelemahan sistem dan prosedur kerja. Surat nasihat juga diberi kepada Ketua Jabatan supaya memperbaiki dan mengambil langkah sewajarnya agar salah laku dan ketidakpatuhan peraturan tidak lagi berulang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas perincian jawapan tadi. Jadi melihat kepada ini, usaha menghapus rasuah ini perlu ditangani ataupun diberikan kerjasama oleh semua pihak.

Jadi saya ingin tanyakan kepada pihak kementerian, dalam usaha ini bagaimana untuk kita menghakiskan persepsi ramai bahawa andainya mereka terlibat atau mengambil rasuah boleh terlepas? Ini kerana melihat kepada bagaimana banyaknya penyelewengan yang dibongkar oleh Jabatan Audit Negara itu, tetapi tindakan yang diambil hanyalah tidak sampai 1% atau 2% dari mereka yang terlibat. Jadi bagaimana untuk kita menghapuskan persepsi bahawa ia boleh terlepas begitu sahaja? Sekian, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, persepsi itu hanya ditimbulkan apabila sesuatu perkara yang telah pun melibatkan pengalaman ataupun dari orang awam dalam perkara ini. Akan tetapi bukan semuanya tuduhan yang telah pun diberikan kepada pihak penguat kuasa ataupun agensi berkenaan adalah terlibat dengan unsur-unsur korupsi.

Ada juga seperti yang saya katakan tadi, tindakan yang diambil terhadap mereka atas tindakan tatatertib dan juga ada yang mengalami tindakan seperti prosiding jabatan-jabatan berkenaan. Bukan semua tindakan ataupun siasatan yang telah pun diambil oleh pihak berkenaan yang memberi siasatan dalam kes rasuah ini. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, tiga orang telah pun disiasat dan telah pun dituduh di mahkamah dan perbicaraan tersebut sedang dijalankan di mahkamah. Jadi usaha kerajaan dalam memerangi rasuah ini adalah usaha bukan sahaja dari kerajaan, tetapi dari semua masyarakat awam untuk bersama-sama memerangi rasuah ini. Sekian, terima kasih.

**11. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah terdapat perancangan untuk membuka Sekolah Menengah yang berhampiran dengan perkampungan Orang Asli di mana pada masa kini hanya terdapat sekolah rendah sahaja di kawasan perkampungan Orang Asli.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memandang serius terhadap pembangunan pendidikan khususnya pendidikan Orang Asli di negara kita. Memang terdapat perancangan kerajaan untuk membina sebuah sekolah menengah yang berhampiran dengan perkampungan masyarakat Orang Asli. Ini adalah untuk meningkatkan lagi pembangunan pendidikan di dalam kalangan anak-anak orang Asli. Walau bagaimanapun, pembinaan sesebuah sekolah baru di kawasan tertentu adalah berdasarkan keperluan yang mendesak dan kemampuan kewangan kerajaan.

Sehubungan itu bagi membantu meningkatkan pendidikan masyarakat anak Orang Asli ini, Kementerian Pelajaran telah bercadang untuk memperluaskan lagi sekolah-sekolah yang berkonsepkan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) di negara kita. Sekolah-sekolah ini akan

dilengkapi dengan bilik darjah yang selesa dan kemudahan asrama lelaki dan perempuan. Sekolah-sekolah ini akan menempatkan murid-murid dari peringkat prasekolah sehinggalah tingkatan tiga. Sekolah-sekolah ini juga memberi keutamaan kepada anak-anak Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan formal. Kemudahan asrama disediakan bagi mereka yang tinggal jauh dari rumah.

Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) yang telah beroperasi ialah di SK Bandar 2, Paloh Hinai, Pekan, Pahang. Selain itu, terdapat berapa lagi sekolah seumpama ini yang akan dibina iaitu seperti di SK Long Bedian, Miri, Sarawak dan SK Lemoi, Cameron Highlands, Pahang. Terima kasih.

■1130

**Tuan Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua kita bersetuju bahawa untuk membangunkan sesebuah negara dan bangsa atau kaum, tidak lain dan tidak bukan yang paling berkesan adalah melalui pendidikan dan juga pelajaran dengan memberikan ilmu kepada kaum-kaum tertentu. Jadi oleh sebab itu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak ada jaminan khusus bahawa akan didirikan sekolah-sekolah menengah yang berhampiran dengan penempatan kampung Orang Asli, yang ada sekarang ini ialah program yang dipanggil K9.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sekolah Kebangsaan Pos Betau Lipis dalam Program Penghayatan 1Malaysia oleh masyarakat Orang Asli peringkat Negeri Pahang. Telah dijanjikan bahawa untuk mewujudkan sekolah K9 yang lebih banyak di kawasan penempatan Orang Asli, khususnya di Sekolah Kebangsaan Pos Betau, jadi apakah statusnya sekarang?.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan tersebut, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan sememangnya komited dalam membangunkan pendidikan Orang Asli, apa yang ingin saya beritahu Yang Berhormat ialah di mana kalau kita lihat dalam sesuatu bajet yang diperuntukkan kepada kementerian, ia tertakluk kepada cadangan daripada Kementerian Pelajaran. Kita memperjuangkan, membela nasib anak-anak Orang Asli dan apabila di peringkat secara kolektif di peringkat Kabinet dan seterusnya apabila kita hendak memasukkan satu rancangan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini.

Oleh sebab senarai belum lagi dimuktamadkan sehingga hari ini. Jadi saya rasa apa yang penting adalah dalam seminggu dua ini akan dimuktamadkan dan perjuangan kita memang kita berkehendakkan satu tetapi kita sedar bahawa ada kekangan kewangan juga. Sekadar mana yang boleh kita buat, kita akan buat tetapi impian kita adalah sekurang-kurangnya ada satu. Keduanya, yang saya ingin beritahu Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan telah meminta EPU membuat satu kajian dan mendapatkan input daripada Kementerian Pelajaran, bagaimana kita melihat konsep Model Khas Komprehensif K9 ini dan keberkesanan program ini.

Secara awalnya, saya mengatakan bahawa input yang kita berikan memang positif, memang baik dan sebab itulah sementara kita menunggu sebuah sekolah menengah itu dibina, khas untuk anak-anak Orang Asli. Pada waktu yang sama kita kena memikirkan kaedah bagaimana kita membantu. Masuk dalam sebuah sekolah kebangsaan, lazimnya untuk sekolah rendah, kita masukkan daripada prasekolah sampai Tingkatan Tiga, sekurang-kurangnya mereka telah diletakkan di satu kawasan sekolah dan selepas itu, setelah tamat Tingkatan Tiga baru masuk Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Oleh sebab itu saya mengatakan bahawa kita pada penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, yang mana untuk membina sekolah untuk model khas ataupun kedudukan tentang sekolah khas untuk Orang Asli di Lipis, perkara itu sedang diteliti dan belum lagi dimuktamadkan seperti mana yang saya katakan. Saya yakin apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat akan diberikan keutamaan. Jadi saya berasa kita sama-sama menunggu senarai muktamadnya yang akan keluar pada bulan ini dan saya berdoa agar perkara ini dapat diperjuangkan bersama untuk kita mencapai hasrat kita, terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bagaimanakah tahap pencapaian pembelajaran anak-anak Orang Asli terutama di dalam keputusan UPSR baru-baru ini? Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk membolehkan mereka memasuki sekolah berasrama penuh yang sedia ada jika mereka tidak mencapai syarat-syarat dan kelulusan yang diperlukan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, mengenai soalan pertama. Bagaimana pencapaian mereka semasa UPSR, secara umumnya kita dapat melihat peningkatan di kalangan anak-anak Orang Asli khususnya di dalam pencapaian UPSR secara khususnya. Akan tetapi kita kena melihat realitinya, oleh sebab mereka menghadapi masalah dari segi kemudahan berbanding dengan di bandar, saya rasa *access* kepada kualiti pendidikan itu menjadi satu faktor dan kita juga mengambil maklum tentang perkara ini.

Sebab itulah di bawah NKRA salah satu kaedah yang diperkenalkan adalah LINUS. LINUS ini untuk kita membuat saringan dari segi *numeration* dan literasi. Peringkat awal lagi kita beri penekanan khusus kepada masyarakat Orang Asli, walaupun kita lihat secara puratanya sasaran kita sehingga 90% tetapi untuk sekolah-sekolah anak-anak Orang Asli, mungkin 75%. Bagaimana kita hendak mempertingkatkan secara khusus daripada 75% supaya mereka dapat mencapai purata pada 90%, itu adalah sesuatu yang sedang diambil tindakan oleh kementerian.

Mengenai tentang kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh, sebenarnya kita menyediakan 70% daripada tempat itu kepada masyarakat luar bandar termasuklah masyarakat Orang Asli. Sememangnya kita ada peruntukan khas untuk membantu anak-anak Orang Asli supaya mereka juga tidak tersisih daripada peluang pendidikan di Sekolah Berasrama Penuh,

memang ada. Saya rasa kita melihat berapa jumlah permohonan, memang kita akan memberi keutamaan kepada mereka khususnya daripada luar bandar berbanding dengan pelajar di bandar, terima kasih.

**12. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kumpulan ajaran sesat dan pengikut-pengikut mereka yang telah dikenal pasti masih menjalankan kegiatan-kegiatan secara nyata mahupun secara senyap-senyap; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang masih menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh menggugat akidah umat Islam di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop mengenai ajaran sesat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2008 sebanyak 8 buah ajaran sesat yang telah dikenal pasti sebagai aktif di seluruh negara oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Manakala bilangan kumpulan ajaran sesat Malaysia mengikut negeri yang telah difatwakan dan diwartakan iaitu sebanyak 102 buah kumpulan. Jumlah pengikutnya adalah terlalu sukar untuk dikenal pasti secara tepat kerana memandangkan kumpulan ajaran sesat ini ialah yang pertama ia tidak berdaftar dan keduanya mereka bergerak secara senyap dan ketiga mereka mengambil pendekatan menyembunyikan gerakan mereka.

Berkenaan dengan usaha-usaha *integrated* dan proaktif yang dijalankan sama dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi memantau, membendung penyebaran ajaran sesat, kerajaan telah mengambil tindakan bersepadu dengan melaksanakan tindakan-tindakan sebagai berikut. Pertama memfatwakan mana-mana ajaran sesat yang disahkan sesat atau bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jama'ah. Kedua, mengadakan Majlis Penjelasan Akidah kepada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat. Ketiga, mengambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang sedia ada termasuk di bawah ISA dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri melalui Mahkamah Syariah.

Keempat, memberikan kaunseling agama kepada yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka kepada kehidupan normal masyarakat, terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, ada satu insiden di Batu Pahat telah lama dahulu, saya ingat dalam 25 atau 35 tahun dahulu. Di mana sekumpulan ajaran sesat telah menyerang balai polis Batu Pahat dan mencederakan anggota-anggota polis dan juga kakitangan awam,

yang akhirnya mengakibatkan pertumpahan darah di mana sepanjang ingatan saya semua anggota ajaran sesat ini telah ditembak mati oleh polis.

Jadi kemungkinan kumpulan ajaran sesat ini boleh menjadi militan di dalam negara kita ini memang ada, soalan saya apakah JAKIM ataupun pihak-pihak yang berkuasa, agensi-agensi ini mengesan mereka ini, jangan sampai ke peringkat militan yang boleh memporak-perandakan masyarakat kita. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Terima kasih, saya fikir itu pandangan tetapi apa pun saya teringat pada waktu itu saya masih lagi kecil, ingat di Batu Pahat. Kumpulan ajaran Abu Bakar Bappo, mereka menyerang balai polis dengan menggunakan pedang.

■1140

Saya melihat secara perbandingan pun, kita melihat bahawa ketidakbijaksanaan ataupun bahasa mudahnya saya katakan tidak cerdik. Bagaimana mungkin kerana hendak mengambil alih kerajaan dengan hanya menyerang sebuah balai polis. Oleh kerana zaman perang, zaman Rasulullah menggunakan pedang, kumpulan ini juga menggunakan pedang. Sedangkan perbandingan persenjataan kalau mengambil kira ayat *al-Quran*. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud "*Bersiap sedia menghadapi kekuatan dengan Qhuah*". 'Qhuah' itu mestilah ada satu kekuatan yang seimbang.

Pedang lawan dengan senapang itu yang mati habis. Jadi sebab itu saya melihat ini gerakan yang boleh membawa kepada militan. Pihak kerajaan, JAKIM dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan juga termasuk NGO Islam, memang sentiasa memantau perkembangan yang ada kerana kita bimbang tindakan kumpulan yang akhirnya penentangan itu ditingkatkan menjadi militan.

Sesuatu yang membimbangkan, bukan hanya soal kerajaan akan tetapi nyawa rakyat, orang ramai dan bahkan bukan setakat soal tindakan membentuk militan akan tetapi tindakan yang mempunyai satu persepsi, pandangan yang kita sebutkan sebagai kepercayaan ataupun akidah itu, ia lagi bahaya. Walaupun dia tidak dizahirkan dalam bentuk tindakan melampau militan akan tetapi pegangan yang bahaya itu, yang terpesong akan menyebabkan dia melihat orang lain adalah tidak betul.

Jadi sebab itu, pemantauan sentiasa berjalan berterusan dan kita sentiasa membincangkan. Oleh sebab itu di peringkat kerajaan, ada pusat-pusat penerangan, pemurnian akidah, penjelasan tentang akidah dan sebagainya kerana kita bimbang keyakinan dan kepercayaan ini walaupun dia tidak dizahirkan dalam bentuk militan, tindakan, persenjataan akan tetapi dia boleh menjadi satu pegangan yang melihat orang lain semua salah, dia adalah betul. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya terdapat fatwa Wilayah Persekutuan berhubung dengan ESQ yang dikatakan

terlibat dengan ajaran yang dikatakan liberal. Oleh yang demikian saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah fatwa terkini Majlis Fatwa Kebangsaan terhadap ESQ? Apakah implikasi bilamana terdapat percanggahan di antara Majlis Fatwa Kebangsaan dengan mana-mana Majlis Fatwa Negeri. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum:** Terima kasih kepada Hajah Mumtaz. Sebenarnya walaupun soalan ini ia agak-agak berasing dengan soalan yang sebentar tadi. Akan tetapi apa pun saya suka menjelaskan di Majlis Agama Islam peringkat kebangsaan, belum lagi Majlis Fatwa membincangkan soal ESQ.

Akan tetapi Muzakarah Fatwa telah berbincang dan kemudian Muzakarah Fatwa berpandangan, kebetulan barangkali saya bawa juga bersama dengan saya hari ini. Di mana Muzakarah Fatwa Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam yang bersidang 16 Jun 2010, telah membincangkan mengenai kedudukan ESQ, *Leadership Training* di mana telah meneliti hujah-hujah, pandangan yang dikemukakan awal pada Muzakarah Khas pada 14 April 2010.

Muzakarah berpandangan bahawa unsur-unsur keraguan, maknanya ada di sana unsur-unsur keraguan dan juga yang terkandung dalam kursus ESQ, *Leadership Training* boleh diperbetulkan dan diperjelaskan. Muzakarah juga bersetuju supaya pihak ESQ membuat perubahan dan membetulkan dengan segera fakta-fakta kenyataan atau apa jua aktiviti, perlakuan yang menimbulkan keraguan kepada masyarakat.

Muzakarah juga bersetuju membuat ketetapan bahawa panel syariah ESQ perlu bertanggungjawab dan memantau sepenuhnya pembetulan atau pindaan yang dibuat dan pelaksanaan tindakan tersebut hendaklah dilaporkan segera secara berterusan kepada Muzakarah. Sehubungan itu Muzakarah telah bersetuju memutuskan bahawa kursus ESQ boleh dilaksanakan. Ini pandangan daripada pihak Muzakarah.

Apa pun kuasa yang ada kepada pihak Mufti Wilayah Persekutuan untuk melihat kepada pandangan-pandangan yang telah disebutkan boleh dibetulkan. Akan tetapi mungkin Mufti mempunyai pandangan yang tersendiri kerana ada di sana unsur-unsur keraguan dan sebagainya. Saya fikir ini boleh diharmonikan, kalau sekiranya ESQ menyegerakan pembetulan pada terutamanya buku rujukan yang telah ditulis dan juga modul dalam kursus-kursus mereka. Terima kasih.

**13. Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kriteria sesebuah kereta diiktiraf sebagai kereta kebangsaan dan apakah hala tuju syarikat pengeluar kereta nasional, PROTON selepas mengeluarkan 'Inspira'.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, status kereta nasional telah diberikan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- (i) nilai pelaburan yang substantif iaitu minima RM500 juta;

- (ii) pembangunan vendor komponen dan alat ganti tempatan;
- (iii) aktiviti bernilai tambah tinggi;
- (iv) pewujudan peluang pekerjaan;
- (v) menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (vi) pemindahan teknologi; dan
- (vii) pemilikan jenama.

Selepas pengeluaran model Inspira, Proton masih meneruskan usaha untuk membangunkan model-model baru melalui program-program penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D. Ini dapat dilihat apabila Proton mempamerkan beberapa kereta konsep baru di Kuala Lumpur International Motor Show (KLIMS) tahun 2010 dengan izin, yang diadakan baru-baru ini.

Konsep kereta-kereta ini menunjukkan hala tuju Proton dari segi reka bentuk produk iaitu membangunkan kereta yang lebih futuristik termasuk kenderaan hibrid dan elektrik. Strategi keseluruhan Proton masih tidak berubah iaitu membangunkan platform atau produk baru. Di samping itu, Proton juga sedang meningkatkan usaha untuk menembusi pasaran global khususnya pasaran-pasaran baru dan besar seperti China dan India. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas keupayaan menampilkan konsep *car* ke dalam motor *show* baru-baru ini yang dinamakan dengan lima pahlawan Melayu, Hang Tuah dan lain-lain yang cantik dan terkini. Soalan saya adakah kerajaan akan memasarkan lima konsep *car* dengan izin, yang dipamerkan tersebut? Terima kasih.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Yang Berhormat, kerajaan memang akan terus mempromosikan nama-nama *hero* kita yang terkenal dalam negara ini. Kerajaan akan terus membuat beberapa R&D untuk membangunkan apa sahaja yang kita boleh buat pada masa akan datang. Ini termasuk juga kereta-kereta hibrid dan juga kereta elektrik yang akan di *fleet test vehicle* pada tahun akan datang iaitu di mana 250 kereta di bawah – 25 unit kereta akan diberi kepada jabatan-jabatan di kawasan Putrajaya dan Cyberjaya, akan diberi ujian untuk kegunaan kereta yang disebutkan sebagai *electric vehicle* ataupun hibrid *electric vehicle* di kawasan tersebut.

Kerajaan juga akan terus membuat apa sahaja infrastruktur supaya kereta-kereta ini dapat di *charge* ataupun *charging*, apabila bateri-bateri yang digunakan oleh kereta tersebut dapat di *charge* dan seterusnya. Jadi *infrastructure* itu amat penting sekali. Jadi *fleet test* ini akan kita buat dan menerusi kereta-kereta Exora dan juga Proton Saga kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat kini selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011****Bacaan Kali Yang Kedua**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat menyambung berucap. Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Semalam? Silakan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**11.50 pg.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih saya diberikan peluang untuk sama-sama memberikan pandangan dalam urusan Bajet 2011 yang dibentangkan di Dewan Negara ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan kita membincangkan tentang pengurusan kewangan bagi tahun 2011 yang nilainya lebih daripada RM128 bilion ini. Ingin saya ingatkan kepada semua yang terlibat, diri saya dan juga semua pihak-pihak daripada Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan dan semua, supaya dalam urusan kita membelanjakan kewangan yang lebih daripada RM129 bilion ini. Hendaklah kita belanjakan dengan penuh hikmah, penuh berhemah dan kita elakkan daripada pembaziran.

Saya ingin mengingatkan dalam satu kisah, bagaimana ketika seorang sahabat sedang mengambil wuduk ketika itu Rasulullah menegur apakah pembaziran ini. Lalu, sahabat itu bertanya *“Apakah dalam urusan berwuduk juga ada pembaziran?”* Sambungnya?

**Seorang Ahli:** Sambung.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Tiada masalah ya. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey, apabila sahabat bertanya kepada Rasulullah *“Apakah urusan wuduk juga ada pembaziran?”* Lalu Rasulullah menjawab *“Ya, walaupun dalam urusan wuduk, walaupun dalam keadaan air yang mengalir.”* Ini ertinya dalam urusan kita menggunakan satu sumber itu haruslah kita menggunakan dengan penuh cermat, penuh berjimat dan kita pastikan ianya benar-benar dimanfaatkan untuk semua. Jadi sebab itulah, ingatan saya pada kali ini, apa lagi dalam urusan kita membelanjakan RM129 bilion sepanjang 52 minggu bagi tahun 2011 ini, iaitu kalau kita agihkan secara puratanya kita akan belanjakan RM2,500 juta seminggu.

Bagi manfaat 25 juta penduduk Malaysia, mestilah dimanfaatkan sepenuhnya untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang memberikan mandat dan menanggungkan harapan di bahu kerajaan. Perbelanjaan yang boleh menyempitkan kehidupan rakyat mestilah dielakkan sekali-kali. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua dalam urusan bajet ini saya ingin menyentuh di

antara yang pertamanya ialah Kementerian Pelajaran Malaysia yang diberikan begitu besar peruntukan, yang sebenarnya kita meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ini kerana di sinilah terletaknya kita untuk mendidik anak bangsa kita, yang mana dengan pengetahuan dapat meluaskan kemungkinan dan mendorong daya kreatif dan imaginasi mereka. Dengan pelajaran juga mereka boleh mendapat peluang untuk menjaga kepentingan diri dan juga masyarakat di masa depan. Dengan pelajaran juga mereka boleh mendapat kesedaran untuk mengelak risiko, pelbagai macam risiko yang sedang dihadapi oleh masyarakat ketika ini dan juga dengan pelajaranlah mereka berkemampuan untuk mendapat pendapatan jauh lebih tinggi.

Akan tetapi, saya ingin ingatkan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam urusan ini ialah bagaimana keadaan ketika ini jurang pendidikan, jurang kualiti persekolahan itu sendiri dari segi infrastrukturnya dan juga kualiti pembelajarannya di sekolah-sekolah agak jauh berbeza. Di antara sekolah-sekolah di bandar, sekolah-sekolah di luar bandar dan sekolah yang jauh di pedalaman. Saya minta Kementerian Pelajaran Malaysia mengkategorikan balik kepada tiga kategori ini. Kalau sebelum ini mereka hanya kategorikan sekolah bandar dan luar bandar, sebenarnya ada satu lagi iaitu bandar, luar bandar dan juga jauh di pedalaman.

Ini satu hal yang perlu diberikan perhatian kerana kita tidak mahu negara kita berbelanja begitu besar dalam urusan pendidikan, bukan hanya untuk tahun 2011 tetapi rekod kita pada tahun 2010, 2009 dan sebelum ini kita telah peruntukan-peruntukan yang cukup tinggi kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Akan tetapi, kebanyakan wang yang dibelanjakan digunakan untuk membina infrastruktur yang sebahagiannya pada penilaian kita, melihat ianya diletakkan di tempat yang tidak sesuai dan menyebabkan berlaku pembaziran dari segi kewangan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin juga ingatkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagaimana harus diadakan inisiatif yang lebih keras, usaha yang lebih drastik untuk memastikan anak-anak yang sepatutnya berada di sekolah, pada usia mereka yang patut berada di sekolah yang dikategorikan rang undang-undang baru ini sebagai kanak-kanak dan juga orang muda ini seharusnya mereka berada di sekolah. Ini kerana statistik yang ditunjukkan oleh UNDP dalam kajian tahun 2010, menunjukkan bagaimana di Malaysia ini, di peringkat sekolah menengah dari kalangan mereka yang sepatutnya mendaftar berada di sekolah. Di Malaysia menunjukkan hanyalah 69.1% ertinya sekitar 31% lagi anak-anak kita ataupun 1/3 daripada anak-anak muda ini, orang-orang muda dan juga kanak-kanak yang sepatutnya berada di alam persekolahan, tidak berada di sekolah.

Jadi inisiatif harus diambil supaya kita tingkatkan kerana kita rasa, kita harus mencapai pencapaian yang jauh lebih baik daripada jiran kita. Kalau Indonesia boleh menempatkan 75%, Filipina 81% dan jangan kita bandingkanlah dengan Brunei yang 97%. Akan tetapi, paling tidaknya kita harus tingkatkan daripada 69% kepada tahap yang lebih tinggi supaya anak-anak ini

berada di sekolah kerana kita perlukan mereka. Paling membimbangkan kita ialah sekiranya mereka mula tercicir di peringkat menengah Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk Kementerian yang lain, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyambung usaha yang dibawa oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ini menjadi sukar.

Ini kerana kita lihat statistik yang ada sekarang, mereka-mereka di Malaysia yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi hanyalah sekitar 29.7% atau kita katakan 30%. Kalau tadi peringkat menengah 31% tercicir daripada sistem pendidikan, yang 69% itu pun akhirnya lebih separuh tercicir dari sistem pengajian berterusan, yang ini sangat penting bagi saya sebagai persiapan Malaysia untuk maju, untuk mencapai sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Statistik ini tidak menghairankan kita dan juga semualah termasuk Tuan Yang di-Pertua kerana kalau kita berjalan di kawasan luar bandar dan di kawasan yang jauh pedalaman.

Saya ingin ingatkan pihak Menteri dan juga Timbalan yang mungkin orang bandar tetapi bagi saya dan Tuan Yang di-Pertua ini, kita orang yang jauh luar bandar. Kita berada jauh di pedalaman kita boleh melihat golongan ini memang berada berkeliaran dan tidak terlibat dalam sistem pendidikan. Sedangkan kita perlukan mereka ini kerana keperluan negara untuk menuju kepada negara maju dan pendapatan tinggi, kita memerlukan golongan rakyat yang memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk mengisi keperluan negara.

Sebagai contohnya dalam bidang yang jarang disebut oleh kebanyakan orang ialah bagaimana industri penerbangan di Malaysia yang diterajui oleh MAS dan AirAsia ini. Mereka membeli semakin banyak kapal terbang untuk digunakan dan secara umumnya industri penerbangan secara globalnya telah menunjukkan bagaimana keperluan untuk tahun sekarang ini sehinggalah ke sekitar 15 tahun ke depan, memerlukan pilot baru, juruterbang sekitar 180,000 orang. Memerlukan mekanik dalam industri penerbangan seramai 220,000 orang yang diperlukan untuk mengisi kekosongan yang ada.

Jadi kita harapkan Malaysia mengambil peluang untuk mencari jalan menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Dalam isu Kementerian Pelajaran Malaysia juga ingin saya tegurkan supaya sekali lagi dalam apa-apa perubahan kepada *syllabus* yang hendak dibuat dalam Kementerian Pelajaran Malaysia haruslah mengambil kira kajian yang menyeluruh, mendengar pandangan pakar-pakar. Jangan lagi kita terjebak seperti mana masalah dalam pengendalian ataupun memperkenalkan PPSMI dulu yang akhirnya barulah diakui silap dan ini telah menghancurkan masa depan pelajar khususnya pelajar-pelajar di luar bandar dan di jauh pedalaman.

Kita akui memang pelajar di bandar ada kelebihan tetapi bagaimana dengan pelajar yang di luar bandar dan jauh pedalaman. Ianya telah memperkayakan, program tadi program yang di buat secara ad hoc itu hanyalah memperkayakan pembekal yang mendapat faedah daripada pembekalan dan pencetakan buku, kita sayang. Mantan Perdana Menteri sendiri pun

telah mengakui PPSMI di putuskan oleh beliau sendiri tanpa merujuk kabinet apalagi pakar-pakar pendidikan. Jadi kita harapkan kemahiran-kemahiran yang lain, yang ingin kita perkenalkan seperti mana kita hendak menghapuskan UPSR, PMR dan sebagainya.

Kementerian Pelajaran Malaysia harus mengambil kajian yang mendalam, mendengar pandangan-pandangan pakar. Dalam urusan kita menuju kepada negara berpendapatan tinggi juga, saya ingin ingatkan Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai satu sumber pendidikan yang penting untuk negara, supaya menerapkan kemahiran bahasa selain daripada bahasa Inggeris memang perlu diterapkan, menggunakan subjek yang sebenar, kaedah yang tepat. Saya dalam usaha ini sebagai usaha kita memperkasakan hasil pendidikan negara, saya ingin syorkan juga supaya di peringkat sekolah menengah selain daripada bahasa Inggeris diperkenalkan dengan cara yang sebenar. Di perkenalkan juga bahasa-bahasa yang lain seperti bahasa Korea, bahasa Arab ataupun bahasa Perancis yang boleh diajar secara meluas di peringkat menengah.

#### ■1200

Juga tidak ketinggalan adalah bahasa Mandarin patut diajar di sekolah-sekolah kebangsaan ini. Ini penting kerana melihat kepada kedudukan Negara China dan kedudukan bahasa itu sebagai bahasa penting dunia dan juga bahasa perniagaan, bahasa ekonomi ketika ini. Mengenai pelajaran Sejarah yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran saya ingin tanyakanlah sebab setakat ini kita belum dengar *pendetailan* apakah bentuk ataupun apakah silibus sebenar yang hendak diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran dalam urusan pelajaran Sejarah di peringkat sekolah.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh sedikit tentang...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Boleh. Sedikit sahaja sahabat ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Tentang yang data yang dikatakan sumbernya UNDP tadi berkenaan sekolah menengah. Soalan saya dua, saya hendak tanya itu merujuk tahun berapa ya? Keduanya apakah itu *enrolment* ataupun ia adalah *qualification achieve* dengan izin kerana ini ada perbezaan dan saya jangka kalau di *enrolment* jauh lebih tinggi daripada 69% yang disebut tadi. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih di atas sahabat saya yang bertanyakan tadi. Apa yang saya rujukkan ini ialah laporan Human Development Report 2010 yang diterbitkan oleh UNDP. Jadi yang disebutkan di sini ialah bagaimana mereka yang mendaftar ke sekolah menengah dari kalangan mereka yang sepatutnya mendaftar secara kasarnya hanya 69.1% dibandingkan dengan yang layaklah mungkin seumur dengannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua yang keduanya mengenai subsidi yang diperuntukkan dalam belanjawan ini, kita melihat bagaimana dalam usaha terakhir ini dalam menangani defisit kepada bajet yang telah menjangkau sejak tahun 1998 ini. Usaha yang dilakukan ditekankan oleh pihak

kerajaan adalah usaha ini ialah untuk mengurangkan defisit yang dibayar ataupun digunakan untuk kegunaan sosial dan juga bahan api.

Jadi kita jangkakan Malaysia ini bagi saya Tuan Yang di-Pertua ialah bila kita melihat subsidi yang kita berikan atau kita gunakan dalam penggunaan negara ini, janganlah kita melihat subsidi itu sebagai satu perkara yang sangat negatif. Sedangkan subsidi walaupun kita belanjakan sekitar RM70 bilion tetapi sebahagian besar memang kita perlukan sebagai contohnya sekitar RM40 bilion itu kita belanjakan untuk tujuan kesihatan. Ini perkara yang wajib sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat. Kita belanjakan kepada kebajikan, pendidikan dan kepada biasiswa yang tidak dapat kita elakkan.

Akan tetapi jika kita belanjakan kepada bahan api seperti petrol, gas, gas masak dan elektrik juga merupakan satu yang tidak dapat kita elakkan. Sementara kita melihat, menunggu suatu ketika negara kita mempunyai rakyat yang berpendapatan tinggi. Yang lainnya yang saya lihat yang banyak ditekan ialah subsidi yang sangat kecil, subsidi yang kita belanjakan sekitar RM3 bilion sahaja untuk urusan makanan iaitu minyak masak, gula, tepung, beras dan makanan laut. Kenapa yang ini subsidi yang kecil ini jadi satu perkara yang sangat penting dalam urusan kita mengurangkan defisit negara.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan dalam Belanjawan 2011 ini, saya melihat bagaimana urusan bajet yang diletakkan untuk subsidi semakin berkurangan daripada tahun yang lalu. Jadi saya bimbang mungkin ada beberapa pengumuman lagi, atas nama pengurangan subsidi ini akan menyebabkan beberapa bahan kegunaan awam, bahan kegunaan umum akan dikurangkan subsidiya menyebabkan harga meningkat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya melihat dalam bajet ini apabila hanya sekitar RM3 bilion digunakan untuk subsidi makanan hanya RM4.6 bilion digunakan untuk infrastruktur yang melibatkan tol, penerbangan pedalaman dan kereta api. Saya bandingkan bagaimana dibelanjakan begitu besar dalam urusan-urusan yang lain seperti contohnya Bangunan Warisan Merdeka RM5 bilion tetapi akhirnya dijawab akan menggunakan peruntukan PNB. Jadi itu mungkin akan diuruskan secara di luar daripada Bajet 2011. Juga telah diumumkan juga akan menggunakan Pembangunan Tanah Sungai Buloh juga akan dibangunkan MRT sekitar RM40 bilion.

Saya menarik perhatian Dewan tentang MRT ini kerana saya sudah tanya soal MRT ini hanyalah penggal yang lepas sekitar empat bulan yang lalu. Ketika saya tanya soalan ini Yang Berhormat Menteri yang menjawab mengatakan ia satu benda yang tidak mungkin berlaku dan kemungkinan besar tidak berlaku. Sedangkan saya sudah dapat angin yang ketika itu sudah tahu siapa yang sedang membuat kajian tetapi Yang Berhormat Menteri yang menjawab di sini menyatakan tidak berlaku. Malah menggunakan satu pantun kepada saya kononnya mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan. Macam saya bercakap benda yang tidak ada kena-mengena.

Sedangkan kita sudah buat kajian, kita sudah lihat anginnya, kita sudah melihat pokok yang bergoyang Tuan Yang di-Pertua ya. Jadi kita tahu apabila pokok bergoyang kalau tidak ada angin mungkin ada monyetlah yang sedang melompat di atasnya. Jadi kita lihat sekarang ini benar-benar akan dilakukan dengan perbelanjaan sekitar RM40 bilion dalam urusan membina MRT ini dan kita tidak menafikan keperluan pengangkutan awam yang penting. Akan tetapi kalau kita menjimatkan wang daripada subsidi sekitar RM1.2 bilion untuk menaikkan harga beras, harga gula dan juga harga minyak tetapi akhirnya kita belanjakan untuk MRT. Apa yang lebih penting bukan bagi saya membelanjakan RM40 bilion untuk MRT ini tetapi diberikan kepada syarikat yang sama yang diberikan hak untuk membuat kajian akhirnya hak syarikat yang sama diberikan ruang dan sedang dibincangkan untuk itu diberikan kontrak membina MRT ini.

Ini satu benda yang sangat tidak telus dan harus dihapuskan dan bukan inilah jalan dan cara untuk kita maju sebagai sebuah negara maju, negara berpendapatan tinggi, rakyat diutamakan. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin juga bandingkan bagaimana beberapa perbelanjaan ini yang sangat besar yang harusnya kita agihkan dalam jalan yang lebih baik dan saya harapkan sekali lagi dalam urusan MRT ini, kerajaan belum tandatangan kontrak yang sebenar. Saya harap kementerian yang terlibat khususnya Jabatan Perdana Menteri boleh mengkaji semula kerana rekod syarikat yang sedang mereka rundingkan ini ada beberapa rekod yang tidak memuaskan dalam urusan-urusan kontrak yang mereka lakukan dan beberapa projek sebelum ini.

Jadi harapkan ia dikaji dan dilihat semula dalam kontrak ini kerana kita tidak mahu sekali lagi negara terjerumus dalam urusan yang kita harus membelanjakan jumlah yang begitu banyak untuk menyelamatkan keadaan. Apabila kontrak telah pun berjalan kita tandatangan dan kita...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa diperuntukkan cuma tinggal tiga minit sahaja lagi.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin menyentuh tiga hal lagi yang agak sesuai untuk waktu ini. Saya ingin ingatkan kalau sebelum ini kita telah memperingatkan kerajaan tentang supaya membelanjakan wang FELDA dengan baik, menguruskan wang FELDA dengan cara lebih berhemah. Saya juga hendak ingatkan kali ini bukan mendahului zaman tetapi saya hendak ingatkan bagaimana perbelanjaan untuk FELCRA juga harus diberikan satu tumpuan supaya wang yang melibatkan orang ramai, melibatkan kebanyakan rakyat ini dibelanjakan dengan baik.

Jadi tidak menafikan faedah yang mungkin dapat tetapi saya boleh bagi satu contoh bagaimana FELCRA telah membelanjakan RM148 juta untuk menanam getah di Pulau Banggi, Kudat, Sabah. Perbelanjaan ini masih belum cukup dan perlu belanjakan tambahan lagi sekitar RM26 juta yang dimaklumkan kepada kita untuk meluluskan projek ini. Keadaan tapak tempat pulau itu kalaulah kita benar-benar kita tanyakan kepada pakar bukan tanaman getah yang patut ada di situ tetapi harus ada kaedah yang lain bagaimana kita hendak bangunkan kerana RM174

juta kalau kita hendak bangukan hendak belanjakan di Pulau Banggi, Kudat, Sabah untuk manfaat 400 keluarga ini banyak cara lain untuk kita boleh memanfaatkan dan mereka boleh jadi jutawan. Rakyat Pulau Banggi ini dengan RM174 juta dalam masa sekitar lima tahun kita belanjakan dengan kaedah yang betul 400 keluarga ini boleh jadi jutawan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah* syukur. Saya orang Sabah ya Yang Berhormat.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya, sebab itu saya hendak tegur FELCRA.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ramai orang Sabah yang jadi jutawan, itu kita mahu.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya, sebab Pulau Banggi cuma ada 400 keluarga dan dibelanjakan RM174 juta tanam pokok getah satu perkara yang - saya datang daripada sebagai anak pekebun kecil saya tahulah di mana hendak tanam.

Keduanya saya ingin sebut tentang usaha memerangi rasuah sebagai satu daripada NKRA negara yang saya sebutkan tadi bukanlah hanya kerja MACC, ini kerja semua. Oleh sebab itu persepsi semua harus kita jaga dan keadaan lebih baik harus kita tunjukkan kepada rakyat dan sebab itu kita hendak tanyakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kes ini. Mereka telah menjawab tentang laporan yang diberikan oleh Dato Mat Zin Ibrahim dalam urusan ini yang disiasat oleh SPRM.

Akan tetapi satu lagi laporan yang belum dijawab oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah bagaimana laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak MAS terhadap Tan Sri Tajudin dahulu dengan satu laporan yang cukup tebal bagaimana kerugian yang telah berlaku kepada MAS harus dijawab dan diberikan keterangan kepada kita. Satu lagi yang ingin saya sebutkan ialah bagaimana tentang maklumat yang disebut akhir-akhir ini tentang *info* WikiLeaks melalui kabel yang disebutkan di dalam akbar-akbar ini.

#### ■1210

Saya ingin sebutkan dan tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah pertamanya kita harus jaga keharmonian kerjasama di antara negara. Kita harap Kementerian Luar Negeri mengambil pendekatan yang terbaik dalam isu ini kerana kalau kita mengambil sikap seperti negara lain kita akan mula bakar bendera. Akan tetapi negara Malaysia *Alhamdulillah*, rakyat kita rakyat yang cukup berhemah. Kita minta Kementerian Luar Negeri menyebut kerana ia bukan hanya menegur seperti mana *Utusan Malaysia* menyebut menegur Dato' Seri Anwar Ibrahim. Akan tetapi, juga menegur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dituduh dua perkara atau tiga perkara, kata Perdana Menteri kita disebut Dato' Seri Anwar Ibrahim, dia tegur dua atau tiga orang, dia tegur parti PAS dan sebagainya, juga disebutkan tentang Korea Utara. Jadi, macam-macam perkara. Jadi, kita harap Kementerian Luar Negeri dapat tangani dengan baik hal-hal ini supaya ia tidak berlaku perkara-perkara yang di luar daripada jangkauan yang boleh kita terima sebagai manfaat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah sedikit sahaja Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbalik semula berkenaan enrolmen tadi. Saya mohon Yang

Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bagi menjadikan usul supaya Kementerian Pelajaran Malaysia menyemak angka yang dikumpulkan oleh UNDP tadi, khusus enrolmen berkenaan sekolah menengah sebab angka ini pernah saya susun. Pada tahun 2007, kadarnya ialah 85.5%. Jadi, saya mohonlah minta supaya dijadikan usul agar Kementerian Pelajaran Malaysia menyemak angka yang disediakan oleh UNDP kerana ini juga memberikan dari satu sudut memberikan juga seolah-olah merendahkan tahap pencapaian pendidikan di Malaysia.

Kedua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *[Bangun]*

**Datuk Akbar bin Ali:** Sahabat-sahabat dari Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator sebentar, ya. Sebenarnya saya yang hendak mengalu-alukan. *[Ketawa]* Saya mengambil masa. Nanti saya tambah masa Yang Berhormat Senator. Dewan Negara mengalu-alukan dan ucap terima kasih atas kehadiran rombongan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dalam JKKK Bukit Rambai *[Tepuk]* dalam DUN Klebang, Melaka, Parlimen Tangga Batu. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Dari Melaka patut kita tahu cepat. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana usul kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tadi memang apabila saya sebut angka itu memang saya minta Kementerian Pelajaran Malaysia menyemak, perelaskan kepada kita apakah benar. Kalau benar juga harus dijawab mengapa ia berlaku sedemikian. Jika tidak adalah perelaskan kepada kita apakah angka yang sebenarnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tentang *WikiLeaks* tadi yang saya hendak sebutkan ialah bagaimana kita harus tangani dengan baik dan sekiranya ada usaha-usaha pihak yang cuba hendak menyebut beberapa perkara khususnya tentang berkaitan secara langsung dengan saya ini kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim itu, saya harap pihak yang terlibat dapatkanlah bukti kalau ia sebagai bukti, bawa ke mahkamah dan hadapkanlah, bawakanlah perkara itu di caj dan digunakan di mahkamah. Kita tidak perlu guna media untuk selesaikan perkara ini.

Jadi, akhirnya sebagai peringatan Tuan Yang di-Pertua daripada saya dalam usaha kita menangani bajet RM129 bilion ini untuk kita belanjakan dalam tahun 2011, saya ingin ingatkan kepada diri saya dan juga kepada semua pihak yang terlibat khususnya Kementerian Kewangan, kita berbelanja dengan baik dan kita jangan gunakan kepentingan jawatan yang kita ada untuk memperkayakan diri masing-masing. Ini kerana dalam urusan ini akan merosakkan perbelanjaan RM129 juta ini yang seharusnya manfaat besar diterima oleh pihak yang jauh di pedalaman. Pihak yang kedua adalah pihak di luar bandar dan pihak ketiga juga adalah pihak yang tertekan di peringkat bandar untuk mendapatkan manfaat ini.

Saya ingin ingatkan bagaimana kita terus bekerjasama kerana negara masih lagi berhutang sekitar RM362 bilion mengikut rekod-rekod tahun 2009. Jadi kerjasama semua untuk kita pastikan perbelanjaan ini berhemah, berhemat dan kita dapat berjimat dengan baik kerana yang paling penting ialah segala wang yang dibelanjakan bermanfaat untuk semua, bagaimana dalam satu kisah sirah ketika Rasulullah mengarahkan seorang sahabatnya untuk pergi mengutip zakat daripada satu daerah kemudian beliau pergi menunaikan tanggungjawab beliau, pulang dengan satu wang zakat ataupun kutipan zakat diletakkan satu bahagian dan diletakkan satu bahagian lagi, diberitahu Rasulullah, *"Ini hadiah yang diberikan oleh mereka yang telah mengeluarkan zakat"*. Lalu Rasulullah menyatakan *"Apakah kamu rasa kalau kamu tidak pegang jawatan ini, kalau kamu tidak mengambil tugas ini untuk mengutip zakat ini mereka akan hadiahkan wang ini kepada kamu?"*. Dia menjawab, *"Tidak"* *"Kalau tidak, maka kamu tidak berhak untuk menerima wang yang dihadiahkan dan disumbangkan oleh mereka yang mengeluarkan zakat ini"*.

Jadi, dengan itu saya ingin harapkan supaya mereka yang terlibat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Menteri Perdana Menteri, Menteri-menteri dan juga semua Ahli Dewan Negara dalam tugas yang kita jalankan, biarlah segala wang ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk kebajikan rakyat dan juga kebaikan dan kesejahteraan semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

**12.15 tgh.**

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan Salam 1Malaysia. Terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua memberikan laluan kepada saya untuk turut serta membahaskan ucapan Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. *Tanam* lenggun tumbuh kelapa, *terbit* bunga pucuk bidara, budi Tuan Yang di-Pertua saya tidak lupa memberikan laluan untuk saya berbicara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membicarakan isu yang dekat di hati saya iaitu isu air di negeri Selangor. Tuan Yang di-Pertua, proses penstrukturan semua industri air di Selangor sudah berlanjutan selama setahun lebih. Sehingga sekarang rakyat Selangor belum melihat apa-apa perkembangan positif proses penstrukturan industri air Selangor. Difahamkan Kerajaan Negeri Selangor menawarkan sebanyak RM5.7 bilion untuk membeli kesemua syer-syer bukan milik kerajaan negeri dalam SYABAS, Puncak Niaga, SPLASH dan Abass dan berjanji untuk menurunkan tarif air sebanyak 24%. Rakyat perlu melihat isu air di Selangor dengan fikiran terbuka kerana secara logiknya bagaimana Kerajaan Negeri mahu menurunkan tarif sebanyak 24% sedangkan untuk membeli keseluruhan aset ini sahaja Kerajaan Negeri perlu membuat

pinjaman sebanyak RM5.7 bilion. Ia satu jumlah yang besar dan kemungkinan rakyat menanggung bebannya. Mungkinkah kementerian ada jawapan di dalam isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, isu bekalan air di Selangor bukanlah untuk kroni ataupun pihak tertentu tetapi ia melibatkan soal kepentingan rakyat dan juga negara. Saya mendesak agar Kerajaan Negeri lebih bijaksana, amanah dan dalam menguruskan masalah ini. Soalan saya ialah apakah penghujungnya isu air Selangor ini jika masih lagi berdolak-dalik antara Kerajaan Negeri Selangor yang enggan bekerjasama? Setakat manakah persetujuan yang diberikan oleh kementerian kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk berbincang dengan Syarikat SYABAS Sdn. Bhd. berkaitan persetujuan konsesi air dan setakat manakah ia boleh menemui pengguna air di negeri Selangor? Apakah mekanisme ataupun pelan B yang bakal diguna pakai oleh kementerian jika perbincangan ini tidak mencapai kata putus yang positif kerana saya tidak mahu pengguna air di Selangor menjadi mangsa?

Ini kerana janji politik dahulu air diberikan percuma tetapi akibatnya kerajaan negeri terpaksa membayar kos kepada syarikat pembekal air setiap bulan dan sekarang mereka terpaksa bertahan bagi menunaikan janji tersebut. Bayangkan kalau satu hari nanti tidak dibayar, akhirnya syarikat pengeluar air terpaksa menanggung kerugian dan yang akan menjadi mangsa adalah semua rakyat. Saya ingin bertanya setakat manakah kesudian kementerian memberikan laluan kepada syarikat air menaikkan tarif, tempoh perjanjian konsesi dan yang diberi. Juga bagaimanakah jadual *ratio* kenaikan tarif yang dibenarkan oleh kementerian.

Ini kerana kita tidak mahu Kerajaan Negeri Selangor sewenang-wenangnya menaikkan tarif dengan *ratio* sendiri sehingga menjadi tinggi dan membebankan hak rakyat. Adakah kementerian bakal melaksanakan undang-undang mewajibkan setiap Kerajaan Negeri agar mendefinisikan dokumen perjanjian air dan segala Laporan Audit yang berkaitan agar rakyat tahu perkara yang sebenar dan juga boleh dan dibenarkan diberikan kepada rakyat untuk melihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu kereta hibrid elektrik yang telah dibincangkan sebentar tadi. Memang saya menyokong penuh langkah kerajaan untuk mengecualikan duti import dan eksais ke atas kereta hibrid dan juga elektrik. Adakah Proton bakal memasarkan kenderaan hibrid lebih murah jika dibandingkan dengan Toyota ataupun Honda dan jika ya, berapakah *price rangenya*, dengan izin kerana saya difahamkan bahawa menjelang tahun 2012, kenderaan hibrid ini bakal dipasarkan? Saya juga ingin bertanya akan sesi pemberian AP bagi memasarkan kenderaan hibrid dan elektrik ini bagaimanakah mekanismenya? Apakah prosedurnya sama seperti kenderaan biasa? Juga bagaimanakah konsep galakan cukai kenderaan hibrid bagi kenderaan yang dipasang siap (CDU) dan dipasang di kilang tempatan (CKD)?

Mengenai isu gaji pekerja minimum, saya amat bersetuju dengan langkah kerajaan yang mengumumkan penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dilihat bakal menjadi platform utama dalam menetapkan gaji pekerja di negara kita bagi Bajet 2011 ini. Cuma di sini saya ingin

bertanya akan sesi perbincangan berkaitan gaji minimum ini, setakat manakah kemajuannya? Berapakah gaji minimum yang dikira sesuai untuk industri terpilih di negara kita? Jika ini kerana pada pandangan saya, gaji minimum perlu dikaji dengan teliti bagi memberikan konsep *win-win situation* kepada pekerja dan juga majikan dan selaras dengan hasrat kerana menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Saya juga ingin bertanya...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Yang Berhormat Senator.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Boleh atau tidak saya tidak hendak beri Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Sebab saya takut saya tidak cukup masa sebab isu saya banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar sudah berapa kali mencelah.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Ya. Banyak sangat dia mencelah [*Ketawa*]. Boleh celah orang lain. Saya juga ingin bertanya akan soal kenaikan levi mengikut sektor dalam pengambilan pekerja asing kerana terdapat rungutan bahawa majikan khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana golongan bumiputera kerana industri inilah yang dikenal pasti banyak bergantung kepada pekerja asing.

#### ■1220

Kita amat kekurangan pekerja tempatan yang sanggup bekerja di ladang-ladang dan sektor pembuatan *3D job* iaitu *dirty, dangerous* dan *difficult* dengan izin. Juga saya menyokong skim pencen bagi sektor swasta dan golongan bekerja sendiri. Cuma, saya ingin bertanya mekanisme pelaksanaannya. Ini kerana saya mendapat makluman balas, ramai yang bertanyakan perihal ini.

Saya juga memuji dasar kerajaan meningkatkan pasaran buruh. Mengikut rekod sepanjang tahun 2010, pasaran buruh kekal dengan jumlah tenaga meningkat sebanyak 1.3% ke 11.8% pekerja dengan jangkaan peluang pekerjaan baru sebanyak 152,000. Bagaimana standard kekosongan sektor pembuatan dan sektor profesional? Apakah langkah kementerian untuk mengurangkan kekosongan warga pekerja pada ketiga-tiga sektor ini selaras untuk mencapai negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira bajet ini paling mesra wanita, kebajikan masyarakat dan keluarga. Saya menyokong penuh kakitangan wanita bakal diberi kemudahan cuti bersalin sehingga 90 hari berbanding 60 hari sebelum ini. Ini kerana swasta sudah lama mempraktikkan kemudahan ini. Bank-bank negara yang beroperasi di Malaysia juga mempraktikkan, contohnya Citibank. Saya ingin bertanya, bagaimana kes wanita yang kerap bersalin? Adakah layak 90 hari setiap kali bersalin? Ini kerana saya difahamkan ia dihadkan kepada tiga anak sahaja jika ingin

mengambil penuh 90 hari. Tidakkah kerajaan bercadang meletakkan 90 hari tanpa had jumlah bersalin? Saya kira ini lebih menarik dan efisien kepada golongan wanita. Saya juga tidak nampak alasan produktiviti akan merosot jika pekerja wanita kerap bersalin.

Apakah KPI dan NKRA kementerian bagi menangani banjir anak-anak luar nikah. Sila nyatakan program lima tahun KPI dan NKRA bagi membanteras isu ini dan menolong ibu-ibu muda ini. Masalah arwah ibu tunggal yang hidup di bawah paras kemiskinan, adakah pihak kementerian akan mewajibkan potongan EPF dan juga SOCSO daripada bekas-bekas suami bagi meringankan beban ibu-ibu tunggal dan anak-anaknya. Apakah kementerian akan mewujudkan yayasan ibu-ibu tunggal bagi memastikan mereka dapat berdiri dengan kaki sendiri? Sila nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil. Apakah anak-anak ibu tunggal juga diberi keutamaan dalam Program PERMATA? Jika tidak, sila jelaskan dan apakah kriteria yang boleh mereka menyertai Program PERMATA ini. Apakah kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan yayasan anak angkat bagi anak-anak ibu tunggal? Saya pasti ramai rakyat Malaysia yang berprihatin untuk menolong anak-anak tersebut dalam proses pembelajaran mereka hingga ke universiti.

Daripada segi isu pelancongan, saya sangat mengucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada Kementerian Pelancongan kerana telah banyak memberi promosi Malaysia ke luar negara. Saya difahamkan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tujuan laluan bumbung antara Bukit Bintang dengan KLCC yang bakal menjana kemasukan pelancong lebih tinggi, seterusnya menjana pendapatan negara. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang membina lebih banyak laluan seperti ini di tempat-tempat lain di ibu kota seperti negeri lain, Pulau Pinang, Melaka dan juga Johor Bahru. Bagaimana cadangan membina Legoland dan taman ala Disneyland di Johor Bahru juga Melaka yang dilaporkan sudah memperuntukkan RM300 juta kalau tidak silap saya, untuk membina taman tema di sana. Laporan akhbar 10 Disember 2010, benarkah begitu dan bagaimanakah perkembangan terkini?

Juga peruntukan sebanyak RM3 bilion membina Nexus Karambunai bagi membina pusat alam semula jadi dan peranginan bersepadu berlandaskan alam semula jadi yang pertama di Malaysia. Soalan saya, adakah cadangan ini untuk tempat lain? Kita banyak lagi tempat menarik berasaskan alam semula jadi Malaysia seperti Gua Niah, Mulu, Banjaran Titiwangsa, Tasik Belum di Perak yang belum lagi menonjol sebagai tarikan pelancong walaupun memiliki flora dan fauna yang menarik.

Saya juga ingin menyentuh mengenai *golf tourism*, dengan izin pelancongan golf. Kita difahamkan bahawa perbandingan di industri antarabangsa menunjukkan bahawa Malaysialah di antara populasi penduduk 25 juta sahaja tetapi mempunyai 172 kelab golf berbanding dengan negeri yang mempunyai lebih kurang – umpamanya Indonesia mempunyai 230 juta populasi dengan mempunyai 250 juta kelab golf dan juga 46 juta populasi, Myanmar mempunyai lima *golf club*. Begitu juga dengan 86 juta populasi berbanding dengan 30 kelab golf.

Maka saya berpendapat, kerana nilai anggaran industri ini mencapai RM20 bilion setahun, yang ada di Malaysia sekarang ialah cuma 172 kelab golf berdaftar di Malaysia dan juga 150,000 pemain golf berdaftar di Malaysia, yang aktif 85,000 dan anggaran 12 juta *round* jumlah permainan yang dimainkan pemain golf setahun dan banyak acara golf terbesar yang telah pun diacarakan di Malaysia. Susulan daripada isu berbangkit ialah mengapa tidak Kementerian Pelancongan menggunakan *golf tourism* ini sebagai sumber pendapatan utama dalam mempromosi Malaysia ke luar negara. Apakah peranan industri golf di dalam *inbound tourism*? Bagaimana kaedah kita mengguna pakai sepenuhnya lapangan golf di negara kita bagi menaikkan taraf ekonomi negara berbanding negara luar yang mempunyai mekanismenya tersendiri.

Kita seolah-olahnya kurang promosi dan juga kurang pakej golf bahkan banyak yang seakan-akan hidup segan, mati tidak mahu dan kurangnya promosi oleh negeri-negeri. Apakah peranan kerajaan negeri setiap negeri dalam mempromosi industri golf ini? Kebanyakan pelancong lebih menggemari bermain di luar negara dari berkunjung ke negara kita dan apakah isunya di sini? Jelas, syarikat pelancongan lebih mempromosi industri golf yang berada di luar negara dari mempromosi kelab golf di dalam negara. Apakah kesannya terhadap industri golf tempatan? Bagaimana cara dan kaedah untuk mengatasinya?

Industri golf dikatakan antara industri memberi pulangan yang lumayan dan jika di promosi dengan betul, akan mendatangkan keuntungan yang berganda. Saya berpendapat bahawa Kementerian Pelancongan ini sebenarnya boleh membuat kewangan dengan menumpang acara yang diadakan oleh pihak swasta. Umpamanya, kita ada dengar bahawa satu pertandingan golf akan diadakan secara internasional. Sepatutnya *golf tourism*, pelancongan ini boleh masuk memberi sumbangan sedikit bagi menjayakan program-program golf yang diadakan ini dengan memasukkan lagi penyertaan daripada luar negara dan mempromosikan Malaysia ke negara luar. Bukan sahaja golf, malah acara-acara lain umpamanya Kuala Lumpur International Film Festival yang bakal diadakan tahun hadapan. *Tourism* boleh masuk campur tangan dengan menerusi sumbangan dan juga memberitahu kepada agensi-agensi pelancongan filem negara bagi mempromosi negara ke negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar luar negara saya ingin memberi beberapa isu luar negara berkaitan dengan hubungan dengan jiran sebelah negara iaitu Malaysia dan Thailand. Insiden dan usaha untuk menyelesaikan konflik di Selatan Thailand yang masih berlarutan. Apakah peranan Malaysia untuk merealisasikan pembangunan sosioekonomi yang diyakini mampu mengakhiri keganasan berterusan serta program pembangunan untuk golongan muda di sana? Apakah bentuk persetujuan yang dicapai dan usaha menyelesaikan isu dua kerakyatan yang dimiliki penduduk di sempadan kedua-dua negara ini? Bagaimanakah dengan usaha mewujudkan pangkalan data yang lebih sistematik? Saya percaya langkah tersebut dipercayai dapat membantu menyelesaikan isu berkenaan memandangkan ia melibatkan isu-isu teknikal.

Kemudian isu tanah di KTMB di Singapura, saya mohon kepada kementerian berkaitan isu antara pertukaran tanah membabitkan isu pelaksanaan butiran-butiran perjanjian POA berhubung tanah KTM Berhad di republik itu. Apakah keuntungannya bagi pihak kita? Juga saya mahu penjelasan setakat manakah faedah yang dinikmati oleh pihak kita dari segi kedatangan pelancong dari kegiatan ekonomi hasil tindakan menurunkan kadar tol di Linkdua sebanyak 30% baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu undang-undang Islam. Apakah kementerian bercadang menyemak semula undang-undang berlandaskan syariah yang tidak seragam antara negeri-negeri dan menyebabkan ia tidak dapat dikuatkuasakan. Bolehkah kementerian menerangkan kekusutan antara negeri dan isu-isu yang kerap timbul akibat ketidakseragaman ini?

Isu pegawai tadbir, adakah kementerian bercadang mengkaji dan menyeragamkan gred gaji Pegawai Tadbir Agama dan Pegawai Kadi serta Pegawai Syariah Hakim, Pegawai Pendakwa dan Pegawai Masjid supaya seragam dengan rakan-rakan dari sektor lain. Bolehkah kementerian menyenaraikan jumlah kes tertunggak di Mahkamah Syariah bagi tempoh lima tahun lepas mengikut jenis kes? Apakah puncanya kes-kes ini tertunggak? Apakah langkah kementerian untuk mengatasi *backlog* ini dan setakat manakah kejayaannya dalam tempoh lima tahun ini?

Isu Tabung Haji. Adakah Tabung Haji bercadang melabur dalam usaha memiliki bangunan sendiri, hotel dan bangunan komersial lain selepas memiliki Hotel Tabung Haji? Ini bagi memberi kemudahan kepada jemaah haji kita. Adakah kerajaan bakal mengumumkan kenaikan kos haji mulai tahun hadapan berdasarkan kos semasa hotel di Mekah yang meningkat naik serta kemudahan LRT, monorel yang bakal beroperasi menjelang musim haji 2012 kelak.

Bolehkah kementerian menjelaskan jumlah subsidi haji yang telah diberikan kepada jemaah haji kita sejak lima tahun lepas mengikut urutan tahunnya? Apakah persediaan Tabung Haji dalam sistem kuota jemaah mengerjakan ibadat haji? Bagaimana sistem ini dipantau? Adakah terdapat keadilan ataupun ketirisan? Ini kerana terdapat banyak aduan jemaah yang ulang kali pergi walaupun bukan dalam golongan yang diutamakan dan ada yang sehingga meninggal dunia pun, hajat dan niat menunaikan haji tidak termakbul disebabkan sistem kuota ini. Adakah kerajaan bercadang memohon agar kuota haji Malaysia dinaikkan? Ini kerana kuota kita 25,000 1/3 daripada jumlah penduduk Malaysia. Akan tetapi, hari ini jumlah penduduk sudah meningkat sekitar 28 juta.

Saya minta kementerian juga menyenaraikan jumlah hotel bertaraf tiga dan lima bintang yang masih gagal mematuhi piawaian halal JAKIM. Bukan sebab utamanya adalah kita mewajibkan penggunaan tanda halal ini dan adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua hotel akan mempunyai sijil halal yang sah dan baru dibenarkan beroperasi.

Begitu juga dengan apakah kementerian bercadang menaikkan juga elaun bagi AJK selepas pengumuman kenaikan elaun Pengerusi JKK. Juga isu bilal dan tok siak yang saya kira patut dinaikkan juga elaun dan kemudahan mereka berdasarkan tenaga dan masa yang telah disumbangkan.

■1230

Saya juga ingin menyentuh dalam isu sambutan *Halloween and Valentine* dan minta pandangan daripada kementerian berkaitan promosi besar-besaran media cetak, elektronik dan hotel-hotel menjelang Hari Halloween dan juga Hari Valentine ini. Ramai anak muda terpengaruh contohnya *Lock You Up Party for Valentine, Trick and Trick Game for Halloween* dan pelbagai promosi lagi. Malah adanya promosi *no and nobody for girls* berunsur lucah tetapi ia realiti dan disebarkan seluruh akhbar perdana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengakhiri ucapan saya dengan membangkitkan isu pertambahan peruntukan bagi Ahli Dewan Negara. Saya kira ini adalah isu lama tetapi telah dibangkitkan tiap-tiap tahun tetapi tidak ada sebarang *follow up* yang dibuat. Saya hanya hendak beri penerangan kerana kita ini dilantik sebagai Senator dan dilantik oleh Agong. Pengetahuan orang ramai menganggap apabila dilantik oleh Agong bukan hanya meliputi kawasan sendiri tetapi meliputi kawasan seluruh Malaysia. Maka seluruh negara minta peruntukan daripada kita.

Apa yang ada pada kita hanyalah RM200,000 yang akan dipertahankan sehingga sepenggal atau tiga tahun berbanding dengan Adun dan Ahli Parlimen yang hanya mendapat RM513 juta dalam masa setahun dan bukan tiga tahun. Saya mohon kerjasama kalau kerajaan dapat menimbangkan agar peruntukkan ini dinaikkan. Begitu juga dengan adakah kerajaan bakal menilai tempoh pelantikan Senator yang saya kira terlalu singkat. Hanya tiga tahun sepenggal dan maksimum dua penggal sahaja. Ada juga yang dilantik hanya sepenggal bagi parti-parti tertentu.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula gaji *basic pay* kerana *basic pay* kita ini terlalu rendah dan dari *basic pay* inilah yang akan menentukan gaji pencen senator kelak. Maka saya mohon agar ia dipertimbangkan selaras dengan bakti dan tenaga yang telah disumbangkan oleh Senator sepanjang perkhidmatan mereka. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat terlalu laju berucap. Macam tidak sempat *tidur*. [Ketawa] Saya tahu mungkin dia jimat masa. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

12.32 tgh.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut sama berbahas dalam perbahasan Bajet 2011. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan

Barisan Nasional kerana Bajet 2011 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Oktober 2010 adalah bajet yang menyeluruh dan mengambil kira kepentingan semua golongan rakyat dan latar belakang sosio ekonomi. Ia juga turut meletakkan pembangunan holistik dan mampan serta kesejahteraan rakyat sebagai strategi-strategi lain.

Bajet yang ke-53 dalam sejarah negara dan kedua kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini amat penting kepada rakyat kerana ia adalah merupakan bajet yang pertama dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan bakal memberi impak kepada pelaksanaan pelan pembangunan lima tahun negara serta pelan transformasi negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

Bajet yang bertemakan Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi ini menggariskan empat strategi utama untuk memacu ekonomi negara. Empat strategi terbabit ialah seperti berikut;

- (i) merancang pertumbuhan swasta;
- (ii) mempergiatkan pembangunan modal insan;
- (iii) menambah baik kualiti hidup; dan
- (iv) memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam.

Perkara yang ingin saya sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan peranan pihak swasta yang bakal menyumbang kepada kejayaan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Pelan Transformasi Negara Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi.

Dalam menuju negara maju dan berpendapatan tinggi, ekonomi negara banyak bergantung kepada sektor swasta, sektor perkhidmatan adalah merupakan sektor yang penting dalam menjana ekonomi negara iaitu sekitar 65% daripada pendapatan negara. Misalnya, sepanjang tahun lalu sektor ini menyumbangkan sebanyak 55% kepada KDNK negara dengan 47.6% merupakan sumbangan perkhidmatan bukan kerajaan. Meskipun pergantungan negara dalam sektor perkhidmatan amat ketara, namun kerajaan perlu mengambil langkah berhati-hati kerana ia berisiko tinggi.

Soalannya, apakah galakan-galakan yang disediakan oleh kerajaan dalam memajukan sektor perkhidmatan ini? Kedua, apakah tindakan kerajaan bagi memajukan industri perkhidmatan ini dan apakah mekanisme yang dilaksanakan untuk menarik minat pelabur asing melabur dalam sektor perkhidmatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu berkaitan memperkasakan masyarakat Melayu luar bandar. Selepas 38 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan setelah merdeka lebih 50 tahun, masyarakat di luar bandar anggarannya lebih 10.43 juta atau melebihi 1/3 daripada penduduk Malaysia tinggal di luar bandar dan majoritinya Melayu masih terperangkap dalam kemiskinan dan ketidaksamarataan. Justeru bagi membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang ketidaksamarataan ekonomi di desa, disarankan di sini langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan pegangan hak milik tanah di kalangan orang Melayu desa;
- (ii) melakukan anjakan paradigma ke atas aktiviti ekonomi yang berbentuk tradisional kepada yang lebih moden seperti memproses keropok menggunakan mesin atau membungkus kerepek dengan teknik moden;
- (iii) memperkukuhkan institusi koperasi di kalangan komuniti desa; dan
- (iv) melengkapkan prasarana ekonomi di desa untuk merangsang pertumbuhannya dengan menyediakan prasarana-prasarana yang dapat menggalakkan penempatan industri kecil sederhana yang berasaskan pertanian, perikanan dan ternakan desa dengan menyediakan rangkaian jalan raya, jambatan, bekalan elektrik, perparitan dan ICT serta infrastruktur komersial seperti bangunan komersial, bengkel dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh dan saya merujuk kepada pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang merentasi Selat Tebrau yang menghubungkan Johor dan Singapura. Baru-baru ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah tentang keperluan membina jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor. Baginda seterusnya bertitah bahawa ia adalah hasrat rakyat Johor untuk pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor. Saya sebagai rakyat Johor amat menyokong penuh titah ucapan Baginda yang sangat prihatin dengan kebajikan rakyat.

Seterusnya terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang telah turun melawat Johor dan menegaskan bahawa kerajaan perlu mengkaji secara mendalam saranan Baginda Sultan.

Pembinaan jambatan ini akan memudahkan lebih daripada 250,000 orang di negara ini yang kini mencari rezeki di Singapura untuk berulang alik setiap hari. Difahamkan mereka yang bermotosikal mengambil masa di antara dua atau tiga jam untuk sampai ke Singapura dari Tambak Johor. Apatah lagi bagi mereka yang menaiki kenderaan seperti kereta atau lori yang akan tersekat dalam kesesakan lalu lintas.

Pembinaan jambatan berkenaan bukan sahaja memberikan keselesaan kepada rakyat Johor yang berulang alik ke Singapura malah menjadi kemudahan untuk rakyat di negara jiran itu dan pelancong-pelancong asing yang datang berada di negara itu datang masuk melancong ke negara ini. Jambatan ini juga mampu mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Singapura dan memudahkan pelabur untuk datang ke negara kita dengan tujuan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dari segi alam sekitar pengaliran air sungai dapat berjalan dengan baik. Ketiadaan Tambak Johor akan membolehkan air di Selat Tebrau bebas mengalir sekali gus memberi kesan yang baik terhadap alam sekitar di sekelilingnya.

Dengan menggantikan Tambak Johor ini juga, kualiti air di Selat Tebrau akan meningkat dan tiada pencemaran yang teruk akibat laluan air tersekat dan boleh menjadi laluan baru kepada kapal-kapal kecil yang pasti memajukan lagi pelabuhan Tanjung Pelepas.

Seperkara lagu Tuan Yang di-Pertua, bangunan CIQ yang cukup gah yang berada di Johor Bahru akan lebih berfungsi dan dapat digunakan dengan sepenuhnya. Dapat diperhatikan dari sudut reka bentuk jambatan sekiranya bahagian tambak di sebelah Malaysia dirobohkan dan seterusnya dibina jambatan terus ke pusat CIQ ia dapat memanfaatkan fungsi pengaliran air dari sebelah Sungai Segget terus ke sebelah Stulang.

■1240

Dari segi kecuraman jambatan dari pusat CIQ ke bahagian tengah tambak secara lurus saya pasti kecuramannya mematuhi prinsip-prinsip reka bentuk yang ditetapkan. Dari segi keselamatan pasukan keselamatan askar dan polis boleh mengawal perairan terutamanya Selat Tebrau dengan lebih berkesan dengan kapal-kapal peronda boleh terus ke Laut China Selatan atau ke Selat Melaka dengan melalui Selat Tebrau tanpa melalui Singapura. Semua kapal-kapal layar boleh melalui Selat Tebrau dengan bebas tanpa ada sekatan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, kajian perlu dipercepatkan agar pembangunan jambatan tersebut dapat disegerakan kerana ianya banyak memberi manfaat jangka panjang kepada pelbagai pihak berkuasa, rakyat Johor dan penyumbang pendapatan ekonomi kepada Malaysia secara amnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan tindakan segelintir rakyat Malaysia yang tidak mempunyai tanggungjawab, tiada semangat patriotik serta kecintaan kepada tanah air sehingga sanggup mencemarkan nama negara dan memburuk-burukkan nama negara di peringkat antarabangsa. Di sini saya ingin menyeru agar kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada pihak-pihak yang mencerca, mengeji dan memburuk-burukkan negara. Tindakan mereka boleh menyebabkan reputasi negara tercemar di mata masyarakat antarabangsa dan boleh membangkitkan rasa prejudis pelabur-pelabur dan meleburkan minat mereka untuk melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan undang-undang seperti di bawah Akta ISA serta undang-undang yang berkaitan perlu tegas agar perkara ini dapat dibendung. Kita minta kerajaan dakwalah mereka ini dan hukumlah mereka kerana mereka yang memburukkan negara adalah pengkhianat kepada negara dan patut dihukum dengan hukuman yang sewajarnya. Benar Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan memberi kita hak untuk bersuara namun kita sebagai rakyat sepatutnya menghayati semangat dan roh perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Sesungguhnya kebebasan bersuara yang diperuntukkan itu datang dengan tanggungjawab. Justeru semua pihak tidak sepatutnya mengabaikan tanggungjawab mereka kepada negara dan generasi akan datang kerana perbuatan hari ini akan memberi kesan kepada pembangunan negara di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan Kementerian Kesihatan. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional kerana selama ini amat prihatin dengan kesihatan rakyat terutamanya warga luar bandar dengan telah menyediakan kemudahan klinik desa, klinik kesihatan, klinik gigi termasuklah klinik kesihatan ibu dan anak dan sebagainya. Rakyat telah benar-benar mendapat manfaat daripadanya. Cuma di sini saya ingin menyentuh berkaitan kekurangan pegawai perubatan di klinik-klinik daerah, di desa dan di luar bandar. Kita lihat dunia sekarang pelbagai jenis pandemik dan juga epidemik seperti H1N1, HIV, AIDS serta lain-lain seperti kencing tikus, demam denggi, pelbagai penyakit barah dan sebagainya yang perlu dirawat secara klinikal dan perlu mendapat rawatan dan nasihat profesional.

Pada masa sekarang pegawai perubatan iaitu doktor hanya bertugas seminggu sekali atau dua kali di pusat kesihatan kecil dan khidmat doktor pakar pula diadakan hanya sebulan sekali di pusat-pusat kesihatan luar bandar. Hari lain pesakit akan dirawat oleh pembantu hospital. Justeru pesakit tidak mendapat rawatan doktor yang profesional. Menurut kajian, Malaysia menghadapi peningkatan insiden penyakit berkaitan gaya hidup dan menjelang tahun 2020 negara akan mencapai status penduduk berusia lebih 10% daripada jumlah keseluruhan penduduk berusia lebih 60 tahun.

Kedua-dua situasi ini perlu dikaji dan diberi tindakan yang sewajarnya bagi pembangunan yang seimbang dari segi mental dan juga fizikal. Keadaan ini boleh memberi pelbagai risiko dan kesan jangka panjang yang tidak baik. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya mencadangkan agar setiap pusat kesihatan kecil terutamanya di luar-luar bandar diperuntukkan pegawai perubatan pada setiap hari. Jika boleh diadakan khidmat doktor pakar seminggu sekali. Saya percaya ianya selaras dengan peningkatan nisbah profesional penjagaan kesihatan kepada penduduk. Pada tahun 2010 adalah 1:920.

Selain isu di atas saya ingin menyentuh berkaitan pembangunan dan kemudahan infrastruktur bangunan klinik-klinik terutamanya klinik desa, klinik luar bandar ini. Bangunan-bangunan klinik daerah ini banyak yang lama Tuan Yang di-Pertua. Ada yang berusia 30 tahun, ada yang masih lagi bangunan kayu dan sangat perlu penjagaan yang lebih. Ada juga sangat kecil dan sempit sehingga kalau menerima rawatan doktor terpaksa berkongsi meja dan pesakit duduk bangku masing-masing membelakang tidak ada *privacy*. Saya tidak dapat hendak contohkan duduk membelakang macam mana. Ini belakang ini, berhimpitlah. Masih lagi terdapat pada zaman ini. Tuan Yang di-Pertua kesian orang-orang di luar bandar ya.

Selain itu bangunan ini dikira tidak dapat memenuhi kapasiti pesakit di mana klinik tidak muat sehingga pesakit terpaksa tunggu di luar kerana kecil jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang makin bertambah. Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pusat-pusat kesihatan di luar bandar ini supaya dinaikkan tarafnya. Di samping itu bangunan-bangunannya perlulah dibaiki dan juga dari segi perubatan ditingkatkan ubat-ubat yang

mencukupi agar lebih selesa dari yang ada pada masa sekarang ini untuk menampung keperluan pesakit-pesakit yang semakin bertambah. Klinik-klinik desa ini patut diperbesarkan dan diberi kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan mampu memberi perkhidmatan yang baik kepada pesakit selaras dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh dari segi pendidikan. Salah satu indeks atau petunjuk utama sesebuah negara maju adalah pembangunan modal insan. Justeru strategi mempergiat pembangunan modal insan di bawah Bajet 2011 amat penting untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Berdasarkan Laporan Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 80% daripada tenaga kerja negara hanya berpendidikan setakat kelayakan SPM yang tidak sejajar dengan ekonomi berpendapatan tinggi yang dihasratkan oleh kerajaan. Justeru peruntukan sebanyak RM29.3 bilion kepada sektor pendidikan negara membuktikan kerajaan amat mengutamakan pembangunan modal insan. Peruntukan itu adalah peningkatan sebanyak 14.9% berbanding peruntukan pendidikan di bawah Bajet 2010. Kita dapat melihat usaha berterusan kerajaan dalam sektor pendidikan selaras dengan perkembangan pendidikan semasa yang memberi penekanan kepada aspek pengetahuan dan ekonomi pengetahuan – *any knowledge economy*. Nilai ini telah menjadi salah satu pemangkin kepada ekonomi negara maju.

Dalam usaha tersebut kerajaan perlu memastikan kurikulum pendidikan negara di setiap peringkat rendah, menengah dan tinggi sejajar dengan realiti persekitaran industri yang memacu ekonomi negara. Memperkukuhkan modal insan adalah aset penting negara selain sumber semula jadi. Modal insan berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan selain kreatif dan inovatif bakal dilahirkan menerusi Program Vokasional dan Teknikal (VOTEK). Justeru saya menyambut dasar untuk mengarusperdanakan pendidikan VOTEK. Bagi mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020 tindakan ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga mahir untuk memacu pembangunan negara ke arah negara berpendapatan tinggi.

Soalan saya apakah perancangan dan persediaan kementerian sehingga kini dalam memperluaskan program tersebut termasuk keperluan tenaga pengajar dari segi bilangan dan kualiti bagi memastikan pelaksanaan dasar mengarusperdanakan Program VOTEK dapat dicapai.

■1250

Mengenai dengan program j-QAF merupakan satu usaha yang memerlukan komitmen yang tinggi bagi memastikan anak-anak atau generasi akan datang dapat memahami dan menghayati kepentingan pendidikan agama selain daripada pendidikan Islam yang menjadi mata pelajaran teras pada masa ini. Namun demikian seperti yang disebut di Dewan Rakyat semasa penggulungan di peringkat dasar berhubung dengan kekurangan guru-guru j-QAF yang dikatakan mencecah 16,000 orang. Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tersebut. Selain itu saya juga

ingin mendapatkan penjelasan lanjut, apakah kedudukan dan status guru-guru di sekolah SABK setelah mendaftar dengan KPM terutama guru-guru yang baru dilantik.

Seterusnya mengenai dengan sistem pendidikan negara yang telah mengalami evolusi penting sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara. Sistem pendidikan diperkemas sejajar dengan perkembangan matlamat negara menuju negara maju berpendidikan tinggi dan kemajuan teknologi maklumat. Saya amat berbesar hati dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin yang telah memimpin Kementerian Pelajaran dalam tempoh hampir dua tahun melalui perwujudan pelbagai dasar baru serta mengukuhkan dasar sedia ada bagi memantapkan lagi kualiti dan pembangunan sistem pendidikan negara. Antara dasar-dasar yang telah dan akan dilaksanakan adalah Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), pemansuhan PMR, memperkenalkan pendidikan reproduktif dan seksualiti dan dasar-dasar lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan supaya dasar-dasar ini didokumenkan semula dan dijadikan sebagai satu penyata bagi menggantikan dan mengemaskinikan penyata-penyata terdahulu dan diguna pakai ketika ini. Ini penting bagi pihak kerajaan supaya dokumen-dokumen ini yang diwujudkan dapat dijadikan sebagai panduan kepada kementerian dalam menerajui sistem pendidikan negara yang berkualiti dan diterima umum.

Seterusnya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, agak nya suara dah kering. Air pun tidak ada *supply*. Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan sekolah untuk murid-murid khas. Terima kasih kepada kementerian yang telah mewujudkan sekolah-sekolah untuk murid-murid khas iaitu istimewa sama ada sekolah menengah ataupun sekolah-sekolah rendah. Sekolah ini diwujudkan menurut Akta Pendidikan 1996 Peraturan-peraturan Pendidikan yakni Pendidikan Khas 1997 Bahagian 3/2 menyediakan pendidikan khas dan kemudahan untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah ucapan? Masa habis.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua,

*Dari Muar ke Batu Pahat,*

*naik kereta bersama Tarmizi,*

*Saya faham masa terhad,*

*boleh saya sambung sikit lagi.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, saya tambah lima minit, pantun cantik.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Manakala pendidikan khas integrasi pula adalah untuk yang bermasalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran di peringkat pra sekolah, sekolah harian biasa, rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik atau vokasional dengan menggunakan pendekatan pengajaran

berasingan dan secara separa *inclusive*. Saya tidak pandai hendak laju macam Datuk Nor Hayati.

Persoalannya sekarang adakah sekolah ini cukup untuk menampung murid-murid yang kian bertambah terutamanya dari sekolah-sekolah di luar bandar. Difahami kebanyakan sekolah berkaitan terdapat di dalam bandar, contohnya di Batu Pahat terdapat beberapa buah sekolah menengah sahaja yang menyediakan kelas berkenaan dan kebanyakan sekolah di pekan-pekan besar dan kadang-kadang jauh dari tempat tinggal murid yang berkenaan. Jadi ianya menyukarkan murid-murid tersebut ke sekolah atas sebab-sebab dari tempat tinggal mereka dan tiada kenderaan untuk mereka ke sana di samping faktor-faktor lain.

Dicadangkan supaya diperbanyakkan sekolah rendah mahupun sekolah menengah yang mempunyai kelas pendidikan khas bagi menggalakkan anak-anak istimewa ini menerima pelajaran yang sewajarnya. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya apabila membina bangunan yang ada kelas pendidikan khas, perlulah menyediakan prasarana asas murid seperti laluan OKU contohnya kerusi roda ataupun laluan yang mempunyai tiang yang membolehkan mereka berpaut dan berpegang sepanjang perjalanan, tempat ibu bapa menunggu. Memandangkan anak istimewa ini tidak dapat untuk belajar di sekolah-sekolah disediakan kerana jauh. Maka saya ingin mencadangkan supaya ditambah bilangan sekolah untuk anak-anak istimewa dan lain-lain prasarana untuk pelajar istimewa ataupun OKU.

Mengenai dengan wanita dan transformasi negara, saya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memperuntukkan RM1.2 bilion untuk mengurus dan pembangunan di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi tahun 2011. Bajet ini adalah semata-mata memperkukuhkan dan mempertingkatkan aspek pembangunan penduduk tanpa mengira kaum, agama dan bangsa. Saya ringkaskan sahaja Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya wanita zaman sekarang bukan sahaja penting menjaga keluarga di rumah tetapi juga menyumbang kepada pembangunan negara dengan menyumbang tenaga dan meningkatkan produktiviti negara. Namun akhir-akhir ini kita lihat kepada isu gejala sosial yang timbul dan dikaitkan dengan wanita bekerja.

Jadi cadangan saya, wanita bekerja hendaklah cukup infrastruktur sokongan. Dicapangkan pekerja wanita berpendapatan minimum RM1,000 diberi elaun saraan penjagaan anak kerana kos menjaga anak berkualiti adalah sangat di luar kemampuan mereka. Anak-anak ditinggalkan tanpa penjagaan sehingga ada laporan bayi meninggal akibat tercekik susu, jatuh dan sebagainya. Kedua, perlu diwujudkan satu institusi pengasuh anak negara, pusat latihan pengasuh profesional perlu diwujudkan. Pusat kanak-kanak di semua kawasan perumahan terutamanya perumahan PPRT.

Mengenai isu nelayan air tawar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di mana nelayan sungai air tawar tidak boleh didaftarkan di bawah LKIM kerana LKIM hanya membuka keahlian kepada nelayan laut dalam atau air masin. Dari segi Jabatan Perikanan pula, tidak ada satu

aturan dan undang-undang yang membolehkan mereka ini berdaftar dengan Jabatan Perikanan. Ia hanya membantu nelayan-nelayan secara individu, kumpulan kecil tidak dalam membentuk persatuan. Meskipun bantuan kepada individu kelompok kecil diberikan, namun tiada dalam bentuk persatuan dan pengusaha ternakan ikan darat.

Selaras dengan perkembangan semasa, permintaan ikan air tawar semakin meningkat dan pengusaha ikan air tawar juga bertambah dan mereka perlu diberi perhatian kerana golongan ini juga penyumbang kepada ekonomi setempat. Saya ingin mencadangkan justeru itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya dah tambah masa ya. Kalau boleh saya pohon supaya Yang Berhormat dapat selesaikan sebelum Dewan ditangguhkan jam 1.00 tepat ya.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Ya. Justeru itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar LKIM dapat memperluaskan skop bidangnya daripada ikan laut dalam dan ikan air masin sahaja. Kepada mendaftar juga persatuan-persatuan nelayan ikan air tawar dan pengusaha-pengusaha ternakan ikan darat.

Kedua, langkah seterusnya, Jabatan Perikanan juga hendaklah diberi kuasa mendaftarkan semula ikan air tawar, ikan air sungai. Dengan keadaan ini Jabatan dapat melihat kebajikan mereka serta permasalahan dan bantuan-bantuan yang boleh diberikan atas nama persatuan sebab selama ini bantuan diberikan daripada perikanan atas nama individu dan kelompok-kelompok kecil sahaja.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini yang penghabisan. Golongan belia adalah penting bagi memacu masa depan mereka dan peranan sumbangan mereka tidak boleh dinafikan. Malah golongan ini yang merubah landskap politik negara pada Pilihan Raya Umum ke-12. Dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun, golongan ini merupakan 40% daripada 27 juta rakyat penduduk Malaysia dan mereka inilah yang dikenali sebagai pewaris negara. Persoalan saya, sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan program-program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan ke atas golongan ini?

Saya menyentuh peranan yang diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kewujudan pergerakan Penggerak Rakan Muda di setiap Parlimen tidak dinafikan rasionalnya kewujudan jawatan ini sudah pastinya akan memberikan impak kepada golongan belia di peringkat akar umbi. Melalui jawatan ini jugalah ia mampu menarik golongan belia yang lebih lapan juga tidak berpersatuan membentuk generasi belia yang sihat yang menjadi pembimbing kepada belia-belia bermasalah. Namun amat mendukacitakan apabila jawatan ini tidak diisi atas alasan kementerian tidak mempunyai peruntukan untuk membayar gaji mereka, hanya berkhidmat beberapa bulan sebelum tamat kontrak, penggerak Parlimen ditamatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya cakap sikit sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dah nak habis dah. Saya ingin mencadangkan agar diwujudkan kembali jawatan ini agar ianya dapat melaksanakan objektif asas penubuhan kumpulan penggerak. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pantun dari saya,

*ikan gelama ikan tenggiri,*

*dibuat santapan sang puteri,*

*semangat 1Malaysia kita sama hayati,*

*negara maju berpendapatan tinggi kita realisasi.*

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua,

*bunga cempaka di laman Cik Nyonya,*

*sambil disulam pokok halia,*

*Tuan Yang di-Pertua manis orangnya,*

*menjalankan tugas berhati mulia.*

Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya ada bakat buat pantun, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut catatan ini yang terakhir sekali tadi Yang Berhormat Hajah Noriah. Sudah habis ya? Saya tengok sudah habis, sudah.

Seterusnya saya ingin memberi pandangan, panduan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, saya minta, saya sudah cakap semalam tolong panjangkan siapa yang hendak berucap. So, sampai tengah hari tadi saya terima 11 orang. Saya ikut prioriti yang dihantar kepada saya itu. Maknanya, kita mohon kerjasama dengan semua Yang Berhormat untuk menyenangkan kita mentadbir.

Oleh itu, sekarang ini saya hendak beritahu pertama sekali saya akan umumkan dua orang sebelum itu. Katalah A bercakap, selepas itu *stand by*. Jadi, saya nampak rekod ini tadi ada nama-nama hendak dipanggil tetapi tidak ada dalam Dewan. Ini saya minta kerjasama dan kalau boleh saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada hendak berucap, datang jugalah mendengar kerana Dewan yang mulia ini bersidang tidak lama.

Sekarang ini saya teruskan tanpa membuang masa kalau boleh kita tidak payah hendak sambung. Senang saya hendak *manage*. Kalau sekiranya *last minute* beri, saya tidak beri serba salah. *I like to be fair* dengan izin *to every one of you*. *But you got to be fair to yourself and to me as well* dengan izin.

Sekarang saya hendak memberitahu maklum untuk yang saya cuba hendak selesaikan hari ini. Yang Berhormat Ng Fook Heng, Yang Berhormat Haji Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Dato' Mustafa, Yang Berhormat Muhamad Yusof Husin, Yang Berhormat Hajah Dayang Mandinah, Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu, Yang Amat Mulia Tunku Abdul Aziz, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

Sebelah tengah hari tadi saya ada terima tiga nama. Yang Berhormat Puan Usha Nandhini, Yang Berhormat Dato' Muhammed Najeeb, Yang Berhormat Lee Cheam Choon. Yang Berhormat Lee Chiam Choon dia kata 16 hari bulan, esok. Kalau dapat, menjadi senang saya aturkan. Bermakna kita cuba selesaikan hari ini setakat mana yang boleh. Tidak payah kita sambung 5.30 kerana saya terfikir dengan adanya ini, sudah mencukupi. Saya mohon kerjasama dan sedialah berhujah dalam masa yang dihadkan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

### **2.35 ptg.**

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada bajet dan peruntukan kerajaan untuk Kementerian Pelajaran iaitu RM29.4 bilion dan Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM10.2 bilion. Jadi, apabila kita gabungkan kedua-dua angka ini menjadi RM39.6 bilion adalah untuk pendidikan negara iaitu lebih kurang 1/3 daripada keseluruhan peruntukan Bajet 2011.

Angka ini menunjukkan kerajaan amat mementingkan kepentingan rakyat dari segi penyediaan pendidikan dan penyediaan sumber manusia negara supaya generasi muda akan datang dapat menyokong dan mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan negara Malaysia ke arah *fully develop country* dengan izin menjelang tahun 2020.

Tidak dinafikan bahawa transformasi fizikal atau pun infrastruktur pendidikan negara sejak merdeka dahulu hingga sekarang adalah cukup baik tetapi kualiti pelajar kita nampaknya semakin merosot. Contohnya, adalah kemerosotan dalam standard bahasa Inggeris. Ramai atau mungkin semua Ahli Dewan Negara kita ini dalam Dewan ini termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri dapat menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia dengan baik.

Bagi Ahli Dewan berbangsa Cina atau pun India, mereka dapat menguasai tiga jenis bahasa iaitu BM, BI, BC dan bagi kaum India bahasa Tamil. Ini semua adalah kelebihan dalam kehidupan kita sehari-harian. Malangnya, selepas transformasi *software* iaitu sukatan pelajaran dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pengajian tinggi, graduan hari

ini termasuk anak-anak kita semua tidak dapat menguasai bahasa Inggeris yang memuaskan. Mereka tidak boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris secara *confident* dengan izin.

Saya rasa ini adalah akibat kelemahan dasar pelajaran negara yang menyebabkan rakyat kurang fasih dalam bahasa Inggeris sehingga graduan kita hari ini tidak dapat digaji atau pun diberikan kerja atau pun di*employ*kan. Sehubungan dengan itu, apabila saya melihat soalan...

**Dato' Dr. Fridaus bin Haji Abdullah:** Boleh minta laluan.

**Tuan Ng Fook Heng:** Biar saya habiskan ini dahulu. Bila saya melihat soalan daripada Ahli Dewan Negara yang mengatakan masih ada lagi 41,000 *graduate* menganggur sehingga hari ini. Saya tahu salah satu sebabnya adalah kurang menguasai bahasa Inggeris. Kerajaan menyedari masalah ini dan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan PPSMI tetapi oleh kerana desakan kewangan golongan yang tertentu, program ini akan dikembalikan kepada cara asalnya iaitu pengajarannya dalam bahasa kebangsaan atau pun bahasa Melayu menjelang tahun 2012.

Saya amat sedih kerana saya sendiri sebagai pendidik dalam kerjaya saya menyaksikan kemerosotan bahas Inggeris di negara kita.

#### ■1440

Kita harus mengembangkan bahasa Melayu dan pada masa yang sama tidak mengabaikan bahasa Inggeris. Kita tidak boleh tunggu ataupun angkuh tak angkuh terhadap isu ini dan dengan ini saya cadangkan bahawa Kementerian Pelajaran menggantikan PPSMI ini dengan mata pelajaran lain dan saya cadangkan mungkin mata pelajaran Sejarah dan Geografi diajar dalam bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris tidak boleh bergantung semata-mata hanya dalam jadual waktu bahasa Inggeris sahaja.

Kita perlu subjek sokongan dan penambahan *context hour* penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Saya percaya semua yang berada dalam Dewan ini bersetuju dengan saya. Kita amat bertuah kerana kita dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik oleh kerana sistem pendidikan semasa kita belajar dahulu dapat memberi peluang dan output ini. Marilah kita bersama-sama amalkan ataupun bayangkan *frustration*nya anak-anak kita terutamanya yang dari luar bandar yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan memuaskan kerana sistem ataupun dasar pendidikan yang membawa situasi ini.

Seterusnya, saya ingin memuji Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad mengadakan program *Specialized Training and Advanced Recruitment* dengan izin iaitu STAR dengan izin kerana mengadakan program latihan semula graduan-graduan untuk mengatasi masalah ketidakkompetensi graduan kita. Akan tetapi apa yang peliknya mereka memaksa ataupun mensyaratkan supaya penyedia latihan mengeluarkan surat penempatan kerja, *job placement* daripada majikan dan menawarkan gaji sekurang-kurangnya

RM1500 sebulan untuk graduan lulus diploma dan RM2,000 untuk graduan lulus ijazah pertama.

Ini bermakna pihak Kementerian Sumber Manusia khususnya dan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi amnya gagal menghasilkan *employable graduate* yang telah belajar selama 15 hingga 17 tahun di sekolah dan tiga hingga empat tahun di universiti tetapi kini mengalihkan tanggungjawab kepada syarikat penyelia latihan yang hanya memberi latihan selama empat bulan sahaja. Ini saya rasa tidak adil dan mengetawakan, *it's a joke* dengan izin. Saya berharap Kementerian Sumber Manusia mengkaji semula syarat ini.

Seterusnya akhir sekali izinkan saya sentuh sedikit tentang aduan yang saya terima berkenaan dengan sijil halal. Walaupun saya bukan Muslim tetapi saya menunjukan *technicalitynya*. Saya terima aduan daripada pengusaha SME bahawa dahulunya sebelum 1998, JAKIM mengeluarkan sijil halal kepada pengindustri-pengindustri makanan dan selepas 1998, JAKIM memberi kuasa juga kepada syarikat swasta yang berintegriti untuk mengeluarkan sijil halal kepada SME dan SMI. Selepas itu sejak 2002 JAKIM menarik balik kuasa itu dan hanya JAKIM sahaja yang boleh mengeluarkan sijil halal kepada SME dan SMI dan sebagainya. Masalahnya ialah mereka dapati JAKIM tidak begitu cekap, mereka mengambil masa yang lama. Kadang-kadang tunggu sehingga enam bulan untuk dapat sijil. Ini menjejaskan perniagaan mereka dan mereka berharap JAKIM boleh mengkaji semula sama ada dia boleh atau tidak memonopoli pengeluaran sijil ini kepada pengusaha-pengusaha.

Dengan itu sahaja, maka Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Ahamat bin Yusop. Ha, inilah yang saya tak suka ini. Saya dah cakap dah so dia orang ini kena *join the queue* balik kemudian. Saya teruskan, saya pergi kepada Yang Berhormat Dato' Mustafa.

#### 2.45 ptg.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta berbahas dalam pembentangan Bajet 2011. Dalam pembentangan Bajet 2011 di Dewan yang mulia ini, telah dinyatakan bahawa negara telah berjaya dipulihkan daripada kemelesetan ekonomi dunia ekoran langkah proaktif kerajaan dalam melaksanakan dua pakej ekonomi yang berjumlah RM67 bilion. Dinyatakan terbukti dengan KDNK berkembang pada 95% bagi separuh pertama 2010 berbanding -5% bagi separuh pertama bagi tahun yang lalu. Prestasi ekonomi turut dinyatakan akan pulih pada kadar 4.8% berbanding negatif pada 0.6% pada tahun 2009. Begitu juga dengan perdagangan antarabangsa berkembang 11.4% berbanding -11% pada tahun 2009.

Walaupun pertumbuhan 7% seperti yang dinyatakan oleh kerajaan, pada sebenarnya kadar pertumbuhan tersebut tidaklah mengagumkan. Kalau kita lihat di rantau ASEAN, semua

ekonomi utama mencatatkan pertumbuhan yang positif dengan Singapura dan Thailand merekodkan pertumbuhan dua angka dalam tempoh separuh pertama 2010. Jangkaan pertumbuhan ekonomi KDNK 2010 bagi negara-negara ASEAN adalah seperti berikut:

<b>Negara</b>	<b>Jangkaan Pertumbuhan Ekonomi KDNK 2010 (%)</b>
Singapura	13 - 15
Thailand	7.5
Indonesia	6.0
Filipina	7.9
Malaysia	7.0

Singapura dijangka berkembang kepada tahap 13% ke 15% iaitu dua kali ganda jika dibandingkan dengan Malaysia. Thailand walaupun bergelumang dengan pelbagai masalah politik sepanjang tahun 2009 dan pada tahun 2010 dijangka tumbuh pada kadar 6.5% ke 7.5%. Indonesia yang tidak mengalami penguncupan pada tahun 2009 dijangka tumbuh pada kadar 6% iaitu lebih besar daripada 7% yang dijangka yang dicapai oleh kerana pertumbuhan kita adalah selepas penguncupan. Filipina pertama kali dilihat pertumbuhannya mengatasi negara kita. Unjuran pertumbuhan KDNK pada kadar 5% hingga 6% bagi tahun 2011 juga tidak merangsangkan kerana Kerajaan Indonesia menganjurkan pertumbuhan ke 7.7% menjelang tahun 2014.

Pelbagai kajian menunjukkan pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN telah dipacu oleh kekuatan ekonomi dalaman atau domestik. Ini termasuklah pelaburan swasta yang *significant* berbanding dengan pelaburan kerajaan. Aktiviti dagangan yang kukuh serta peningkatan masuk FDI yang dilihat semakin meningkat di negara-negara jiran. Di kalangan negara ASEAN, Malaysia didapati negatif ini *flow* bagi kemasukan FDI. Laporan World Investment Record 2010 menunjukkan FDI merosot ke taraf 81% daripada RM23.4 bilion pada tahun 2008 kepada RM4.43 bilion pada tahun 2009 berbanding dengan Thailand yang mencatat RM19.1 bilion dan Indonesia RM19.08 bilion. Ini merupakan catatan kemasukan FDI yang paling rendah sekali semenjak 20 tahun yang lalu. Dengan keadaan yang sedemikian, apakah pelabur tidak yakin dengan ekonomi negara kita?

#### ■1450

Malaysia juga dikategorikan sebagai pasaran yang paling kurang diminati pelabur sebagaimana yang dilaporkan oleh Bank of America. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh sedikit tentang perbelanjaan kerajaan. Analisis yang ringkas menunjukkan bahawa perbelanjaan kerajaan meningkat sebanyak 2.8% iaitu 20% lebih tinggi dari peningkatan 2.3% dalam pendapatan kerajaan. Peningkatan dalam perbelanjaan ini pun adalah berikutan kenaikan 10.3% dalam pendapatan yang dicukai.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Minta laluan.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Manakala pendapatan bukan cukai turun sebanyak 8.6%.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya minta laluan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Sila.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat yang baru bercakap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Mustafa.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Dato' Musatafa, mengenai kemerosotan FDI itu. Adakah pada pendapat Yang Berhormat itu semata-mata kerana faktor-faktor ekonomi atau kerana faktor-faktor politik di mana terdapat perlakuan-perlakuan songsang politik sesetengah pihak yang dipersepsikan dan ditanggapi oleh orang di luar yang hendak menanam modal itu sebagai satu gejala atau tanda ketidakstabilan dan bukan sebagai satu tanda bahawa politik kita sudah mulai tidak stabil kerana provokasi-provokasi yang tidak wajar dari setengah-setengah pihak. Terima kasih.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa faktor dalaman juga menyumbang ke arah keadaan ekonomi sekarang walaupun kita tidak menafikan bahawa ekonomi global juga mempunyai kaitan dengan masalah-masalah sekarang. Lainnya saya rasa kita bagi peluang Menteri jawab. Boleh saya terus Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Pergantungan pendapatan kerajaan kepada hasil minyak negara terus berada pada tahap yang tinggi. Hasil kerajaan bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM162.13 bilion dan Petronas telah menyumbang sebanyak RM57.6 bilion kepada kerajaan dalam bentuk cukai, duti eksport dan dividen. Ini bermaksud bagi tahun 2010, lebih kurang 36% daripada pendapatan kerajaan datangnya daripada hasil minyak negara. Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan dan peningkatan defisit hampir 5% untuk 2011 amat mengecewakan apabila melihat peruntukan yang disediakan untuk pembangunan rakyat sebenarnya mengalami penurunan daripada RM54 bilion kepada RM49 bilion iaitu penurunan hampir 10%.

Dalam defisit struktur, sudah 14 tahun berturut-turut kerajaan berada dalam bajet defisit semenjak 1998. Malahan defisit penuh mencecah sehingga 7.4% pada tahun 2009. Untuk tahun 2011 defisit dijangka pada paras 5.4% berbanding dengan 5.6% pada tahun 2010. Perlanjutan keadaan defisit bermaksud kerajaan telah terjunam dalam situasi defisit struktur dan bukannya defisit *cyclical*. Ini berpunca daripada salah pengurusan, penyelewengan serta pemborosan melalui pembinaan projek-projek mega yang tidak membawa manfaat kepada rakyat terbanyak.

Oleh itu saya merayu supaya kerajaan membenteng kepada Dewan yang mulia ini rancangan kerajaan secara terperinci untuk mengurangkan hutang negara bagi tempoh lima

tahun agar kita boleh mengurangkan defisit yang memberi fokus untuk memotong perbelanjaan yang tidak memberi manfaat kepada rakyat. Pengurangan hutang ke paras sasaran yang jelas menjelang 2015 akan membantu masalah defisit di samping menunaikan amanah kepada generasi akan datang untuk tidak kita mewariskan hutang kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang projek Bakun dan Loji Jana kuasa Kitar Padu Gas. Kerajaan dalam Belanjawan 2011 bersetuju untuk membina sebuah loji jana kuasa kitar padu gas 300 megawatt di Kimanis, Sabah bagi menambah kapasiti bekalan elektrik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Rakyat Sabah dan Sarawak memang tidak dapat melupakan kisah pembinaan Empangan Bakun yang sudah menghantui penduduk-penduduk Sarawak sejak lebih daripada 10 tahun. Kos keseluruhan pembinaan Bakun yang dilaporkan ialah RM7.3 bilion tidak termasuk tanggungan faedah oleh kerajaan, impak sosial dan persekitaran.

Terbaru sudah ada bidaan untuk membeli Empangan Bakun daripada Syarikat Sarawak Hidro Sdn. Bhd. Adalah dimaklumkan secara tidak rasmi bahawa Sarawak Energy Berhad yang menawarkan harga RM6.3 bilion akan memperolehi empangan tersebut. Tawaran harga tersebut adalah RM1 bilion, lebih rendah daripada pembinaan Bakun. Rundingan penjualan Empangan Bakun dilakukan secara tertutup daripada kerajaan Sarawak dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Amalan sedemikian adalah bercanggah dengan jaminan kerajaan dalam mentransformasikan ekonomi Malaysia selaras dengan pelancaran 12 Bidang Ekonomi Utama Negara baru-baru ini.

Lagi pun sepanjang projek pembinaan Bakun pelbagai pihak telah mendapat faedah yang cukup besar. Akan tetapi akhirnya yang akan menanggung pembiayaan projek tersebut adalah KWSP dan KWAP yang berjumlah RM5.7 bilion. Berdasarkan perancangan asal pembinaan Empangan Bakun ini, Kerajaan Persekutuan pernah berhasrat untuk menyalurkan tenaga elektrik ke semenanjung menerusi kabel dasar laut. Namun atas sebab-sebab tertentu dan dasar yang tidak menentu projek tersebut dihentikan. Tanpa dasar nasional yang konsisten dan mampan, adakah pembinaan loji jana kuasa kitar gas padu ini menjejak balik langkah lama sama seperti projek Bakun.

Dalam koridor wilayah semasa pentadbiran mantan Perdana Menteri Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi jumlah pelaburan yang ditetapkan untuk lima koridor wilayah ekonomi seperti Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Koridor Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak ialah RM40.7 bilion. Ianya jauh meleset berbanding dengan sasaran pelaburan yang bernilai RM145 bilion. Apa yang mengecewakan adalah walaupun pelaburan komited oleh pihak swasta di Wilayah Pembangunan Iskandar sehingga Jun 2010 berjumlah RM62 bilion, namun jumlah sebenar yang telah dilaburkan sehingga tarikh tersebut hanyalah RM25 bilion. Langsung tidak melepasi sasaran RM47 bilion.

Walaupun setiap koridor berkenaan diuruskan oleh pihak berkuasa koridor wilayah tertentu akan tetapi terdapat hubungan *significant* menunjukkan bahawa hala tuju pembangunan koridor berkenaan ditentukan oleh Putrajaya secara langsung terutamanya dalam soal mengawal peruntukan kewangan. Dalam Belanjawan 2009 sebanyak RM46 bilion diperuntukkan lagi sebagai inisiatif pembangunan koridor wilayah. Persoalannya mengapakah pengagihan kuasa dan sumber ini tidak diagihkan kepada kerajaan-kerajaan negeri berkenaan memandangkan negeri tersebut telah pun mempunyai pelbagai agensi dan lembaga kemajuan mahupun disalurkan kepada kementerian-kementerian agar lebih objektif.

Dalam Belanjawan 2011 sekali lagi pembangunan koridor diberikan tumpuan misalnya RM850 juta disalurkan untuk pembangunan infrastruktur sokongan di semua koridor wilayah. Ini termasuklah RM339 juta di Koridor Iskandar Malaysia, RM133 juta untuk Koridor Utara, RM178 untuk Koridor Pantai Timur dan RM93 juta untuk wilayah SCORE dan RM10 juta Koridor Pembangunan Sabah. Lagi lima koridor wilayah tersebut menelan ratusan juta tanpa penilaian menyeluruh daripada semasa ke semasa.

#### ■1500

Semuanya dilihat masih berstatuskan *work in progress*. Tuan Yang di-Pertua ingin saya menyentuh sedikit tentang Talent Corporation atau Perbadanan Bakat. Tiga perkara yang menghantui perkembangan ekonomi negara pada hari ini ialah modal insan yang lemah, kurangnya *synergy* dalam penyelidikan dan pembangunan R&D. Antara makmal dan industri serta peningkatan kapasiti ekologi yang terlalu perlahan. Lebih dari itu Malaysia dilihat tidak serius dalam menuju ke arah pembangunan kemahiran manusia.

Tenaga kerja yang berbakat dan bilangan rakyat profesional yang meninggalkan negara terbukti amat membimbangkan. Kesannya Malaysia semakin kehilangan daya saing berbanding dengan negara-negara lain. Menurut bank dunia, bilangan rakyat Malaysia yang berhijrah keluar negara telah meningkat 100 kali ganda iaitu seramai 9576 orang pada tahun 1960 pada 1.9 juta orang pada tahun 2005.

Manakala bilangan penyelidik, saintis dan jurutera yang bekerja di negara-negara organisasi kerjasama dan pembangunan ekonomi OECD dianggarkan seramai 20,000 di mana 40% daripada jumlah tersebut sedang berkhidmat di Amerika Syarikat. Penubuhan Perbadanan Bakat di bawah Jabatan Perdana Menteri dijangka akan menerima pembiayaan sebanyak RM30 juta dalam Belanjawan 2010. Pada tahun 2009, kerajaan pernah mencadangkan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Bakat dalam program *brain drain* yang diperkenalkan pada tahun 2006.

Dalam dua program yang dikenali sebagai Recruiting Scientist Program dan Returning Malaysian Expert Program hasrat kerajaan adalah untuk membawa balik bakat-bakat profesional di luar negara. Justeru Perbadanan Bakat yang ditubuhkan ini bukanlah sesuatu yang baru. Di dalam program sebelum ini adalah berpunca daripada kapasiti sistem pelaksanaan yang cukup

lemah, penilaian dan pemahaman persekitaran yang membolehkan bakat-bakat kembali perlu diteliti semula.

Ini adalah kritikal sekali jika tidak Perbadanan Bakat mungkin sahaja berakhir dengan jumlah 23 penyelidik yang telah kembali setelah dua program *brain drain* dilaksanakan sebelum ini. Kita lihat bagaimana Majlis Penasihat Bakat Korea Selatan dan Taiwan memainkan peranannya yang bukan sahaja terhad untuk menarik rakyat masing-masing akan tetapi rakyat asing turut diberi peluang dan pengiktirafan untuk keterlibatan mereka dalam memacu pembangunan ekonomi negara berkenaan. Adakah Perbadanan Bakat juga mempunyai perancangan sedemikian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 10 minit lagi.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Tambahan pula dalam inisiatif mencari bakat, kerajaan tidak akan berhasil untuk menarik golongan tersebut dalam keadaan persekitaran sains dan teknologi yang tidak menggalakkan. Amalan diskriminasi sesebuah negara perlu diyakini hanya akan menggagalkan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit secara ringkas tentang perumahan. Berdasarkan Belanjawan 2004, profil penduduk negara terutamanya mereka dalam golongan umur 20 hingga 24 tahun, permintaan kos perumahan rendah dan sederhana dianggarkan meningkat sebanyak 500,000 unit untuk tempoh lima tahun akan datang.

Untuk memastikan golongan ini mendapat peluang memiliki rumah, kerajaan mengambil alih pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana terutamanya melalui SPNB. Bagi Bajet 2004, telah diperuntukkan sejumlah RM558.8 juta untuk pelbagai perumahan awam kos rendah. Bajet 2008 pula memperuntukkan sejumlah RM381 juta bagi melaksanakan perumahan rakyat kos rendah.

Di sebalik perbelanjaan bajet yang lalu memperuntukkan sejumlah wang yang besar dalam menampung keperluan perumahan, kajian Kerajaan Perumahan Tempatan mendapati kira-kira 95,000 keluarga golongan berpendapatan rendah masih belum memiliki rumah yang sempurna. Dalam Bajet 2010, sejumlah RM568 juta telah disediakan bagi membina 300 unit kediaman di bawah Projek Bantuan Perumahan Bandar, 79,000 unit di bawah rancangan Program Perumahan Rakyat dan 8,000 unit di bawah program Bantuan Rumah Sewa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara belia, Bajet 2009 gagal dilihat keprihatinan kerajaan terhadap dalam usaha melahirkan golongan muda yang berkemahiran tinggi, berdaya saing, kreatif dan berinovatif sebagai pewaris negara di masa akan datang. Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan golongan belia menerima peruntukan hanya RM730 juta iaitu kementerian ketiga yang menerima peruntukan terendah.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan untuk Orang Asli. Suara Orang Asli terus dipinggirkan meskipun pelbagai tuntutan dan memorandum dimajukan kepada kerajaan. Hanya RM100 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli walhal masih banyak penempatan Orang Asli yang masih kekurangan *infrastructure* asas memandangkan terdapat lebih kurang terdapat lebih kurang 140,000 Orang Asli di Malaysia. Setiap Orang Asli hanya mendapat sekitar RM2 sahaja sehari. Pada masa yang sama, PERMATA dilihat mendapat peruntukan yang jauh lebih besar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang ini saya persilakan Hajah Dayang Madinah dan diminta Tuan Pau Chiong Ung bersedia selepas itu. Silakan Yang Berhormat.

### 3.07 ptg.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismilaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabaratu*, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas rahmat dan keizininannya dapat saya diberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2011 dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk berbahas. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, secara holistik Bajet 2011 merupakan bajet mesra rakyat dengan agenda utamanya ialah untuk meringankan kos hidup rakyat dan menjamin kesejahteraan rakyat semua peringkat.

Bagi golongan wanita pula, ianya merupakan bajet mesra wanita kerana ia memberi banyak insentif dan manfaat kepada golongan wanita dari wanita yang berkerjaya, suri rumah, ibu tunggal, beliawanis hinggalah wanita OKU tanpa mengira kaum dan latar belakang. Ianya menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan, sumbangan, pengorbanan dan perjuangan golongan wanita Malaysia.

Bagi pihak wanita negeri Sarawak saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dato' Sri Shahrizat dan kementerian beliau kerana berjaya meyakinkan pihak kerajaan dalam usaha membela nasib serta memajukan golongan wanita. Saya percaya bagi mendapatkan kemudahan cuti bersalin 90 hari, bergaji penuh untuk diluluskan merupakan satu kejayaan besar.

#### ■1510

Ini kerana ianya satu usaha ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti pada peringkat awal kelahiran lagi. Ini kerana setiap ibu memerlukan tumpuan khusus dalam menjaga anak yang baru dilahirkan. Strategi Bajet 2011 menekankan pembangunan modal insan menyejahterakan hidup rakyat, memantapkan perkhidmatan awam dan membantu pihak swasta memainkan peranan sebagai enjin pembangunan.

Kita dapati setiap tahun bajet dirancang, insentif juga bertambah termasuklah dalam bajet 2011 yang banyak memberi insentif kepada rakyat. Apa yang ketara dalam bajet 2011 ialah tradisi kuat kerajaan Barisan Nasional untuk terus membela nasib rakyat. Tumpuan Bajet 2011 juga mengambil falsafah konsep 1Malaysia iaitu '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Inilah komitmen jitu kerajaan Barisan Nasional bagi menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Bajet 2011 memenuhi selera masyarakat terutamanya di luar bandar. Ia merupakan pendekatan utama yang menjaga masyarakat yang berada jauh dari bandar. Dengan pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak Bajet 2011 dirangka secara sensitif dan prihatin dengan keperluan rakyat di Sarawak kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tahu dan prihatin terhadap kekurangan di negeri Sarawak. Rakyat di Sarawak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan kerana Bajet 2011 menyediakan:-

- (i) peruntukan RM2.1 bilion bagi membina dan menaik taraf jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak;
- (ii) menyediakan bekalan air dan elektrik luar bandar di Sarawak yang berjumlah RM1.2 bilion;
- (iii) menambah peruntukan untuk menguruskan program pengedaran barang keperluan seperti beras, gula, minyak masak, tepung, gas dan petrol yang berjumlah RM200 juta dalam Bajet 2011 daripada RM100 juta pada tahun 2010.

Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap masalah harga barangan lebih tinggi yang dihadapi oleh penduduk di kawasan pedalaman Sarawak. Saya kira semenjak awal rancangan-rancangan Malaysia dilaksanakan dan setiap tahun bajet dirancang negeri Sarawak tidak pernah dipinggirkan dalam pengagihan pelbagai peruntukan dan sebagainya supaya dapat sama-sama menikmati pembangunan serta kemajuan hasil kemerdekaan. Negeri Sarawak kini dan akan terus pesat membangun dan dibandingkan 10 atau 20 tahun yang lalu. Jadi pada pendapat saya kenyataan wakil daripada pembangkang kelmarin yang menyatakan Sarawak terpinggir saya rasa tidak tepat.

Seperti yang pernah saya suarakan dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh pada persidangan kedua belas Dewan yang mulia ini pada bulan Julai dan Ogos lepas Kerajaan Pusat disarankan supaya memastikan *delivery system* dengan izin diperbaiki dan dipertingkatkan dalam proses pelaksanaan semua projek dan program pembangunan di Sarawak khususnya bagi kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik yang amat sangat diperlukan oleh penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Saya percaya dengan ketiadaan kemudahan dan keperluan asas seperti inilah yang menjadi penyebab utama ramai para guru dari semenanjung Malaysia yang ditugaskan di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak tidak dapat bertahan lama.

Dalam soal kemudahan kesihatan khidmat doktor udara sering digunakan untuk kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak secara berkala. Memandangkan negeri Sarawak mempunyai banyak sungai saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya membuka klinik 1Malaysia bergerak dengan menggunakan bot atau bot ekspres kerana banyak kampung dan rumah panjang terletak di tepian sungai atau berdekatan dengan sungai. Kami faham dengan penuh kesabaran tentang segala cabaran dan kesukaran timbul atas sebab faktor geografi Sarawak bumi Kenyalang. Walau bagaimanapun, di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Mengenai ekonomi pula, dalam Model Ekonomi Baru (MEB) 92% merupakan pelaburan yang datangnya daripada pihak sektor swasta manakala bakinya daripada kerajaan. Dalam hal ini saya ingin berkongsi cadangan seperti berikut:-

- (i) untuk menarik pelaburan daripada sektor swasta kerajaan perlu menentukan insentif-insentif yang lebih baik dan menarik berbanding dengan insentif-insentif pelaburan yang ditawarkan oleh negara-negara luar dan negara-negara jiran supaya pelabur-pelabur tempatan kita tidak tertarik untuk berhijrah melabur di luar negara;
- (ii) memandangkan banyak perkhidmatan pengurusan *walk road* dengan izin yang diperlukan akan diuruskan oleh pihak sektor swasta tersebut. Saya berpendapat mungkin tidak perlu bagi pihak kerajaan untuk menambahkan lagi peruntukan untuk perkhidmatan pengurusan kerana banyak perkhidmatan tersebut akan dipikul oleh pihak sektor swasta berkenaan.

Berasaskan rasional ini adalah lebih baik mengurangkan peruntukan *should be lean* dengan izin peruntukan tersebut supaya kos perbelanjaan mengurus ataupun *expenditure* dengan izin dapat dikurangkan dan sekali gus dapat membantu mengurangkan defisit kerajaan. Ini merupakan salah satu daripada cabaran-cabaran masa hadapan *future challenges* dengan izin yang mungkin dihadapi oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat Sarawak saya ucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan barisan kabinet beliau kerana berjaya membawa negara kita Malaysia keluar daripada kemelesetan ekonomi dalam tempoh yang terlalu singkat. Ini mendorong kerajaan lebih memikirkan kepada langkah-langkah ke arah mencapai negara maju. Bajet 2011 adalah belanjawan pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam usaha Malaysia bergerak ke arah status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Bajet 2011. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.

■1520

Selepas ini, saya harap untuk bersedia Yang Berhormat Puan Usha Nandhini saya harap kalau dia tidak ada panggil, kalau tidak ada - kita kena hormat masa ini. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana izinkan saya untuk ambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2011. Saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang di-Pertua Agong, dan YAB Perdana Menteri dan Sarawak Progressive Democratic Party atas pelantikan semula saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya akan cuba sedaya upaya berkhidmat untuk negara dan rakyat.

Berkenaan dengan Bajet 2011 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15hb Oktober, saya ingin menyentuh beberapa isu di sini dan berharap isu-isu tersebut akan mendapat perhatian jabatan berkaitan dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun laporan audit negara telah pun menyenaraikan jabatan-jabatan bermasalah seperti pengurusan kewangan yang kurang cekap dan penyelewengan pengurusan, antaranya jabatan-jabatan yang dikenal pasti mengulang kesalahan yang sama dari tahun ke tahun. Adakah jabatan-jabatan yang berlaku penyelewengan telah pun disiasat dan dikenakan tindakan yang sewajarnya? Bagaimana Kementerian Kewangan merancang untuk mengurangkan kes-kes penyelewengan yang berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, Pro Khas Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan telah diamanahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menguruskan sistem maklumat dan perundangan PTPTN, namun dalam Laporan Audit Negara 2009, prestasi Pro Khas Sdn. Bhd. dikatakan kurang memuaskan di mana hanya berjaya mengejar balik RM1.5 bilion iaitu 47% sahaja daripada jumlah hutang dan masih terdapat 53% atau belasan bilion lagi belum dapat dikejar balik. Saya menyeru peminjam PTPTN menunaikan tanggungjawab masing-masing, membayar balik pinjaman ikut janji agar Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai dana yang cukup untuk terus menyediakan kemudahan pinjaman PTPTN kepada generasi muda kita.

Adakah Jabatan berkaitan telah pun membuat pemantauan dan menguatkan mekanisme kejar balik hutang? Berapakah peminjam PTPTN yang enggan bayar balik hutang sudah pun dikenal pasti oleh pihak berkaitan dan apakah tindakan telah pun dikenakan ke atas mereka? Sehingga kini berapakah jumlah hutang telah pun dikejar balik selepas tindakan mereka yang membayar yang gagal balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, pada 22 November 2010, Kementerian Dalam Negeri mengumumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak dapat menyelesaikan proses permohonan kad pengenalan dalam tempoh satu hari. Di Sarawak masih mempunyai ramai penduduk pendalaman tidak memiliki kad pengenalan atau MyKad. Walaupun keadaan bertambah baik selepas pegawai-pegawai JPN turun padang untuk menguruskan permohonan kad pengenalan di kawasan pendalaman dalam dua tahun yang lepas, akan tetapi masih mempunyai ramai penduduk pendalaman Sarawak belum lagi memiliki kad pengenalan.

Rakyat yang belum memiliki kad pengenalan melibatkan mereka kehilangan hak-hak asasi seperti peluang pendidikan, kebajikan, perubatan dan lain-lain. Maka saya berharap jabatan berkenaan dapat menghantar lebih banyak pegawai lagi untuk turun padang dan menguruskan permohonan kad pengenalan untuk rakyat pendalaman yang betul-betul lahir di tanah air kita.

Sehingga kini berapakah orang lagi yang belum memiliki kad pengenalan di Sarawak dan dijangka bilakah masalah ini boleh diselesaikan? Berapa kes permohonan telah pun diselesaikan oleh pihak kementerian dalam tempoh masa setahun yang lepas? Antaranya berapakah permohonan telah pun diluluskan dan ditolak? Apakah sebab-sebab permohonan tersebut ditolak Dan dijangka bilakah masalah semua ini boleh diselesaikan?.

Tuan Yang di-Pertua. Walau pun Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan yang besar untuk penyelenggaraan dan pembinaan jalan raya Sarawak, tetapi banyak jalan raya Sarawak masih lagi kurang memuaskan. Saya banyak kali menyentuh masalah jalan raya Sarawak dalam tiga tahun yang lepas. Saya dengan segala hormatnya menjemput Menteri Kerja Raya supaya meluangkan dua hari untuk menaiki kereta, sebaik-baiknya kereta kenderaan kecil seperti yang digunakan oleh kebanyakan rakyat dari Kuching ke Lawas.

Jalan tersebut merupakan jalan utama menghubungkan seluruh negeri Sarawak saya percaya Yang Berhormat Menteri akan memperoleh pengalaman yang berbeza daripada menggunakan beberapa jalan beberapa utama yang rata dan bagus dalam kawasan bandar sahaja. Kebelakangan ini banyak kemalangan di jalan raya maut berlaku di negeri Sarawak. Faktor keadaan jalan raya kurang memuaskan dipercayai kurang memuaskan salah satu faktor utama berlaku kemalangan.

Saya ingin tahu berapakah peruntukan diberikan kepada negeri Sarawak untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya Sarawak untuk tahun 2011? Apakah kementerian telah pun mengenal pasti jalan mana yang perlu diberikan prioriti.

Tuan Yang di-Pertua, projek SCORE telah pun bermula di Samalaju. Adakah kementerian merancang membesarkan jalan raya Bintulu ke kawasan perindustrian Samalaju? Ini adalah sebab dalam beberapa tahun yang akan datang banyak industri berat akan di mulakan di Samalaju. Jalan raya utama yang menyambungkan Bintulu kawasan perindustrian Kidurong

dan Pelabuhan Bintulu tidak dapat keperluan yang semakin meningkat. Keadaan jalan raya dari Bintulu ke Tatau sudah pun banyak teruk dan bilakah ia dapat diturap semula?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan yang besar untuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Adalah hasrat kerajaan menyediakan kelengkapan bagus untuk rakyat Sarawak. Namun adakah jabatan berkenaan perasan bahawa koridor laluan ke bilik menunggu penerbangan dalam negeri, dan penerbangan kos rendah terlalu sempit dan tidak mempunyai tempat duduk yang cukup untuk menampung penumpang-penumpang. Selalunya ramai penumpang terpaksa duduk di atas lantai, memenuhi seluruh koridor tersebut dan menghalang laluan lalu lintas, di harap pihak berkenaan dapat memberikan perhatian dan meluaskan koridor laluan tersebut secepat mungkin untuk menampung keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, apakah sebab-kerja menyebabkan kerja pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ini ditangguh? Dijangka bila projek tersebut akan diteruskan atau disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun prestasi ekonomi amat memuaskan tetapi penduduk-penduduk pedalaman di Sarawak masih merupakan golongan berpendapatan rendah akibat daripada kemudahan infrastruktur yang berkurangan. Penduduk pedalaman Sarawak terpaksa membeli barangan keperluan dengan harga yang lebih tinggi daripada penduduk kawasan bandar termasuk barangan kawalan.

#### ■1530

Setiap tahun kementerian memberikan subsidi pengangkutan dan dalam bajet 2011 – seperti sahabat saya Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah bahaskan tadi, kementerian akan memperuntukkan RM200 *million* sebagai subsidi pengangkutan untuk peniaga runcit pedalaman supaya penduduk pedalaman dapat menikmati barangan keperluan dengan harga yang sama dengan penduduk bandar.

Oleh kerana kita masih selalu terima aduan di mana harga barangan di kawasan pedalaman lebih tinggi daripada bandar, adakah pegawai kementerian menjalankan pemantauan ke pedalaman untuk memastikan subsidi pengangkutan yang diberikan betul-betul memanfaatkan rakyat pedalaman? Adakah lesen perniagaan barangan kawalan telah pun dimonopoli oleh beberapa orang atau syarikat peniaga sahaja di negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, terdapat ramai penduduk Sarawak di pedalaman yang terbaring atas katil sepanjang tahun. Walaupun kerajaan mempunyai sistem bantuan kebajikan tetapi kita masih selalu menerima aduan bahawa terdapat penduduk yang tidak memperoleh bantuan yang sewajarnya daripada jabatan berkaitan. Adakah pegawai kebajikan selalu turun padang ke pedalaman menemui rakyat dan memastikan mereka yang memerlukan bantuan diberikan penjagaan yang sewajarnya? Sehingga Oktober 2010, berapakah orang di Sarawak yang mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sila senaraikan jenis-jenis bantuan dan berapakah jumlah bantuan tersebut?

Selain itu, adakah kes-kes pembuangan bayi telah pun berkurangan? Apakah rancangan dan aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh kementerian untuk mendidik pemuda-pemudi supaya memahami tanggungjawab sebagai seorang ibu atau bapa adalah salah membuang bayi begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membelanjakan peruntukkan besar dan juga memastikan pemaju-pemaju perumahan membina lebih rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan penduduk rumah setinggan serta membekalkan pelbagai cara pemberian rumah.

Kebelakangan ini, berlaku kes jabatan berkaitan pergi kunci unit *flat* penduduk kerana tidak membayar pinjaman unit di kawasan bangunan *flat* Sungai Plan, Bintulu. Bangunan *flat* tersebut mempunyai beberapa ribu unit dan dihuni oleh lebih 10,000 orang. Suasana kehidupan di sana amat teruk sekali. Kelengkapan asas di sekeliling telah pun banyak usang dan tiada kerja penyelenggaraan dijalankan.

Selain itu, ramai pemilik rumah kos rendah tidak tinggal di rumah yang diberikan kepada mereka tetapi menyewakan rumah tersebut kepada orang lain. Walaupun penyewa rumah membayar sewa tiap-tiap bulan kepada pemilik unit, tetapi pemilik rumah tidak membayar kepada pemaju pembangunan rumah. Akibatnya, semakin banyak hutang timbul sehingga pihak pengusaha terpaksa membawa pihak pasukan untuk mengunci rumah. Terdapat kes di mana suami isteri mendapat satu unit rumah kos rendah masing-masing. Terdapat juga pemilik yang menyewa kepada buruh asing lagi.

Saya menyeru, jabatan berkaitan seharusnya berhati-hati semasa menapis pemohon-pemohon yang layak dan memastikan hanya mereka yang memenuhi syarat yang diberikan peluang membeli rumah kos rendah. Selepas rumah tersebut dijual, seharusnya kerja susulan dijalankan supaya memastikan pemilik tersebut tidak menyewa unit mereka untuk mengaut keuntungan. Pada masa yang sama, kelengkapan asas di sekeliling perumahan tersebut harus dijaga dengan baik dan kerja penyelenggaraan perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, projek SCORE Sarawak telah pun dimulakan. Kilang pembuatan solar terma terbesar Jepun, Tokuyama (M) Sdn Bhd akan membelanjakan RM2 bilion untuk memindahkan kilang mereka dari Jepun ke Samalaju. Kerja-kerja penyediaan sedang giat dijalankan di Samalaju pada masa kini dan dipercayai masih ada banyak kilang besar yang akan melabur di kawasan tersebut.

Namun, pihak pengurusan Tokuyama berasa bimbang dengan kelengkapan-kelengkapan yang ada di hospital kerajaan di Bintulu selepas lawatan rasmi ke Hospital Bintulu baru-baru ini. Alat-alat seperti MRI, CT scan, *portable ventilator* dengan izin, masih kekurangan di Hospital Bintulu. Apakah rancangan kementerian untuk meningkatkan lagi kelengkapan Hospital Bintulu pada masa terdekat?

Tuan Yang di-Pertua, projek penjanaan kuasa hidro Bakun telah mula beroperasi. Selepas dua minggu, paras air Hulu Belaga menurun dengan cepat dan membawa impak besar

kepada 300 orang penduduk Kayan yang menginap di rumah "entawa" sepanjang 51 pintu. Penurunan paras air sungai menyebabkan mereka terputus hubungan dengan luar dan barangan keperluan harian tidak dapat sampai ke rumah panjang mereka. Tiap-tiap hujung minggu, pelajar-pelajar perlu berjalan kaki tiga empat jam di sepanjang dasar sungai yang kering untuk balik ke rumah.

Projek jalan raya sepanjang 30 kilometer dari Long Mejawah ke Belaga yang diperuntukkan RM13 juta dalam RMKe-8 belum ada sebarang pelaksanaan sehingga kini. Penduduk tempatan perlu menggunakan jalan 'kem kayu balak' untuk pergi ke Belaga yang memakan masa enam jam dan kos pengangkutan sehalu adalah RM70.

Saya ingin tahu, bilakah jalan sepanjang 30 kilometer dari Long Mejawah ke Belaga akan dapat dibina? Adakah jabatan berkaitan telah pun melakukan rancangan rapi sebelum projek seperti projek hidro Bakun mula beroperasi? Adakah kesan-kesan ke atas hulu telah pun diambil kira? Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Muhammad Olian dan seterusnya saya minta Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz bersedia. Silakan Yang Berhormat.

### 3.39 ptg.

**Tuan Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah menyediakan satu peruntukkan yang agak tinggi bagi tahun 2011. Kalau hendak dibandingkan dengan tahun 2009, hanya RM49 juta sahaja tetapi untuk tahun 2011, RM100 juta.

### ■1540

Jadi dalam pembentangan Bajet 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebutkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan dijenamakan semula menjadi Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya bahawa dalam penjenamaan ini, bagi saya bukan sahaja namanya kita tukar, malahan fungsi dan tanggungjawab jabatan itu juga perlu terus diperkukuhkan dan diperkasakan bagi membangunkan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini yang bilangannya 150,000 orang.

Untuk makluman semua, bahawa sekarang ini di peringkat daerah, dari segi perjawatan yang ada di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah begitu rendah berbanding dengan jabatan-jabatan ataupun agensi kerajaan yang lain. Jadi oleh sebab itu, saya fikir sudah sampai masa dan waktunya bagi pihak kerajaan untuk terus memperkasakan jabatan ini. Kalau kita ingin

melihat dan ingin membangunkan sungguh-sungguh masyarakat ini, maka jabatan ini – kenderaan yang kita hendak gunakan itu mestilah kita perkuatkan dan kita perkasakan agar ia betul-betul dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya seiringan dengan wawasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri – ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ – dan tidak ada satu etnik kumpulan yang akan tertinggal daripada arus pembangunan hari ini.

Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyebut bahawa model baru pembangunan Orang Asli akan dilaksanakan bermula tahun 2011. Jadi oleh sebab itu, bagi saya, model pembangunan ini hendaklah kita rancang supaya ia betul-betul menepati hasrat dan juga kehendak Orang Asli itu sendiri agar aktiviti-aktiviti peningkatan ekonomi dan juga meningkatkan pendapatan masyarakat itu terus dapat kita laksanakan. Ini kerana, rata-rata masyarakat Orang Asli hari ini lebih daripada 50% masih lagi berada di dalam keadaan kemiskinan.

Jadi oleh sebab itu, bagi saya, perancangan yang lebih baik yang ada hari ini, yang telah kerajaan berjaya menyelesaikan masalah kemiskinan khususnya bagi penduduk luar bandar adalah pembangunan ala FELDA. Jadi oleh sebab itu, saya menyeru supaya pembangunan ala FELDA ini dilaksanakan dengan lebih agresif dan memperkasakan juga pembangunan agropolitan seperti yang berlaku di Tanjung Gahai, Lipis. Ini perlu diperbanyakkan di kawasan-kawasan penempatan Orang Asli untuk meningkatkan aktiviti dan juga meningkatkan pendapatan masyarakat tersebut. Dalam hal ini, maka perkara-perkara kemudahan-kemudahan asas, prasarana jalan, bekalan air, api dan sebagainya pun harus kita menyediakan peruntukan yang mencukupi dan kita laksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan yang banyak, bagi saya kalau kita sediakan peruntukan yang banyak, kita kena lihat dari segi keberkesanan dan juga pelaksanaan duit yang begitu banyak itu agar betul-betul mencapai matlamat apa juga yang kita hendak laksanakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya – yang pertama tadi saya telah sebut penjenamaan semula Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan model baru pembangunan Orang Asli.

Selain daripada itu, saya hendak sebut yang pertamanya dari segi pemilikan harta dan juga pemilikan saham oleh komuniti peribumi ini begitu jauh sekali tertinggal kalau dibandingkan dengan lain-lain masyarakat arus perdana yang ada di negara kita ini.

Jadi oleh sebab itu, di dalam membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan menubuhkan satu badan sama ada perbadanan ataupun yayasan yang diurus secara profesional, yang bertanggungjawab bagi meningkatkan pemilikan ekuiti dan juga saham bagi masyarakat ini. Dengan penubuhan Yayasan Pembangunan Orang Asli misalnya, saya yakin yayasan ini akan dapat membantu seiringan dengan hasrat kerajaan

untuk meningkatkan pemilikan saham dan juga pemilikan harta di kalangan masyarakat Orang Asli di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua bersetuju, saya rasa di dunia ini, di negara mana sekalipun, kaum apa sekalipun di dunia ini, kalau kita hendak meningkatkan ketamadunan manusia, tidak lain dan tidak bukan mestilah melalui pendidikan dan juga mesti melalui pengisian ilmu kepada sesuatu bangsa itu sendiri. Oleh sebab itu, bagi saya, untuk hendak menyelesaikan masalah kemiskinan ataupun kemunduran di kalangan masyarakat Orang Asli ini, tidak lain dan tidak bukan, kita mesti perkasakan pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli ini.

Rata-rata tempat yang saya telah lawati, sekolah-sekolah di pedalaman perkampungan Orang Asli begitu kurang kemudahannya kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah di dalam bandar. Jadi oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak kerajaan supaya perkara-perkara seperti kemudahan jalan, bekalan api, air dan sebagainya mesti kita pertingkatkan. Kalau tidak, macam mana kita hendak minta guru-guru untuk masuk mengajar di pedalaman? Macam mana kita hendak minta guru untuk duduk di kawasan pedalaman kalau bekalan api, bekalan air tidak ada dan sebagainya? Dalam hal ini juga, macam mana kita hendak meningkatkan capaian kepada teknologi-teknologi moden? Mestilah kita beri peluang supaya masyarakat ini juga menikmati capaian jalur lebar, internet dan sebagainya.

Kalau yang berlaku sekarang ini, saya ingat menjadi wawasan negara menjelang tahun 2020 negara kita akan menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Kalau perancangan tidak dibuat dengan teliti, dengan betul – saya kira kita ada masa hanya sembilan tahun sahaja lagi – maka masyarakat ini akan terus tertinggal. Jadi oleh sebab itu, bagi saya, kerajaan kena terus memberikan penekanan yang betul-betul boleh membawa dan boleh menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan masyarakat ini.

Pertamanya, kalau kita melihat dari segi perangkaan yang ada, keciciran begitu tinggi. Daripada Darjah Enam pergi ke Tingkatan Satu sehinggakan 37% keciciran di kalangan masyarakat ini. Jadi apabila saya semak dan saya bertanya dengan anak-anak ini kenapa tidak mahu belajar sehingga ke Tingkatan Satu dan sebagainya, dia kata tidak mahu berpisah dengan ibu bapa. Jadi oleh sebab itu tadi saya menanyakan Kementerian Pelajaran Malaysia, adakah Kementerian Pelajaran Malaysia merancang untuk membina sekolah-sekolah menengah berhampiran dengan perkampungan Orang Asli. Kalau tidak ada program ini, maka keciciran di kalangan anak-anak ini, murid-murid ini akan terus meningkat. Jadi, apa akan jadi – setahun lebih kurang 12,000 orang hingga 14,000 orang anak-anak ini yang belajar di sekolah-sekolah rendah. Kalau 37%, saya kira lebih kurang 4,000 orang. Apa akan jadi kalau berlaku keciciran dengan seramai 4,000 orang ini?

Jadi inilah yang saya merayu kepada pihak kerajaan selaku wakil kepada masyarakat peribumi ini supaya mengambil tindakan yang betul-betul komprehensif untuk menyelesaikan masalah ini.

Dalam hal itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih sebenarnya kepada pihak kerajaan. Sejak akhir-akhir ini, saya ingat begitu banyak program yang telah dilaksanakan dengan begitu baik. Contohnya, baru-baru ini telah dilancarkan Klinik 1Malaysia Bergerak khusus untuk masyarakat Orang Asli yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Jadi, kita ucap terima kasih.

Selain daripada itu juga, pertama kali saya ingat – ini sejarah. Telah disediakan peruntukan yang mencukupi untuk menghantar anak-anak ini belajar ke luar negara.

■1550

Sekarang ini sedang kita tempatkan di maktab-maktab MARA untuk buat persediaan belajar keluar negara. Juga, pertama kalinya di dalam sejarah, seramai 27 orang telah ditempatkan di Maktab Rendah Sains MARA. Jadi saya mewakili masyarakat ini ucap terima kasih banyak kerana ini semua tercatat sebagai sejarah negara yang begitu baik untuk menyelesaikan masalah di kalangan masyarakat Orang Asli. Jadi, saya ucapkan terima kasih daun keladi. Kita hendak lagi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi oleh yang demikian, saya ingat program-program bagi pembangunan belia, meningkatkan keusahawanan di kalangan masyarakat ini juga perlu kita perkasakan dan kita perkemaskan. Saya melihat sebenarnya masyarakat ini inginkan pembangunan. Jadi oleh sebab itu, pendekatan-pendekatan baru harus kita laksanakan untuk mendekatkan masyarakat ini dengan arus pembangunan yang ada hari ini.

Untuk akhirnya Tuan Pengerusi, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2011 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak mengingatkan, selepas ini Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz, seterusnya yang ada di sini Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat Yusop yang akan bercakap selepas ini dan juga Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Saya harap diambil perhatian. Yang lain-lain itu sudah hantar notis kepada saya kerana hendak bercakap esok. Saya harap semua yang saya sebutkan tadi jangan ke mana-mana selepas persidangan ini. Dipersilakan Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz.

**3.52 ptg.**

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan belanjawan tahun 2011. Bagi belanjawan tahun 2011 yang berjumlah RM212 bilion, belanja mengurus adalah sebanyak RM162.8 bilion, manakala peruntukan belanja pembangunan hanya RM49.2 bilion. Sejumlah besar belanja mengurus iaitu RM45.6 bilion adalah untuk emolumen, di mana jumlah ini hampir mencecah peruntukan belanja pembangunan. Tidakkah ini menunjukkan bahawa perkhidmatan awam di

negara ini yang mempunyai anggota seramai 1.2 juta orang adalah terlalu besar untuk penduduk yang berjumlah 27 juta orang?

Dalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan bahawa sektor swasta akan diberi peranan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara, peruntukan belanja mengurus berbanding belanja pembangunan walau bagaimanapun tidak seiring dengan kenyataan beliau, kerana perlu mengambil kira saiz perkhidmatan awam yang kini terlalu besar untuk memberi pulangan optimum kepada pembangunan negara. Jika dilihat Jabatan Perdana Menteri sahaja, bilangan kakitangan awam telah meningkat dengan begitu pesat daripada 21,000 orang pada tahun 2003 kepada 43,544 orang pada tahun 2010. Statistik ini saya petik daripada jawapan yang diberikan oleh Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz di Dewan Rakyat pada sidang Julai yang lalu.

Saya juga ingin menegaskan bahawa jumlah Menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di kementerian-kementerian juga terlalu besar untuk negara ini dan sudah semestinya melibatkan perbelanjaan yang besar, bukan sahaja dari segi emolumen tetapi juga kos pentadbiran termasuk pelbagai elaun dan keistimewaan bagi anggota pentadbiran Malaysia dengan penduduk berjumlah 27 juta mempunyai 29 Menteri Kabinet. Manakala negara China dengan penduduk berjumlah 1.3 bilion, hanya mempunyai 27 orang Menteri di bawah Wen Jiabao.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan perkhidmatan awam bukannya terletak semata-mata pada saiz, tetapi di sebaliknya adalah bergantung pada produktiviti dan kualiti output sektor awam. Dalam era elektronik dan penekanan kerajaan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang kita banggakan sejak *Multimedia Super Corridor* diwujudkan di Cyberjaya dengan konsep pentadbiran *paperless* dengan izin, mengapa saiz pentadbiran awam yang sepatutnya dikurangkan dengan drastik sebaliknya bertambah dengan mendadak? Tidakkah ini menampakkan percanggahan di antara dasar kerajaan dengan pelaksanaan? Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kegagalan dasar kerajaan yang amat ketara.

Tambahan pula, kerajaan mengarah semua pihak mengamalkan dasar pandang ke timur dan menjadikan Jepun serta Korea Selatan sebagai model. Sepertimana kita tahu, anggota pentadbiran awam Jepun tidak bertambah seperti pentadbiran awam di United Kingdom. Akibatnya, Perdana Menteri David Cameron mengumumkan pengurangan anggota perkhidmatan awam sejumlah 400,000 dalam tempoh empat tahun. Kerajaan Britain kini sedang cuba seberapa daya untuk mengelakkan kemerosotan ekonomi ke tahap seperti Ireland dan Greece. Justeru, menaikkan yuran pengajian di universiti daripada 3,000 paun kepada 9,000 paun setahun. Tindakan yang menerima bantahan dari rakyatnya adalah bagi memastikan Britain tidak mengalami masalah sosioekonomi seperti Greece, Portugal, Spain dan Ireland.

Saya ingin kaitkan isu perkhidmatan awam ini dengan dakwaan Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini bahawa kaum Cina dan India di

negara ini merupakan bilangan yang sangat kecil dalam angkatan tentera. Lantas, beliau mencela mereka sebagai kurang patriotik.

Rakyat Malaysia yang bukan orang Melayu mengata dan menuduh bahawa kerajaan yang bermain dengan slogan 1Malaysia mengamalkan diskriminasi dari segi jawatan-jawatan penting dalam perkhidmatan awam. Sejak merdeka sehingga sekarang, mereka tanya berapa rakyat Malaysia berketurunan bukan Melayu memegang jawatan penting seperti Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Audit Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Hakim Negara, Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua dalam Angkatan Tentera.

■ 1600

Kerajaan harus menghadapi hakikat ini dan membetulkan keadaan supaya berlaku adil kepada semua rakyat sebelum membuat dakwaan yang menyinggung perasaan berbagai-bagai kaum di negara tercinta ini. Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya mahu puji memuji Singapura, tetapi jika kita ambil iktibar dari Singapura, kaum India yang jumlahnya kurang dari 10% penduduk telah diiktiraf untuk menyumbang ke arah kemajuan Singapura. Kerajaan Singapura tidak teragak-agak untuk melantik mereka dalam Kabinet sebagai Menteri Kanan, Menteri Kewangan, Menteri Dalam Negeri, dan Menteri Undang-undang. Antara 21 Menteri Kabinet Singapura, empat daripadanya terdiri daripada kaum India dan seorang Melayu. Bagi Ahli Parlimen pula daripada sejumlah 92 Ahli Parlimen, 12 adalah orang Melayu, 11 orang India, dan 96 orang Cina.

Dari hari ini, amat ketara bahawa kaum Melayu dan India yang berjumlah kurang daripada 20% penduduk Singapura lebih daripada memadai dalam mewakili kumpulan etnik masing-masing di Kabinet dan Parlimen. Berbanding kaum India di Singapura, kaum Cina di Malaysia yang merupakan lebih daripada 25% penduduk dan memegang lebih daripada 50% kekayaan dalam negeri ini, hanya memang empat jawatan Menteri dengan portfolio di mana kuasa-kuasa yang asas di kementerian di bawah pemimpin bukan Melayu ditarik untuk kementerian-kementerian yang diketuai oleh Menteri Melayu sebagai contoh, pengeluaran lesen teksi, dan pengangkatan awam yang sepatutnya dalam bidang kuasa Kementerian Pengangkutan diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kuota dan permit pekerja asing yang sepatutnya di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia dialih Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak diberi kuasa untuk melantik Ahli Majlis Bandaran atau Bandar Raya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2011 langsung tidak menyentuh mengenai isu-isu besar yang dibangkitkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala ialah pada 26 Mei 2010 semasa beliau memberi justifikasi penarikan balik subsidi. Dalam hujahnya, Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala menegaskan bahawa hutang Malaysia mencecah 54% dari pendapatan negara kasar GDP dan akan meningkat kepada 100%

menjelang tahun 2019. Sekiranya kerajaan meneruskan subsidi untuk gas, tol, kesihatan, dan buku teks ini bermakna Wawasan 2020 diambang kegagalan. Kita perlu ingat bahawa masalah kita bukan berpunca dari pemberian subsidi, tetapi penyalahgunaan subsidi dan ketirisan projek kerajaan yang disebabkan oleh ketidakcekapan pentadbiran dan penguatkuasaan serta tiada *political will*, dengan izin. Masalah yang tidak hadapi ini bertitik tolak dari sikap dan perlakuan yang telah mula menjadi darah daging di negara ini, iaitu korupsi dan urus tadbir yang tidak telus, *transparent* yang berleluasa selepas pemerintahan Perdana Menteri Ketiga. Rakyat kecewa Belanjawan 2011 tidak menitikberatkan isu-isu berkaitan hutang negara, tetapi berlegar pada projek-projek mega yang boleh dianggarkan mengalami kos *overrun* apabila mula dilaksanakan kelak.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Contoh-contoh yang terpampang di hadapan kita tidak perlu saya huraikan kerana terlalu besar untuk mana-mana rakyat terlepas pandang. Lihat apa yang berlaku pada Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Hospital Shah Alam misalnya, dan banyak lagi jika hendak disenaraikan. Rakyat juga ingin mengetahui sama ada kerajaan telah bersiap sedia menghadapi keadaan apabila Malaysia kehabisan sumber petroleum dan terpaksa menjadi negara pengimport pada tahun hadapan 2011, sepertimana diingatkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala, tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bimbang akan keadaan ini, dan tidakkah beliau berasa bertanggungjawab untuk menerangkan kepada rakyat tindakan yang perancangan kerajaan memandangkan Petronas telah banyak menyelamatkan projek kerajaan selama ini. Sekiranya kenyataan Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala berasas apa mestinya kerajaan mengumumkan pembinaan bangunan mewah 100 tingkat Warisan Merdeka yang akan menelan belanja RM5 bilion, dan sebagai mana lazim berlaku besar kemungkinan mengalami kos *overrun* yang berlipat ganda setelah dilaksanakan. Berapa banyak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, empat minit lagi.

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa untuk Yang Berhormat, ya.

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Berapa banyakkah bangunan komersial yang tidak disewa? Bangunan Daya Bumi yang seketika dahulu dibanggakan kini di dapati banyak premis yang tiada penghuni. Ini merupakan pembaziran yang disebabkan keputusan mengikut nafsu dan tidak pragmatik sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2011 juga turut menyepi berkenaan kos sara hidup yang semakin meningkat disebabkan kenaikan harga bahan makanan, perubatan, pengangkutan, pendidikan tinggi, gas memasak, dan bahan api. Baru-baru ini, setem pos juga

turut dinaikkan. Jelas kelihatan kerajaan tidak prihatin terhadap rakyat berpendapatan sederhana dan rendah dalam keghairahan untuk menuju status negara berpendapatan tinggi.

■ 1610

Kesimpulannya Belanjawan 2011 tidak mesra rakyat, golongan berpendapatan sederhana dan rendah dan akan mengakibatkan jurang pendapatan di antara yang kaya dengan yang miskin semakin luas. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

4.11 ptg.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. [*Membaca sepotong doa*] Surah Al Hujrat, ayat 15 yang bermaksud, “Mereka yang sebenar-benarnya beriman ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul, yakni menerima al-Quran dan segala hukum di dalamnya dan menerima ajaran Rasulullah SAW, dan tidak ada sebarang keraguan terhadap al-Quran dan ajaran Rasulullah SAW dan mereka berjuang ke jalan Allah untuk menegakkan Agama Allah dengan harta dan diri mereka, mereka inilah yang sebenarnya beriman”.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut berbahas Bajet 2011, yang mana bagi saya ini merupakan tanggungjawab kita bersama untuk memberikan pandangan di atas sifat sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, yang tertinggi ini dan sepanjang tahun ketiga saya bersama dengan sahabat-sahabat di sini, *Alhamdulillah* Dewan yang mulia ini, perbincangan dan perbahasan yang dijalankan dalam keadaan yang cukup waras, harmoni walaupun kita berbeza pandangan, pendapat tetapi tidak ada sifat keakuan yang aku sahaja betul dan orang lain salah.

Dalam suasana inilah saya mohon untuk memberikan pandangan terhadap bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jika pandangan itu dirasakan berfaedah, perlu dinilai dan diambil perhatian, mohon diambil perhatian dan sekiranya pandangan yang saya berikan itu tidak munasabah, tidak berfaedah silalah abaikan. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya ingin menyebut bahawa di dalam bajet ini terdapat perbelanjaan bukan keutamaan dan ia terlalu besar. Walaupun sudah ramai Ahli Yang Berhormat sebutkan mengenai menara 100 tingkat, saya ingin menarik perhatian kenyataan bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 30 November yang lalu di dalam *Sinar Harian*.

Katanya tidak perlu menara 100 tingkat, cadangan membina Bangunan Warisan Merdeka setinggi 100 tingkat hanya akan meningkatkan lambakan hartanah dan ruang pejabat seperti yang sedang berlaku di Lembah Klang pada masa sekarang. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad berkata, ketika Malaysia sedang berusaha menuju Wawasan 2020

adalah lebih baik menyalurkan peruntukan ke arah perkara yang lebih penting, ini bukan saya yang kata tetapi Perdana Menteri yang paling lama di Malaysia yang mengatakannya dan semalam kita mendengar Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan menyokong menara ini, manakala Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim memberikan pandangan yang berbeza.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula untuk menghabiskan wang RM5 bilion walaupun ia akan dibiayai oleh PNB tetapi PNB ini GLC, yang mana apabila berlaku masalah kerajaan juga yang akan bertanggungjawab, yang akan memberikan kesan secara langsung kepada rakyat. Oleh itu saya memohon dikaji semula, diagih...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh minta laluan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa isu ini bukan bagaimana hendak menghabiskan duit RM5 bilion, isunya ialah bagaimana hendak membangunkan hartanah yang sudah dibeli, kalau sekiranya dibiarkan terabai begitu sahaja dan ditunggu sehingga bertahun-tahun barulah hendak dibangunkan, kos pembangunan akan lebih tinggi. Jadi saya meminta dibezakan pembaziran wang RM5 bilion dengan pembangunan tanah yang hendak dibuat, jangan mengelirukan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Apa yang saya sebutkan ini ialah pandangan mantan Perdana Menteri, di mana beliau mengatakan, bahawa jika menara ini dibangunkan akan berlaku lambakan harta tanah, yang saya difahamkan bahawa jika ini dilakukan akibatnya kita akan menghadapi lambakan ruang-ruang pejabat dan sebagainya. Itu yang boleh menimbulkan kerugian di belakang hari, yang saya faham daripada kenyataan bekas Perdana Menteri. Saya bukan seorang ahli perniagaan, saya bukan ahli korporat itu yang saya maksudkan.

Yang keduanya tadi sudah disebut oleh ramai Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan MRT yang akan menelan belanja sebanyak RM40 bilion. Ini merupakan perbelanjaan yang besar, di mana tadi kita dengar wakil daripada Yang Berhormat Sarawak sehingga mempelawa Menteri Kerja Raya berkereta daripada Kuching ke mana tadi, untuk melihat dan suasana dan inilah yang ada di negeri-negeri lain termasuklah di Kelantan, Terengganu dan tidak dinafikan juga di Kedah di mana prasarana masyarakat luar bandar dan masyarakat jauh daripada bandar yang masih memerlukan, sedangkan dahulu kita pernah menghadapi satu isu lambakan bas. Saya tidak ingat syarikat Park May kah, apabila kajian trafik tidak dibuat dengan cara teliti sehinggakan apabila dilaksanakan program ini, bas yang tersadai beratus-ratus buah dan akibatnya menanggung kerugian. Sebab budaya di Malaysia, orang awam 90% menggunakan kenderaan sendiri, tidak menggunakan kenderaan awam. Sebaiknya di negeri lain Hong Kong misalnya 70% rakyatnya suka menggunakan perkhidmatan awam dan dalam hal ini kajian trafik

yang menyeluruh hendaklah dibuat supaya sesebuah projek yang dilaksanakan tidak akan gagal di penghujungnya, di mana akhirnya menanggung kerugian.

Ketiga, perbelanjaan di Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua negara kita mempunyai hutang RM362.39 ribu juta. Dalam bajet yang dibentangkan ini, Jabatan Perdana Menteri memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM18.14 bilion melebihi 8.55% daripada tahun sudah yang hanya RM10.2 bilion, yang mana apabila dibandingkan dengan Bajet 2006, yang hanya RM4.3 bilion bagi Jabatan Perdana Menteri peratus kenaikannya ialah lebih daripada 400%. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah dalam keadaan hutang negara yang begitu banyak, dalam keadaan penghidupan rakyat yang belum mencapai pendapatan tinggi yang sebenarnya, semua pihak termasuk daripada pihak Jabatan Perdana Menteri, jabatan-jabatan lain sehingga ke bawah kita hendaklah melakukan perbelanjaan yang berhemah, yang berjimat supaya hutang negara, defisit yang berlaku dapat diatasi walaupun tidak secara drastik, tetapi secara perlahan-lahan ia tetap akan memberikan keselesaan sama ada kepada rakyat dan pentadbiran kerajaan itu sendiri.

#### ■1620

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebab saya hendak ambil ringkaskan masa, apa yang berlaku dalam negara kita sekarang ini ialah pengurusan yang bertindih, pengurusan bertindih ini akhirnya berlaku kerugian sama ada dari segi tenaga ataupun perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Saya ambil contoh Jabatan Kerja Raya. Kita ada di peringkat Pusat, kita ada di peringkat negeri, malah Pengarah JKR di peringkat negeri dibayar gaji oleh kerajaan negeri.

Begitu juga dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Begitu juga dengan Pembangunan Luar Bandar. Di mana apabila berlaku belainan kerajaan di peringkat negeri dan di peringkat Pusat, pembangunan luar bandar dia melantik pegawai di peringkat negeri, pegawai Jabatan Pembangunan Pusat, pegawai di peringkat daerah, pegawai di peringkat mukim sehinggalah kepada JKPP. Sedangkan di sana di negeri, sudah ada Setiausaha Kerajaan Negeri, sudah ada pegawai daerah, sudah ada penghulu, sudah ada ketua kampung dan sebagainya.

Jadi begitu banyak pegawai yang perlu dilakukan, yang dilantik sedangkan jabatan-jabatan lain kita bincang semalam dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana kenaikan harga barang tidak dikawal kerana tidak cukup kakitangan untuk menyelia dan mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang menaikkan barang dengan sesuka hati. Akan tetapi dalam hal ini pertindihan pengurusan ini menyebabkan kerugian yang begitu banyak.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Baru-baru ini pada bulan November berlaku banjir yang tidak pernah kita duga begitu besar yang melanda negeri Perlis, yang melanda negeri Kedah dan yang melanda negeri Kelantan. Peringkat awalnya berlaku di daerah Padang Terap dan ianya merebak ke Kubang Pasu dan merebak ke Pokok Sena, merebak ke Kota Setar, merebak ke Alor Setar yang menyebabkan sehingga 60,000 orang

terlibat. Banda raya Alor Setar hampir-hampir tenggelam. Rumah Menteri Besar pun turut tenggelam dan Istana pun hampir-hampir dinaiki air sudah sama dengan paras lantai.

Keadaan menjadi kelam-kabut. Ini merupakan satu bencana. Kerajaan negeri yang amat kerdil, kerajaan negeri yang amat terhad batasan kewangannya mampu mengeluarkan lebih kurang RM2 juta dan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana Jabatan Kebajikan Masyarakat ini walaupun berada di bawah Pusat, akan tetapi pengarahnya dibayar gaji oleh kerajaan negeri. Ini merupakan jabatan bersama antara Pusat dengan negeri.

Suasana dalam keadaan yang kelam-kabut dan pada ketika itu politik juga tidak memberi ruang kepada suatu bencana yang sepatutnya. Saya tidak mengatakan bahawa pimpinan UMNO yang salah, saya tidak mengatakan bahawa pimpinan PAS dan Pakatan Rakyat yang betul. Saya sebagai Setiausaha Perhubungan PAS negeri Kedah pada ketika itu, kami mengambil tindakan menubuhkan satu jawatankuasa untuk bertindak di mana Kompleks PAS Kedah itu sendiri ditimbuni dengan *pampers* dan juga pakaian dalam wanita untuk memberi bantuan dan sumbangan.

Walaupun tidak keluar dalam TV, walaupun tidak ada surat khabar yang menyiarkan kita terus memberi sumbangan itu. Begitu juga dengan UMNO negeri Kedah, begitu juga dengan NGO yang lain sehingga peringkat awalnya berlaku pertembungan seolah-olah berebut hendak bantu, orang pun pakat berebut. Saya menasihatkan jentera saya. Ada yang meletakkan bendera, saya kata buang, jangan bubuh bendera. Letakkan di situ skuad bantuan banjir PAS Kedah, cukup.

Akan tetapi ada pihak-pihak tertentu menjadikan stadium macam pilihan raya. Sedangkan ini bencana. Timbul tuduh-menuduh dan berbagai-bagai kenyataan. Saya tidak mahu sebutlah Menteri mana yang buat kenyataan banyak. Seinggalah akhirnya ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam keadaan yang gawat begitu mengeluarkan satu kenyataan di mana Baginda meminta semua pihak ketepikan fahaman politik, kerana kita sekarang sedang dalam keadaan bencana, yang mana akhirnya Menteri Besar Kedah mengeluarkan satu kenyataan, Menteri Besar Kedah berterima kasih bantuan Kerajaan Pusat berkenaan dengan banjir.

Itu masa berlaku banjir. Sekarang ini masalah belum selesai. Rumah yang rosak, rumah yang hilang perabot dan sebagainya. Sebab itulah Menteri Besar mengeluarkan kenyataan terima kasih kerana kesanggupan Kerajaan Pusat untuk memberikan sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, bencana ini bukanlah lagi kita boleh ambil kesempatan sama ada mana-mana pihak pun untuk mencari keuntungan politik di situ. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa suatu arahan yang dinamakan MKN Arahan 20 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang dicetak pada 19 Mei 2009, baru sangat lagi. 19 Mei 2009 mengenai dengan keselamatan negara mengenai dengan bencana alam yang saya kira di

dalamnya cukup lengkap. Saya bangkitkan perkara ini ialah untuk memberi perhatian bahawa bencana ini mungkin berlaku lagi. Gempa bumi mungkin berlaku, tsunami mungkin berlaku supaya ianya menjadi pengajaran dan menjadi iktibar kepada kita semua.

Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara ini, apabila berlaku dalam satu daerah bencana itu sama ada banjir, tanah runtuh, ribut taufan dan sebagainya maka hendaklah ditubuhkan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai daerah yang disetiausahakan oleh Majlis Keselamatan Negara Daerah. Kalau tidak ada Majlis Keselamatan Daerah dilantik Penolong Pegawai Daerah Bahagian Keselamatan sebagai setiausaha dan semua ketua jabatan, ketua bomba, ketua polis, Ketua Jabatan Pengairan dan Saliran dan sebagainya semuanya berada dalam Jawatankuasa ini.

Ini telah kita laksanakan di Kedah. Kerana dalam Arahan 20 ini menyebut bencana alam itu ada tiga tahap. Saya percaya kerana kalaulah timbalan menteri kah, menteri-menterikah, Timbalan Perdana Menteri kah yang memahami Arahan 20 MKN ini tidak akan berlaku tuduh-menuduh kenyataan-kenyataan yang mengetepikan pihak MKN Arahan 20.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tiga minit sahaja lagi ya.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya ada 10 lagi isu. Dato' Azian bagi dekat saya 20...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, tidak boleh.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Masa dia Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banyak itu Yang Berhormat. Tolong beri kerjasama ya. Ada tiga orang lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Allah, macam mana hendak buat ini. *[Ketawa]* Jadi apabila berlaku lebih daripada dua daerah, maka kena ditubuhkan di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Anggotanya ialah semua ketua jabatan yang setiausahanya ialah Pengarah Majlis Keselamatan Negara Negeri.

Akan tetapi di Kedah tidak berlaku begitu. Jawatankuasa yang ditubuhkan ini, Majlis Keselamatan Negara yang berada di negeri dia tidak hadir malah dia tubuh asing, sedangkan arahan ini jelas. Apabila bencana alam itu berlaku lebih daripada dua negeri, baru-baru ini banjir di Kedah, di Perlis dan di Kelantan. Maknanya sudah lebih dua negeri, sepatutnya Jawatankuasa untuk hadapi bencana ini ialah di peringkat Pusat. Pengerusinya ialah Menteri Kewangan yang dilantik oleh Perdana Menteri. Setiausahanya ialah Pengarah Keselamatan Negara dan Jawatankuasanya ialah semua ketua jabatan. Akan tetapi ini tidak berlaku, walaupun sepatutnya ini telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, semoga apabila berlaku bencana alam, Arahan 20 MKN ini diterima pakai. Baik - saya tidak tahu hendak pilih yang mana, terlalu banyak.

■1630

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit lagi.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Okey, saya hendak tutup dengan SPR - saya ambil isu SPR. Semalam naik soalan mengenai dengan sahabat kita Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin minta supaya SPR mendaftar secara automatik semua ahli. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa ini tidak dapat dilakukan di antara sebabnya ialah kerana masalah alamat, takut satu kawasan - pengundi tidak balik.

Saya rasa ini bukan suatu alasan kerana apa yang berlaku sekarang di negeri Kedah kalau tidak silap saya, lebih kurang lebih 100,000 orang pengundi yang sekarang ini berada di luar Kedah. Ini kerana sekarang pun pendaftaran ini adalah mengikut alamat kad pengenalan, di mana di atas kad itu suatu hal yang lain. Akan tetapi, ia akan dimasukkan namanya mengikut alamat kad pengenalan walaupun ia mendaftar sendiri. Jadi ini bukanlah suatu alasan supaya kita boleh memberi peluang dan ruang kepada rakyat negara kita yang berumur 21 tahun ke atas. Mereka ini layak mengundi, mereka ini boleh mengundi apabila mereka ini didaftarkan secara automatik. Yang mana pejabat pendaftaran kita yang ada sekarang ini cukup canggih, yang boleh *linked* dengan SPR supaya setiap pengundi ini boleh mengundi pada pilihan raya akan datang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan *food security*. Sahabat saya kelmarin, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin bercakap untuk kita menjaga padi. Saya rasa kerajaan perlu memberi perhatian supaya memastikan kawasan yang subur sawah padinya tidak lagi diadakan projek pembangunan yang lain termasuk perumahan. Ini kerana di Kedah, Kerajaan Negeri Kedah telah membuat satu polisi tanah sawah padi tidak dibenarkan ditukar syarat untuk menjalankan projek-projek lain kerana untuk memastikan pengeluaran padi dapat ditingkatkan. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua tidak memberi ruang kepada saya, saya tidak lawan dan saya mohon dengan ucapan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah bagi satu minit lebih ya. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

#### 4..33 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang untuk turut serta dalam perbahasan bajet. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Bajet 2011 sangat tertumpu pada pembangunan di Lembah Klang ataupun *Greater Kuala Lumpur*, tetapi mengabaikan ataupun terpinggirkan negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak. *Greater Kuala Lumpur* membelanjakan wang sebanyak RM109 bilion lebih, tetapi Sabah dan Sarawak campur sekali wang yang diperuntukkan ialah RM9.55 bilion.

Data pada tahun 2007 menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak menyumbang 44.5% minyak mentah dan 64.1% gas asli, tetapi wang yang dialirkan semula kepada kedua-dua negeri sangat kurang. Di sini saya juga menyatakan bahawa negeri Sabah kadar kemiskinan 16% berbanding dengan Semenanjung Malaysia iaitu 2.3%. Ertinya Sabah perlu lebih peruntukan dan

juga wang yang diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur di Sabah dan Sarawak masih rendah juga berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Perdana Menteri bahawa pembangunannya tertumpu pada bandar-bandar besar. Adakah kerajaan berfikir mengenai pembangunan yang berselerak, di mana pembangunan yang diagih dengan teratur kepada semua kawasan dan bukan tertumpu kepada Kuala Lumpur dan sekitarnya sahaja iaitu pembangunan *decentralized* dengan izin - pembangunan yang *decentralized*.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet untuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ada peruntukan sebanyak RM114 juta dan pada masa yang sama juga ada peruntukan sebanyak RM66 juta untuk Biro Tatanegara. Biro Tatanegara ini menginstitusikan sentimen perkauman yang bersempit. Jadi saya tengok di sini ada juga wang yang diperuntukkan untuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, dan pada masa yang sama juga ada juga peruntukan untuk Biro Tatanegara. Jadi kedua-dua jabatan yang bertentangan matlamatnya, apakah tujuan?

Saya suka mengingatkan di sini bahawa kami kerajaan sini tidak boleh membazirkan wang, sebab dari tahun 1997 hingga sekarang bajet ialah selalu bajet defisit. Jadi kita tidak boleh membazirkan wang. Di sini juga saya menerangkan bahawa ada beberapa 53 kementerian, jabatan dan agensi mempunyai tunggakan yang besar iaitu RM21.93 bilion. Badan berkanun tertunggak RM2.15 bilion dan juga syarikat GLC. Tunggakan masih naik, tiap-tiap tahun naik. Apakah langkah kerajaan untuk mengutip balik wang ini? Adakah rancangan yang teratur sudah ada? Ini kerana tiap-tiap tahun tunggakan naik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Talent Corporation*. Kerajaan memperuntukkan RM30 juta untuk *Talent Corporation*, untuk menarik pakar mahir dan pakar dari negara-negara asing. Akan tetapi, pada masa yang sama juga ada juga pakar tempatan yang keluar pergi ke negara lain. Pada masa kini lebih kurang 800,000 warga Malaysia yang memegang jawatan-jawatan penting di seluruh dunia. Apakah rancangan untuk menarik balik mereka ke negara kita?

FDI pun masih kurang. Satu sebab yang dinyatakan di *mass media* kenapa FDI ini kurang ataupun pakar Malaysia yang keluar tidak mahu balik. Alasan mereka ialah Malaysia ada banyak rasuah dan juga dasar perkauman dalam semua aspek kerajaan dan sistem pendidikan yang tidak berkualiti. Ini adalah alasan mereka tidak mahu balik. Adakah kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri mengambil kira perkara ini? Apakah strategi dan rancangan kerajaan untuk pekerjaan kemahiran Malaysia yang bekerja di luar negeri datang balik.

Pada masa yang sama juga, ada ramai pelajar cerdik pandai Malaysia pergi ke luar negeri dan tidak balik. Negara jiran memberi satu jawatan yang lumayan, jawatan yang *challenging* dengan izin, dan menarik mereka kepada negeri mereka. Kenapa Kerajaan Malaysia pun tidak buat langkah-langkah sebegini untuk menarik balik pelajar cerdik pandai Malaysia yang belajar di luar negara?

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah, di Malaysia peratus pekerja mahir teknikal ialah 23%. Kalau kita banding dengan negara lain macam Singapura, Korea, Taiwan pakar kemahiran mereka ialah lebih daripada 40%.

■1640

Jikalau kerajaan kita berkehendak meningkatkan pendapatan yang tinggi untuk rakyat Malaysia, kita mesti berusaha untuk meningkat juga peratus ini kepada 40% ke atas. Apakah rancangan atau langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencapai lebih daripada 40%?

Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengingatkan gaji minimum. Kalau kerajaan mahu berusaha untuk mendapat pendapatan yang tinggi kita mesti ada gaji minimum. Ada dinyatakan dalam surat khabar bahawa 34% pekerja Malaysia berpendapatan kurang daripada kadar kemiskinan. Jikalau mereka dapat pendapatan yang kurang dan 34% itu suatu peratus yang tinggi, bagaimana kita mencapai pendapatan yang tinggi? Lagi pun harga selalu naik. Baru-baru ini pun harga naik - harga minyak, harga gas dan harga gula naik tetapi gaji tidak naik. Satu *survey* dari bank dunia menyatakan bahawa dalam 10 tahun, gaji di Malaysia naik hanya 2.6%. Jadi kalau dengan kadar begini kita tidak boleh mencapai pendapatan tinggi. Jadi sekurang-kurangnya kita mesti ada gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet juga dinyatakan bahawa KWSP dan Khazanah Nasional Berhad akan membeli syarikat PLUS dengan bayaran RM23 bilion. Jadi sekarang PLUS yang menjalankan tol di seluruh jalan raya dimiliki oleh kerajaan, saya minta kerajaan menurunkan kadar tol yang akan mengurangkan beban rakyat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini - pengangkutan awam. Ada ramai ahli di Dewan ini pun ada menyentuh dengan perkara ini. Kerajaan daripada dahulu membelanjakan bilion-bilion ringgit membina jalan raya, monorel, kereta api tetapi sehingga sekarang kita belum capai satu tahap yang selesa mengenai pengangkutan awam. Pengangkutan awam ialah masih satu masalah. Nampaknya kita belum ada satu sistem yang betul-betul *integrated* dengan izin, dan keseluruhan mengenai pengangkutan awam.

Juga saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak ada banyak suara mengenai polisi-polisi pengangkutan. Semua polisi yang penting dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri. Jadi adakah ini satu masalah, saya tidak tahu. Akan tetapi saya tahu ialah sehingga sekarang lepas belanjakan berbilion-bilion ringgit, masalah pengangkutan masih di keadaan yang sama juga. Apakah langkah akan dibuat oleh Kementerian Pengangkutan untuk memajukan sistem pengangkutan umum yang *integrated*?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai PTPTN. Ketua Audit Negara dalam tahun 2009 ada menyatakan beberapa kelemahan di pengurusan PTPTN. Dalam laporannya ada memberitahu bahawa Tabung PTPTN untuk tahun 2008 dan tahun 2009 sehingga kini masih diproses, iaitu 61% daripada 103,000 borang diterima pada tahun 2008 dan semua borang yang diterima pada

tahun 2009 tidak diproses. Pasukan audit juga mendapati bahawa borang permohonan yang tidak lengkap itu sedang dilonggokkan dengan cara sembarangan dalam pejabat Unit Perjanjian di ibu pejabat PTPTN. Jabatan Audit Negara juga menggesa bahawa PTPTN membetulkan rumah mereka.

Ini sangat penting sebab Tuan Yang di-Pertua. PTPTN juga meminjamkan berbilion-bilion ringgit dari KWSP dan jabatan ini kena bayar balik. Jikalau sistem mereka tidak betul, dokumentasi mereka tidak betul, bagaimana mereka boleh bayar balik pinjaman? Bolehkah saya minta Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, apakah keadaan sekarang? Adakah cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Perjanjian ini antara Malaysia dengan EU. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu bahawa Malaysia akan membuat satu perjanjian dengan EU mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas. Beberapa tahun dahulu, Malaysia juga membuat satu Perjanjian Perdagangan Bebas dengan US tetapi perjanjian itu tidak dijalankan. Saya difahamkan bahawa ada beberapa perkara tidak boleh dipersetujui. Jikalau begitu kenapa kerajaan masukkan satu lagi ataupun mahu satu lagi Perjanjian Perdagangan Bebas dengan EU? Bolehkah Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberitahu, kenapa perundingan mengenai FTA dengan US gagal dan kenapa *term and condition* dengan izin, dari FTA ini dengan EU tidak diumumkan. Sekurang-kurangnya umumkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang merisaukan saya ialah syarikat-syarikat kecil atau SME tidak boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar Eropah. Bolehkah kerajaan Malaysia memberi satu jaminan bahawa kelangsungan hidup SME terjamin? Perjanjian FTA antara Malaysia dan EU ini juga akan memberi kesan kepada rakyat dari segi pertanian. Pada masa ini, petani Malaysia diberi subsidi untuk menghasilkan tanaman dan menjualnya dengan harga berpatutan. Hasil tanaman dari luar negara dikenakan takrif import untuk melindungi petani daripada kerugian.

Selepas FTA, petani akan kerugian apabila takrif tanaman luar negara akan dikurangkan. Malaysia akan dibanjiri oleh hasil tanaman EU yang amat murah berbanding dengan harga tanaman Malaysia. Petani Malaysia akan mengalami kerugian tinggi dan tidak dapat bertani lagi. EU menggunakan teknologi tinggi dan memberi subsidi yang tinggi kepada pertanian mereka. Oleh itu harga tanaman tempatan tidak boleh bersaing dengan harga tanaman EU yang sangat murah. Bagaimana petani tempatan kita mampu bersaing dengan mereka? Bolehkah Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberitahu Dewan yang mulia ini?

Selain daripada pertanian, ada juga sektor-sektor lain yang akan diancam iaitu bank-bank tempatan, syarikat insurans tempatan, kilang-kilang tempatan serta syarikat membuat ubat tradisional. Ini kerana syarikat Eropah lebih cenderung untuk *outsource* bagi mengurangkan kos. Dalam situasi ini, pekerja tempatan akan merasa terancam dan berkemungkinan mereka semua

akan menjadi pekerja kontrak sahaja. Apakah jaminan kerajaan untuk pekerja-pekerja yang terkesan akibat daripada FTA ini? Kesan atau kemampuan Malaysia untuk menaikkan rantaian nilai (*value chain*) pun terjejas juga. Adakah perkara-perkara begini diambil kira dalam FTA dengan EU?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masyarakat Orang Asli. Orang Asli yang saudara-mara kita pun ada pertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jaringan Kampung Orang Asli Malaysia (JKOAM) mendakwa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan Persekutuan telah menaikkan elaun Tok Batin dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dari RM450 sebelum ini kepada RM800 sebulan pada tahun ini.

■1650

Ramai Tok Batin yang telah berkhidmat selama 15 tahun hingga 20 tahun tetapi tidak pernah menerima satu sen pun. Beberapa orang Tok Batin ada menerima elaun tetapi hanya RM200 sebulan. Diburukkan lagi apabila kerajaan hanya membayar sekali untuk setiap tiga bulan. Ada sesetengah Tok Batin langsung tidak menerima elaun tersebut. Persoalannya sekarang, apakah yang terjadi pada wang elaun mereka? Ramai Tok Batin dari Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang malah Pengerusi JKKK juga tidak menerima apa-apa elaun. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu apakah yang sudah terjadi pada elaun mereka dan apakah keadaan yang sebenarnya?

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Asli juga masih menanti jawapan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan memorandum yang telah diserahkan pada 17 Mac 2010 yang lalu, yang mana lebih daripada 1,000 Orang Asli berarak ke Putrajaya. Perarakan Orang Asli ke Putrajaya ini telah menunjukkan kegagalan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Saya mencadangkan di sini bahawa jabatan ini mesti diketuai oleh Orang Asli. Kalau tidak, Orang Asli atau Orang Asal tidak boleh berkembang maju seperti masyarakat-masyarakat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan nasib wanita kaum Penan di Sarawak. Pada bulan Oktober 2009, Laporan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi menyiasat dakwaan penderaan seksual terhadap wanita kaum Penan di Sarawak telah mendedahkan kepada umum dan menegaskan telah berlaku penderaan seksual kepada gadis dan wanita kaum Penan. Laporan tersebut juga telah mendedahkan bahawa terdapat tujuh kes baru penderaan seksual dalam kalangan gadis dan wanita kaum Penan. Akan tetapi, sehingga sekarang tidak seorang pun di heret ke muka pengadilan untuk bertanggungjawab atas penganiayaan ini. Saya minta Menteri berkenaan, apakah keputusan siasatan dan siapakah yang bertanggungjawab?

Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa penderaan seksual ini kebanyakan berlaku akibat daripada kebergantungan mangsa kepada pengangkutan kenderaan yang dimiliki oleh

syarikat pembalakan dan kehadiran orang luar yang berurusan dengan orang kampung untuk membeli hasil hutan. Kebanyakan mangsa adalah pelajar sekolah yang menumpang kenderaan milik syarikat pembalakan untuk pergi dan balik dari sekolah. Jadi penderaan seksual juga melibatkan anggota berpakaian seragam - ini juga merupakan tuduhan mereka. Saya harap pihak polis akan *come clean* dengan izin, dengan tuduhan ini. Saya minta di sini kerajaan mengenakan satu *windfall tax* dari syarikat-syarikat pembalakan, dan *tax* yang dikutip ini digunakan untuk kebajikan orang Penan dan orang dalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai kematian ataupun *pollution* dengan izin, Sungai Rajang. Aktiviti pembalakan yang tidak terkawal dan terus telah menyebabkan sungai terpanjang di Malaysia ini semakin parah akibat kerakusan pihak tertentu. Kejadian ini menyebabkan lebih 20,000 orang penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Rajang dan kawasan yang bergantung pada pengangkutan sungai itu. Ini termasuk lebih 200 buah rumah panjang terjejas berikutan laluan Sungai Rajang tersekat dengan dipenuhi balak yang dibuang, kayu hanyut dan sisa-sisa pohon pokok. Apakah langkah yang diambil oleh *Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar* untuk memulihkan pencemaran di Sungai Rajang sehingga kini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengurusan air di Selangor. Sebelum tahun 1994, pengurusan air di Selangor diuruskan oleh negeri Selangor. Pada masa itu, perbadanan ini mendapat keuntungan RM40 juta sehingga RM50 juta setiap tahun. Selepas penswastan pada tiga buah syarikat untuk memproses air dan sebuah syarikat untuk mengedar air, harga air pun meningkat. Syarikat ini pun sekarang ada banyak hutang. Walaupun kerajaan memberikan hutang yang banyak tetapi, syarikat ini memberikan dividen yang besar kepada pemilik syarikat. Sekarang mereka cadangkan menaikkan harga air.

Air ialah hak manusia. Jadi tidak sepatutnya harga air dinaikkan, sebab air digunakan oleh semua termasuk juga orang miskin. Jadi saya di sini ingin mencadangkan bahawa air mesti dirakyatkan kepada negeri Selangor yang dahulunya menguruskan dengan cekap dan baik. Jadi saya mencadangkan bahawa Menteri ataupun *Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia* membincangkan dengan negeri Selangor untuk pengurusan air balik kepada negeri Selangor.

Di sini saya juga membandingkan dengan pengurusan air di Pulau Pinang. Pengurusan air di Pulau Pinang yang mana jabatan itu dikorporatkan. Apabila dikorporatkan, jabatan itu masih cekap dan harga air mereka sangat murah. Harga air mereka ialah satu pertiga daripada harga yang di caj oleh SYABAS. Bagaimana Jabatan Bekalan Air Pulau Pinang boleh jadi lebih cekap? Jabatan ini dipengerusikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng dan pengurusan beliau sangat cekap. Mereka boleh kendalikan jabatan ini dengan baik dan mengambil kira kebajikan rakyat. Akan tetapi syarikat swasta iaitu SYABAS dan tiga buah lagi syarikat hanya mementingkan keuntungan mereka sahaja.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Silakan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Mengenai dengan masalah air ini. Bolehkah saya fahamkan bahawa keadaan yang berbeza di Selangor dan Pulau Pinang juga di Kedah. Ini di mana contohnya di Kedah, syarikat air iaitu Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) ialah satu syarikat yang dikorporatkan. Maksudnya, syarikat ini dikawal dan dijaga oleh kerajaan negeri yang mana Menteri Besar menjadi Pengerusi.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Akan tetapi di Selangor, SYABAS ini bukanlah merupakan syarikat yang dikorporatkan tetapi syarikat swasta. Jadi apakah pertelingkahan yang berlaku sebenarnya? Terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Di negeri Pulau Pinang dan di Kedah, badan yang menguruskan air dikorporatkan. Jadi pekerja-pekerja dahulu sekarang kerja di korporat. Akan tetapi di Selangor pula, air diswastakan kepada empat buah syarikat. Syarikat ini selepas diswastakan mementingkan keuntungan dan mereka mementingkan *return on investment* kepada pemilik syarikat. Akan tetapi pengkorporatan tidak ada kewajipan sebegini. Jadi pengkorporatan ataupun perbadanan lebih baik daripada penswastaaan. Saya harap Kerajaan Pusat yang membuat kesilapan ini dalam tahun 1994...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Membetulkan...Ya, satu minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya, sedikit sahaja. Membetulkan keadaan ini dengan memberikan semula kepada negeri Selangor.

Ada tiga lagi perkara Tuan Yang di-Pertua - sekejap sahaja. Satu ialah mengenai Pendidikan Moral di sekolah kita. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pendidikan Moral ialah diajar seperti murid dikehendaki menghafal semua nilainya. Kalau murid itu faham atau tidak faham, ia perlu hafal semua nilai dan dalam peperiksaan ia perlu mengeluarkan atau *repeat* apa yang ia hafal.

#### ■1700

Ini bukan cara yang baik untuk belajar ataupun mengajar Pendidikan Moral. Pendidikan Moral ialah satu nilai. Murid mesti menyerap nilai ini untuk menjadi warga yang baik, bukan menghafal dan *repeat* di peperiksaan. Ini tidak akan memberi apa-apa manfaat. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi penjelasan dengan cara diajar Pendidikan Moral. Ramai ibu bapa membuat aduan dan mereka pun bincang perkara ini di surat khabar.

Satu lagi mengenai Pendidikan Moral ialah guru yang mengajar Pendidikan Moral mesti belajar Pendidikan Moral pada masa dahulu di sekolah. Guru yang tidak belajar Pendidikan Moral tidak boleh mengajar Pendidikan Moral sekarang. Saya difahamkan bahawa guru yang tidak

pernah belajar Pendidikan Moral, sekarang mengajar Pendidikan Moral. Itu saya ingat tidak disenangi oleh ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara tetapi masa pun sudah cukup, jadi saya berhenti di sini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih. Sebelum itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin tahu untuk perbahasan esok hari, siapa-siapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat turut berbahas untuk esok hari? Okey, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad Yusop.

#### 5.02 ptg.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang mana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011. Terlebih dahulu juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas ucapan beliau ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 pada 15 Oktober 2010 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Malaysia kerana melalui pelbagai usaha yang telah diambil sejak menubuhkan kerajaan. Selepas pilihan raya tahun 2008, terutamanya dalam usaha-usaha menangani ekonomi negara yang kini telah menunjukkan hasil pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

Kedua, saya rasa pihak kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu diberi ucapan tahniah kerana melalui program-program transformasi yang telah dimulakan melalui GTP, NKRA sehinggalah yang terbaru, ETP melalui Model Ekonomi Baru telah membuktikan kesungguhan kerajaan untuk membangunkan negara yang tercinta ini, menjadi negara berpendapatan tinggi sesuai dengan hasrat yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Namun, tetap meletakkan tahap kualiti hidup rakyat sebagai objektif utama seperti yang terkandung di dalam Model Ekonomi Baru. Saya juga rasa seluruh rakyat Malaysia patut berbangga kerana Malaysia sejak tahun 2008 telah memperbaiki kedudukannya dalam Indeks Keamanan Global. Dalam tahun 2008, kita menduduki tempat ketujuh daripada 149, naik ke tangga 26 pada tahun 2009 dan laporan *Global Peace Index 2010*, meletakkan Malaysia di kedudukan yang ke-22 mendahului Singapura yang berada pada tempat yang ke-30. Di peringkat Asia dari segi keamanan, Malaysia hanya di belakang Jepun yang menduduki tempat ketiga dunia.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa negara kita Malaysia juga naik daripada tempat ke-63 dalam *Human Development Report* dalam tahun 2008, ke kedudukan 56 dalam tahun 2010. Malaysia sekarang antara 70 buah negara berada dalam kategori dengan izin, *high human development*.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam membahaskan ucapan bajet pada kali ini, saya ingin memberi fokus kepada bidang pendidikan negara, baik yang di sekolah rendah, menengah mahupun yang di peringkat pengajian tinggi. Kalau masa mengizinkan, saya akan juga menyentuh beberapa isu-isu yang lain. Kalau boleh, saya mulakan dengan peringkat pengajian tinggi. Suka saya mengambil contoh Korea Selatan. Sebagai contoh, bagaimana 30 tahun yang lalu mereka melabur dalam sektor pendidikan tinggi dengan membina beberapa buah universiti baru dan pada hari ini mereka dapat mengecap hasil daripada pelaburan tersebut.

Di dalam bab awal Rancangan Malaysia Kesepuluh, ada dibuat rujukan bagaimana pada tahun 70-an, GDP Malaysia lebih tinggi daripada Korea Selatan. Kurang daripada 40 tahun kini, GDP Korea Selatan berkali ganda lebih tinggi daripada kita. Mungkinkah pelaburan dalam bidang pendidikan dengan mendirikan lebih banyak universiti pada masa itu telah menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang kini digerakkan oleh *knowledge workers*, dengan izin mereka. Ini adalah satu persoalan penting yang perlu kita kaji kerana kalau benar kejayaan yang ditempa oleh Korea Selatan sekarang disebabkan oleh pelaburan dalam bidang pendidikan, maka saya sarankan kita memikirkan semula di mana pelaburan kita pada masa ini dalam bidang tersebut.

Perdana Menteri India, semasa beliau memberi syarahan Global Khazanah 2010 memberitahu kita, bagaimana dalam masa 50 tahun terdahulu, India hanya mempunyai tujuh buah institut teknologi dan satu institut sains. Akan tetapi dalam masa lima tahun yang terdekat, India telah membina lapan lagi institut teknologi dan lima buah institut pengajian dan pendidikan sains. Lihat di mana India sekarang dalam bidang teknologi maklumat.

Saya berpendapat, untuk Malaysia maju seperti Korea Selatan dan mempunyai kepakaran IT seperti India, kerajaan perlu melabur hari ini dengan merancang pelan jangka panjang. Bagaimana kita boleh memanfaatkan melalui pelaburan dalam bidang pendidikan dengan membina lebih banyak universiti dan menghantar lebih ramai modal insan kita untuk pengajian peringkat *post graduate* iaitu peringkat Sarjana dan PhD.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya syarikat-syarikat berkaitan kerajaan iaitu GLC yang mempunyai lebih keuntungan. Saya sarankan syarikat-syarikat tersebut juga membantu dengan membina universiti-universiti seperti mana yang dibuat oleh Petronas dan Telekom.

Dengan membina universiti, kita juga akan membuka peluang pekerjaan bukan sahaja semasa pembinaan tetapi juga selepas sesebuah universiti siap dibina. Lebih penting lagi adalah apabila universiti yang dibina dan diisi dengan pensyarah-pensyarah dan kakitangan pentadbiran yang berkelayakan tinggi, ia juga akan membuka ruang untuk anak-anak bangsa kita

mendapatkan pendidikan kelas pertama bagi menyediakan mereka untuk membangunkan negara pada masa hadapan. Hanya dengan melabur dalam pendidikan tinggi secara jangka panjang, negara akan mempunyai rakyat yang berpengetahuan tinggi.

■1710

Untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi, kita juga harus berusaha sebaik mungkin untuk mengimbangi negara dengan bukan sahaja rakyat yang berpengetahuan tinggi tetapi juga yang mampu untuk mempertahankan kualiti hidup rakyat. Kesemua ini menjadi syarat penting untuk membawa Malaysia ke hadapan tanpa satu daripadanya, sudah tentu akan melambatkan Malaysia untuk maju ke hadapan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sama seperti pengajian tinggi, pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah juga harus diberi perhatian yang tiada bezanya.

Sudah tiba masanya untuk Kerajaan Persekutuan kembali memartabatkan bidang pendidikan dengan mengembalikan status guru sebagai kerjaya yang *noble* lagi dihormati dan mengubah persepsi masyarakat bahawa kerjaya guru adalah kerjaya yang paling bawah dalam senarai pilihan. Kembalikanlah zaman kegemilangan di mana guru-guru lepasan... dan maktab perguruan kita dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Jikalau perlu kerajaan bertanggungjawab untuk melatih guru-guru daripada kalangan yang terbaik dan di institusi yang terbaik juga.

Adalah amat malang sekali dalam usaha kita mahu menjadi negara berpendapatan tinggi, maju dan makmur namun profesion perguruan hanya diisi oleh mereka yang sudah tidak ada peluang di tempat-tempat lain. Bagaimana mungkin kita serahkan masa depan modal insan negara kita di kalangan mereka yang merasa terpaksa mengambil profesion tersebut hanya kerana mereka tidak diterima di tempat lain.

Oleh sebab itu juga, saya ingin menyarankan agar kriteria kemasukan ke institut perguruan pada masa ini diperketat, agar bakal guru yang akan menjadi pendidik anak-anak bangsa masa hadapan bukan daripada kalangan mereka yang tidak ada pilihan lain.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga suka menyarankan jika ada rancangan Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan program ala khidmat negara. Di mana guru-guru yang cemerlang, yang selalunya mengajar di sekolah-sekolah terbaik dalam negara untuk dihantar sebagai guru mentor ke sekolah-sekolah di desa untuk jangka masa pendek, enam bulan misalnya. Bagi membantu memimpin guru-guru yang baru lulus daripada institut perguruan supaya mereka ini juga boleh menjadi guru cemerlang. Pelajar-pelajar di desa turut sama mendapat peluang belajar daripada guru-guru yang terbaik untuk mereka menjadi rakyat yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran yang telah membuat

keputusan baru-baru ini menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib menjelang tahun 2012 dan 2014 di semua peringkat sekolah rendah dan menengah.

Mata pelajaran Sejarah adalah mata pelajaran yang sangat penting untuk menjadikan rakyat cintakan negara dan tidak buta sejarah. Kita tidak boleh mengharapkan IPT untuk membentuk nilai anak-anak kita, untuk menjadi warganegara yang baik. Jikalau kita gagal mendidik anak daripada usia enam hingga 18 tahun, maknanya lebih 11 tahun kita gagal menerapkan nilai-nilai murni sama ada moral, hubungan etnik, dan kewarganegaraan. Bagaimana mungkin dalam masa tiga tahun akhir pengajian mahasiswa yang sibuk dengan kuliah pengkhususan bidang masing-masing, kita harapkan IPT untuk menyelesaikan masalah masyarakat ini?

Dalam konteks ini kita harus melihat IPT dengan menggunakan kanta yang sedikit kabur bagi memberi ruang untuk mereka berfalsafah, berteori, bereksperimen dan berdiskusi. Kesarjanaan di peringkat pengajian tinggi perlu di perkasa. Seperti guru-guru di sekolah rendah dan menengah, kita harus memulakan pembudayaan kesarjanaan di kalangan ahli akademik IPT dan IPTS supaya standard kita kalau pun tidak lebih baik, sekurang-kurangnya setanding apabila dibandingkan dengan Universiti Kebangsaan Singapura dari segi pengajaran, penerbitan, penyeliaan dan khidmat masyarakat.

Ini bukan mustahil untuk kita capai, lihat bagaimana kita boleh berada lapan anak tangga lebih tinggi daripada Singapura dalam Indeks Keamanan Global. Maknanya ada perkara-perkara yang kita boleh buat adalah betul dan tepat. Soalnya sekarang bagaimana kita mencari supaya elemen-elemen yang tepat dan betul ini juga wujud dalam ekosistem universiti-universiti kita agar kita dapat melahirkan generasi pewaris bangsa yang berilmu, berakhlak, beriman, berintegriti dan berhati mulia. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

**Datuk Majjol Mahap:** Mohon mencelah.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Sila.

**Datuk Majjol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang sejarah yang bakal nanti dijadikan satu mata pelajaran wajib di sekolah menengah. Saya setuju Yang Berhormat bahawa mata pelajaran Sejarah ini penting kerana ini adalah satu mata pelajaran yang boleh memberikan kita pengajaran tentang liku-liku perjalanan negara kita di masa yang lalu dan juga sebagai satu pedoman kita untuk melangkah ke hadapan lagi.

Apa yang saya nampak di sini Yang Berhormat ialah apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran mengumumkan, ia diumumkan dalam satu forum politik dan bukan melalui perbincangan yang sebelum ini dibuat terhadap pemansuhan pengajaran bahasa Inggeris dalam matematik dan sains, di mana ia diperkatakan dan dibahaskan secara meluas oleh sesuatu badan dan juga oleh semua masyarakat. Untuk mata pelajaran ini diumumkan secara tiba-tiba dan mendadak tanpa *study* daripada mana-mana pihak.

Jadi bagi saya ia menampakkan seolah-olah ia diperkenalkan secara terburu-buru dan tidak mempunyai kajian yang dibuat sama ada ia perlu atau tidak dan kalau perlu apa sebabnya.

Kedua, Yang Berhormat ialah tentang pengisian Sejarah itu, sejauh manakah ia boleh merangkumi sejarah yang sebenarnya mengenai negara kita dan bukan hanya tertumpu kepada aspek-aspek, masyarakat, parti politik tertentu di negara kita. Ia harus mempunyai satu keterangkuman dalam pendekatannya, dalam subjek tersebut.

Jadi apakah pendapat Yang Berhormat tentang ini dan bagaimana boleh kita gabungkan tenaga supaya apa yang kita harapkan ini betul-betul jitu dan menggambarkan sejarah sebenar yang dapat diilhamkan dan diterjemahkan dalam buku sejarah nanti untuk diajar kepada anak-anak kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat yang prihatin terhadap mata pelajaran Sejarah yang akan diwajibkan di sekolah-sekolah. Jikalau kita lihat *statement* atau kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Mata pelajaran Sejarah ini hanya akan dimulakan wajibnya pada tahun 2012 kalau tidak silap saya, bagi sekolah rendah dan tahun 2014 bagi sekolah menengah.

#### ■1720

Jadi soal terburu-buru itu mungkin pada saya tidak timbul. Keduanya perbincangan mengenai sama ada mata pelajaran Sejarah ini perlu diwajibkan sudah lama dibincangkan dalam beberapa forum dan sebagainya. Ini pendapat peribadi saya dan saya rasa Kementerian Pelajaran pun akan mengkaji lagi kurikulum dan *syllabus* nya sebelum ia memantapkan untuk dijadikan mata pelajaran wajib. Setakat itulah sahaja Yang Berhormat yang dapat saya kemukakan. Selebihnya itu nanti kena tanya kementerianlah ya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat semenjak Persekutuan Malaysia merdeka, kita sering mendengar ungkapan betapa pentingnya peranan pihak swasta dalam negara domestik untuk terlibat dalam membangunkan ekonomi negara. Wawasan 2020 yang diumumkan pada tahun 1991 bukan sahaja menggariskan peri penting sembilan cabaran untuk menjadi sebuah negara yang maju, lagi *industrialize* dalam acuan sendiri. Akan tetapi yang juga penting ialah bahagian kedua Wawasan 2020 yang menekankan kerjasama antara pihak swasta dengan kerajaan untuk mencapai negara maju dan membantu golongan Melayu bumiputera.

Sejak dahulu lagi pihak swasta adalah jentera dan enjin pertumbuhan ekonomi dari yang sekecil-kecilnya hinggalah yang gergasinya. Tiada siapa yang dapat menafikan hal ini. Ingin dicadangkan supaya peranan swasta tempatan atau domestik perlu dipertingkatkan untuk mencapai Program Transformasi Ekonomi Negara. Kita tidak boleh selama-lamanya berharap kepada peranan pelabur swasta luar negara. Matlamat para pelabur baik dari dalam negara mahupun luar negara ialah untuk mencapai keuntungan. Malaysia merupakan di antara syurga pelaburan untuk para pelabur tetapi terdapat para pelabur dari dalam negara yang membawa

keluar wang dan pelaburan mereka ke luar negara lantaran kluatir pelaburan mereka tidak selamat di negara ini.

Semasa krisis ekonomi pada tahun 1987, tahun 1998 malah pada tahun 2009 baru-baru ini difahamkan ada pelabur tempatan yang membawa ke luar wang dan pelaburan mereka untuk melabur di negara jiran. Di samping itu pihak-pihak pelabur tempatan dan luar negara yang sedia ada menuntut pula supaya tindakan liberalisasi seperti yang berlaku pada *Industrial Coordination Act 1979*. Di samping itu pihak kerajaan perlu memperjelaskan kepada pihak pelabur swasta tempatan pentingnya mereka melabur dan aktif di dalam Program Transformasi Ekonomi Negara sebagai tindakan *corporate responsibility* mereka kepada negara ini.

Mereka perlu bersifat patriotik dan nasionalistik. Di samping memiliki rasa terutang budi kepada kerajaan yang banyak membantu membuka ruang dan peluang untuk penglibatan mereka di dalam pelbagai sektor industri. Bertanyalah kepada syarikat-syarikat seperti Maxis, ASTRO, IPP dan lain-lain. Seandainya kerajaan tidak mewujudkan peluang tersebut mereka mungkin tidak mendapat lesen dan permit untuk berniaga. Bertanyalah kepada syarikat pengimport kereta yang mendapat AP. Usaha dan inisiatif projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP) adalah contoh terbaik. Ruang dan peluang diberikan oleh kerajaan kepada pihak swasta.

Projek-projek lebuh raya seperti Lebuhraya Bertingkat Ampang-Cheras-Pandan, Lebuhraya Pantai Barat-Banting-Taiping adalah di antara contoh-contoh kepekaan kerajaan untuk membantu pihak swasta, sedangkan kerajaan boleh menyerahkan kepada syarikat yang berkaitan dengan kerajaan, GLC untuk memajukannya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam kerangka pembangunan strategik berimpak tinggi seperti pembangunan *Greater Kuala Lumpur*, Lembah Klang dan daerah kewangan antarabangsa Kuala Lumpur KLIFA, projek MRT di bawah *Greater KL* dan pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia Sungai Buloh adalah dipuji kerana ia akan membawa peluang untuk pertumbuhan ekonomi. Dalam pembangunan strategik tersebut kerajaan hendaklah memastikan rakyat tempatan juga mendapat manfaat dan keuntungan daripadanya.

Seandainya di tanah Lembaga Getah Malaysia Sungai Buloh yang seluas 2,680 ekar atau lebih dari 1,000 hektar itu dimajukan, maka rakyat tempatan yang berpendapatan rendah dan sederhana perlu dibagi keutamaan untuk memiliki ruang perniagaan dan perumahan. Rakyat tempatan serta para pekerja di kawasan pembangunan juga hendaklah dipastikan terdiri dari warganegara Malaysia. Pastikan juga pemaju kawasan ini tidak mengambil tenaga kerja warga asing dan menyerahkan kerja-kerja pembangunan kepada subkontraktor asing.

Adalah dicadangkan kerajaan menubuhkan badan pemantau atau *monitoring agency* di Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan pelaksanaan pembangunan strategik berimpak tinggi dimajukan oleh pelabur swasta tempatan, tenaga kerja tempatan dan kontraktor tempatan. Kesan kitaran atau *cyclical* dengan izin, akan berlaku dalam negara untuk membantu pertumbuhan ekonomi. Seandainya diberi kepada kontraktor asing wang negara akan mengalir

ke luar negara dan menjejaskan kadar tukaran wang. Ingat apa yang berlaku pada tahun 1987 dan tahun 1998.

Untuk memastikan kontraktor bumiputera tidak dikesampingkan sebahagian daripada kawasan berkenaan barangkali dikhaskan untuk dimajukan oleh mereka sesuai dengan jumlah penduduk Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Boleh tahan juga. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau boleh selesaikan sebelum pukul 5.30 petang.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ada berapa minit lagi?

**Seorang Ahli:** Dua.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Dua minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi. Sudah lebih masa ini Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tidak tahu saya hendak menggulung macam mana. Boleh saya sambung esok?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebenarnya tadi masa Yang Berhormat selesai pada pukul 5.22 petang. Saya sudah beri masa lapan minit lebih. Hendak sambung esok? Sambung esok?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Boleh juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak mengapa kita beri masa sehingga pukul 5.35 petang.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa kecederaan. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan menubuhkan Skim Amanah Hartanah Bumiputera melalui Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang telah dilancarkan pada 29 November 2010 lalu adalah dipuji. Usaha perlu diusahakan dalam bentuk promosi dan kempen penerangan perlu dibuat di seluruh negara supaya pelabur kecil bumiputera yang terdiri daripada individu, koperasi, syarikat swasta dan yayasan bumiputera serta penubuhan bumiputera dapat melabur di dalam Skim Amanah Hartanah ini.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Penerangan, pejabat daerah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung perlu cergas lagi aktif menjelaskan kepada rakyat di luar bandar untuk melabur di dalam skim ini. Warganegara Malaysia yang terdiri daripada bukan bumiputera tidak perlu kluatir dengan skim ini. Ini adalah satu pendekatan dan tindakan untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi berkembang.

Seandainya skim ini tidak dirancang mungkin bumiputera tidak mampu membeli hartanah malah untuk membeli hartanah kediaman yang dimajukan oleh pelabur bukan bumiputera. Skim ini barangkali menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam pasaran terbuka. Ini bukan skim

yang *racist* atau *protective*, dengan izin tetapi memberi peluang secara kolektif dan koperatif kepada bumiputera untuk berharta di tanah air sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit habis masa, ya. [*Ketawa*]

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga turut mengalu-alukan pertumbuhan modal teroka atau *venture capital* di dalam sektor berteknologi tinggi, bioteknologi dan industri kreatif melalui latihan peningkatan keusahawanan kepada 500 bakal teknopreneur serta menarik lebih ramai "*angel investors*" akan dikendalikan oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat Kementerian Kewangan.

Dari sudut lain kerajaan perlu menimbangkan supaya rakyat di luar bandar dan bandar yang berpendapatan rendah juga perlu dilatih untuk turut aktif di dalam bidang keusahawanan. Malah *venture capital* dengan izin, atau modal teroka perlu diwujudkan untuk melatih graduan-graduan menganggur dan bakal graduan di dalam bidang keusahawanan untuk membolehkan mereka terlibat di dalam bidang industri yang disebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Khamis, 16 Disember 2010.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.***